

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 20	Selasa	24 Julai 2007
----------------	---------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 30)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 (Halaman 31)
Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007 (Halaman 72)
Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007 (Halaman 110)
Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007 (Halaman 119)
Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007 (Halaman 125)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)

35. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

SELASA, 24 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Latiff bin Datuk Tamby Chik** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah langkah jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah penderaan terhadap kanak-kanak di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha untuk menangani masalah penderaan terhadap kanak-kanak di negara ini sentiasa dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi langkah jangka pendek, kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan akan diselamatkan dan sekiranya kanak-kanak berkenaan memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak berkenaan akan ditempatkan di rumah kanak-kanak selama tiga tahun atau sehingga mangsa mencapai umur 18 tahun atau diletakkan dalam jagaan seseorang yang layak dan sesuai selama tempoh dinyatakan oleh mahkamah bagi kanak-kanak dengan pengawasan seorang pelindung iaitu Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diwartakan.

Dalam usaha membendung masalah ini, ibu bapa atau penjaga diberi kaunseling supaya mereka dapat dibantu serta dibimbing. Program kaunseling keluarga dipertingkatkan lagi dengan penglibatan pelbagai agensi seperti badan bukan kerajaan dan pihak swasta manakala bagi langkah jangka panjang pula JKM menjalinkan hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam usaha untuk menangani dan mencegah masalah ini.

Agensi-agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kerjasama ini adalah bagi memastikan mangsa penderaan ini dapat diselamatkan, diberi penjagaan dan perlindungan seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001.

Selain usaha di atas, penyertaan komuniti terutama masyarakat setempat digalakkan melalui Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak. KPWKM melalui

agensinya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara diberi tanggungjawab memainkan peranan menerapkan pendidikan keibubapaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau di sini Yang Berhormat memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain tembak dengan pertanyaan tambahan, Yang Berhormat akan lebih menyerlah sebagai Setiausaha Parlimen.... [*Ketawa*]

Datin Paduka Chew Mei Fun: Sikit sahaja. Langkah proaktif ini dilaksanakan melalui Program Smart Start, Modul Kasih dan yang terkini Parenting @ Work, dengan izin. Program ini membantu ibu bapa atau penjaga dan bakal ibu bapa mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerja. Program ini akan diperluaskan ke peringkat daerah, sektor swasta dan komuniti. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Bukankah saya sudah katakan! Datuk Latiff, Dato' Hajah Samsiah dan Tan Sri Datuk Jins. Minta maaf, Dato' Ismail dan Tuan M. Munusamay, saya akan beri peluang kemudian.

Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bolehkah diberi jumlah tindakan yang telah diambil ke atas pendera-pendera dan juga keberkesanannya tindakan Kementerian. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut statistik yang saya ada di sini, kes penderaan kanak-kanak bagi tahun 2005, ialah 1,800 kes; untuk tahun 2006, 1,999 kes; dan untuk tahun 2007, Januari hingga April ialah 173 kes. Semua kes ini adalah kes yang telah dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau mengikut statistik Bukit Aman, ia ada sedikit berbeza kerana ada kes yang hanya dilaporkan kepada PDRM dan ada yang dilaporkan kepada JKM.

Seperti apa yang telah saya maklumkan tadi, kita telah pun mewujudkan banyak program. Selain daripada program yang saya telah maklumkan tadi, setakat ini Kementerian sedang melancarkan satu program iaitu Suatu Keluarga Satu Kaunselor. Melalui program ini kita rasakan ia berkesan untuk mengatasi masalah seperti ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah punca utama penderaan ini berlaku mengikut soal selidik yang dilakukan oleh Kementerian. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Perangkaan kes penganiayaan kanak-kanak mengikut pecahan motif iaitu pertamanya, disiplin sekolah; tidak ikut cakap; selalu menangis; suspek mabuk; sebab tiada diketahui; tekanan emosi; tidak sayang; seks; cuai; malas belajar; dan untuk dijual.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mempunyai statistik, berapa ramai kanak-kanak ini mengikut kaum. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut kaum bagi tahun 2005: Melayu 1,116; Cina, 245; India, 263; Peribumi Semenanjung Malaysia, 5; Peribumi Sabah, 2; Peribumi Sarawak, 109; dan lain-lain 60.

■ 1010

Untuk tahun 2006: Melayu, 1378; Cina, 219; India, 248; Peribumi Semenanjung Malaysia, 1; Peribumi Sabah, 4; Peribumi Sarawak, 102; dan lain-lain - 47.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tumpang bertanya, saya hendak bertanya apa kaitan perkara ini dengan kos? Orang-orang Melayu menggunakan perkataan "tiri, bapa tiri, anak tiri." Dan berapa peratus mereka dirangkumi dalam kumpulan "tiri" yang...? Tak apalah, saya tak boleh tanya... [Ketawa].

Datin Paduka Chew Mei Fun: Saya pun tak ada angka... [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya tersilap guna perkataan tembak tadi. Bukan isyarat untuk *go for blood*, tetapi hanya *probe for accountability*. Terima kasih.

2. **Puan GK Loga Chitra** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, bilangan pemegang status pelarian UNHCR di Malaysia dan kerakyatan mereka dari tahun 2003 sehingga Mei 2007.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Malaysia bukanlah negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Pelarian 1951 serta protokol tambahan 1967 yang menjadi asas bagi menentukan taraf pelarian dan permohonan untuk suaka politik. Ertinya kita tidak mengiktiraf status pelarian kepada mana-mana individu.

Buat masa ini, pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah memberi bantuan dan perlindungan sementara kepada pihak-pihak tertentu yang memerlukan, mengikut kes-kes tertentu atas dasar kemanusiaan. Malaysia telah bekerjasama dengan Pejabat Suruhanjaya Tinggi PBB mengenai pelarian UNHCR Kuala Lumpur untuk membantu menghantar balik warga asing di Malaysia yang di bawah perlindungan sementara pihak UNHCR ke negara asal mereka secara sukarela atau menempatkan mereka ke Negara Ketiga yang dianjurkan oleh pihak UNHCR. Mengikut rekod UNHCR, di Malaysia sehingga bulan Mei tahun 2007, terdapat 28,668 orang yang didaftarkan di bawah perlindungan sementara oleh pihak UNHCR.

Puan G. K. Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pemegang kad UNHCR dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia, dan jika ya, sila nyatakan sektor-sektor yang membolehkan mereka bekerja dengan sah?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Sebagaimana yang kita beritahu sebentar tadi, bahawa kita tidak mengiktiraf status pelarian negara ini. Ertinya, kad yang dikeluarkan itu tidak mempunyai apa-apa kedudukan dari segi undang-undang untuk mengiktirafnya. Jadi tidak timbul tentang soal, apakah sektor yang mereka boleh bekerja atau

tidak? Itulah alasannya kenapa kita tidak menandatangani konvensyen yang berkenaan. Kerana kita menganggap bahawa kita masih belum mampu untuk memberikan segala syarat.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah alasan, itulah sebab. Kalau kata alasan-alasan terjemahannya *excuse. We are not giving excuse, we are giving reason* atau sebab. Kerajaan Malaysia beri "sebab", tak beri "alasan". Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah dijawab.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa jumlah kah pemegang status pelarian di Sabah pada ketika ini dan adakah kerajaan meneruskan hasratnya untuk memberi status PR kepada mereka ini memandangkan adanya bantahan daripada Kerajaan Negeri Sabah terhadap hasrat ini? Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Sebagaimana diberitahu, bahawa kita tidak mengiktiraf sebarang status pelarian sama ada di Sabah atau di tempat lain. Mereka yang ada di sana, kita menganggap sebagai pendatang asing tanpa izin.

3. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sejauh manakah keberkesannya "Aktiviti-aktiviti Sukan Malam Ini" dapat membantu para belia negara untuk meninggalkan budaya lepak serta membuang masa di kalangan mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Nombor 3 bersamaan dengan soalan Nombor 18 daripada Senator M. Munusamy kerana ada perkara berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy akan diberi keutamaan dalam pertanyaan tambahan.

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan sedang dan akan dilaksanakan bagi mencegah golongan belia terlibat dalam pelbagai aktiviti gejala sosial. Aktiviti atau program ini sama ada program berbentuk aktiviti-aktiviti sukan dan kecergasan dan Program Rakan Muda mahupun program-program belia seperti seminar, forum, aktiviti kemasyarakatan, kursus program pertukaran belia dan sebagainya. Bagi mengurangkan masalah lepak dan membuang masa belia dan remaja, Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia telah memperkenalkan Program Sukan Malam bermula Januari 2007 hingga hari ini. Program Sukan Malam merupakan program baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, setakat ini tiada kajian secara formal untuk melihat keberkesanan program tersebut. Kita hanya menjalankan program kajian secara rambang iaitu selepas setiap aktiviti sukan malam dijalankan, kita mengadakan *post-mortem*. Reaksi yang diterima adalah amat positif dan meminta supaya program seperti ini diteruskan. Manakala jumlah peserta dan pengunjung di setiap lokasi sukan malam diadakan adalah amat menggalakkan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Belia Dan Sukan akan meneruskan program ini kerana ia mempunyai matlamat seperti berikut, iaitu dapat memberi satu...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat memberi peluang untuk...

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, okey. Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah selain sukan aktiviti malam, dalam kita hendak membentuk satu budaya baik di kalangan belia-belie ini, apakah rancangan kementerian bagi memastikan kita dapat mencapai matlamat berbudaya baik di kalangan belia-belie?

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan belia kita mempunyai amalan budaya yang baik, apa-apa amalan yang tidak baik ataupun *habit* dengan izin, yang tidak baik itu perlu kita gantikan dengan yang baik. Oleh itu, apa yang kita jalankan di sini adalah untuk meningkatkan bilangan aktiviti bagi belia untuk disertainya di pelbagai peringkat. Contohnya, Aktiviti Sukan Malam yang kita jalankan sekarang, kita sudah jalankan di empat negeri sahaja dan telah pun mendapat sambutan sejumlah 62,900 peserta dan pengunjung ke Program-program Sukan Malam yang dijalankan.

Oleh itu kita yakin, program seperti ini dapat menggalakkan anak-anak kita yang membuang masa lepak di sebelah malam, boleh menyertai aktiviti yang sihat seperti aktiviti sukan yang dapat membenarkan mereka dalam keadaan yang terkawal.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apa jenis sukan yang dijalankan dalam aktiviti Sukan Malam ini? Tadi Yang Berhormat kata dalam empat negeri sukan ini telah diperkenalkan, adakah rancangan untuk memperkenalkan sukan ini di bandar-bandar utama di negara kita, dan ketiga ada satu soalan berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup dua sahaja.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini hanya empat negeri, dan kita akan menjalankan Sukan Malam ini di setiap negeri dan peruntukan akan diberikan kepada setiap negeri untuk menganjurkan Sukan Malam ini iaitu lebih kurang sebanyak RM190,000 bagi setiap negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, acara-acara yang dijalankan di Sukan Malam ini adalah seperti, motor cantik *exhibition*, motor cantik standard, *rally* motor perlahan, servis karburetor, pasang tayar, pasang brek, *netball three on three*, bola keranjang, *paintball* dan *street soccer*. Terima kasih.

■1020

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah dalam menjalankan aktiviti sukan malam ini kementerian mempunyai polisi untuk mengasingkan peserta mengikut jantina demi menjaga adat dan batas agama agar aktiviti ini tidak menjuruskan kepada gejala sosial yang negatif.

Yang kedua, adakah lokasi untuk aktiviti malam ini hanya akan ditumpukan di kawasan bandar dan tidak di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita mengkhususkan di bandar kerana aktiviti belia di bandar di sebelah malam lebih aktif berbanding dengan aktiviti belia di luar bandar. Oleh itu, kerana tahun ini adalah tahun permulaan dan kita buat sebagai satu program percubaan untuk melihat kesannya dan kita akan membuat kajian yang lebih sistematik iaitu kita akan menjalankan satu kajian secara formal sekurang-kurangnya selepas setahun program sukan malam ini dijalankan dan kita akan lihat keberkesannya. Buat masa ini kita tidak mengasingkan lelaki dan wanita. Terima kasih.

4. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan jenayah rogol yang meningkat sejak tahun 2002 hingga 2006 dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Bilangan jenayah rogol yang berlaku dan kadar penyelesaian daripada tahun 2002 hingga bulan Mei 2007 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KES SELESAI	PERATUS KES SELESAI (%)
2002	1,431	1,266	88
2003	1,479	1,276	86
2004	1,765	1,589	90
2005	1,932	1,644	85
2006	2,431	2,104	87
Januari-Mei 2007	1,191	1,048	88

Walaupun kadar penyelesaian adalah tinggi, tetapi trend peningkatan jenayah rogol pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah membimbangkan. Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dan Polis Diraja Malaysia dalam mencegah dan menangani jenayah ini adalah seperti berikut:

- (i) memperbanyakkan ibu pejabat daerah, balai polis dan anggota polis di bandar dan kawasan di mana kadar jenayah adalah tinggi;
- (ii) memperbanyakkan kereta peronda polis dan peralatan supaya PDRM dapat mempertingkatkan kehadiran supaya kehadiran anggota polis dapat menakutkan penjenayah;
- (iii) bekerjasama dengan pelbagai agensi, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk sentiasa untuk mengadakan kempen dan dialog pencegahan jenayah. Antaranya orang ramai dinasihatkan supaya memberikan

penekanan aspek keselamatan diri seperti tidak menggunakan jalan yang sunyi dan mengelakkan dari berjalan bersendirian;

- (iv) bersama-sama dengan kementerian lain mempertingkatkan pendidikan agama dan moral di kalangan masyarakat dan keluarga di samping menekankan pengawasan ibu bapa terhadap tingkah laku dan memantau pergerakan anak-anak; dan
- (v) meningkatkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah rogol dengan membuat pindaan terhadap kanun keseksaan seksyen 376 iaitu hukuman penjara dari minimum dari 5 tahun ke 6 tahun dan maksimum dari 20 tahun ke 30 tahun serta sebatan. Pindaan ini telah mula dikuatkuasakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah dalam kes-kes rogol ini, berapa banyak kes-kes yang berlaku di luar rumah dan berapa yang berlaku di dalam rumah? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan lagi semangat-semangat kejiwaan yang dulunya wujud di negara kita sekarang?

Datuk Fu Ah Kiow: Sebenarnya PDRM sentiasa mengadakan pelbagai kempen dan di situ kita sentiasa mempromosikan konsep kepolisan terhadap masyarakat supaya mereka boleh jadi mata dan telinga kepada polis untuk menyelesaikan kes-kes jenayah.

Bagi jawapan yang pertama, kalau kita lihat ada tempat-tempat yang berlaku kes rogol memang ada... [*Mencari nota untuk rujukan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mohon notis.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya berikan kemudian kepada Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat angka-angka di mana tempat kejadian rogol, ada sebilangan besar berlaku kadangkadangkang di rumah dan dilakukan oleh orang yang dikenali dan juga ada dilakukan oleh perogol-perogol yang sebenarnya merupakan teman-teman yang baru dikenali oleh mangsa dan juga dilakukan oleh *boyfriend* mangsa tersebut. Jadi ini adalah perkara yang perlu diambil berat oleh masyarakat.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah takrifan pihak kementerian bagi jenayah rogol yang berlaku secara suka sama suka akibat percintaan dan adakah kementerian mempunyai statistik ataupun pernah menjadi kes isteri merogol suami?

Datuk Fu Ah Kiow: Kalau ikut undang-undang kita, asalkan mereka di bawah umur, kelakuan seks adalah ditakrifkan sebagai rogol dan yang umur ke atas *legal* makna kalau penghubungan itu dengan persetujuan dua-dua pihak, ia tidak dianggap sebagai jenayah rogol. Tentang isteri merogol suami, tidak ada kes begitu dilaporkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya sedar bahawa saya sedikit melakukan berat sebelah dari segi persepsi dan saya akan menggunakan Peraturan Mesyuarat 90 untuk menjemput

Dato' Dr. Norraesah untuk memberi pertanyaan tambahan selepas Datuk Wira Syed Ali walaupun ini adalah tidak menepati Peraturan Mesyuarat. Sila Datuk Wira Syed Ali dulu.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kita kena lihat persepsi wanita.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian membuat kajian punca sebenarnya kejadian jenayah rogol yang kian meningkat? Kalau boleh saya minta pihak kementerian memberikan statistik mengikut kaum mangsa yang dirogol. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Mengikut rekod-rekod PDRM, memang ada pecahan seperti dikehendaki dan juga ada sebab-sebab yang dinyatakan, sebab utama dan tempat-tempat yang biasa berlaku. Cuma ini agak panjang dan saya beri secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Dan juga tidak penting kita tahu perogol atau dirogol terdiri daripada kaum mana. Itu tidak penting.

Datuk Fu Ah Kiow: Memang, itu tidak, memang kurang penting sebab mangsa boleh terdiri daripada mana-mana bangsa juga dan apa yang penting sekali ialah langkah-langkah pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak menguntungkan kita mengetahui bangsa mana, banyak mana yang merogol atau yang dirogol. Sila Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sistem *profiling* penjenayah-penjenayah ini dapat membantu kita dalam membuat analisa tentang tendensi yang berlaku, adakah kita sudah mempunyai *profiling* itu? Yang kedua, apakah umur purata perogol-perogol ini? Terima kasih.

■1030

Dato' Fu Ah Kiow: Umur yang berlaku kepada mangsa-mangsa yang dirogol itu kebanyakan daripada umur kurang daripada 30 tahun. Kategori yang terbesar ialah dari pelajar-pelajar, di mana mereka kurang sedar risiko yang dihadapi apabila mereka berkawan dengan orang yang kali pertama ditemani, dan juga oleh kerana mereka tidak sedar tentang langkah yang perlu diambil terhadap perogol-perogol yang mungkin merupakan mereka yang kenal dan mereka yang mengenali keluarga mereka. Jadi ada kadang-kadang perogol juga merupakan mereka yang dikenali agak lama juga dan oleh kerana itu mereka tidak ada kesedaran untuk berhati-hati kemungkinan yang berlaku kes rogol. Jadi ini adalah sebab-sebab yang biasa mengakibatkan jenayah tersebut berlaku. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Kesihatan menyatakan, 1.85 juta penduduk mengalami masalah '3G' iaitu gebu, gempal dan gemuk di mana daripada jumlah itu seramai satu juta atau 18.8% merupakan kaum wanita berusia 25 hingga 64 tahun. Apakah penyebab utama kaum wanita di negara ini mengalami masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian pengambilan makanan orang dewasa Malaysia 2003, kita dapati rakyat Malaysia yang mengalami berat badan berlebihan adalah sebanyak 26.71% dan kadar obes juga adalah sebanyak 12.15%. Hasil kajian tersebut juga mendapati golongan wanita yang berumur antara 18 hingga 59 tahun, jumlah mereka yang berat badan berlebihan adalah sebanyak 24.59% atau merangkumi 1,690,000 orang, manakala mereka yang obes pula sebanyak 13.91% atau lebih kurang 1 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, penyebab utama kaum wanita di negara ini mengalami masalah berat badan berlebihan dan obes adalah kerana perubahan corak kehidupan dan amalan pemilihan makanan dan juga aktiviti fizikal seharian. Mengikut statistik didapati purata berat badan wanita mula mengalami peningkatan pada umur 40 tahun dan ke atas. Pada peringkat umur tersebut seseorang wanita selalunya telah berkahwin dan mempunyai beberapa orang anak dan secara tidak langsung aktiviti harian mereka lebih tertumpu pada penjagaan anak-anak dan urusan keluarga. Aktiviti harian di rumah juga telah banyak digantikan dengan penggunaan mesin.

Contoh yang paling biasa adalah aktiviti mencuci pakaian. Ianya telah digantikan dengan penggunaan mesin basuh.. Di pejabat pula pekerja mungkin lebih cenderung menggunakan *lift* berbanding dengan tangga. Aktiviti rehat yang lain seperti menonton televisyen juga hanya menggunakan tenaga yang rendah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Soon Tian Szu, Puan Siw Chun a/p Eam dan Dato' Rhina Bhar.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mewujudkan atau merancang untuk mewujudkan unit-unit tertentu dalam hospital kerajaan bagi wanita golongan ini menguruskan badan mereka demi kepentingan kesihatan mereka? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Bagi Kementerian Kesihatan kita sentiasa mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan dengan sebab-sebab peningkatan berat badan itu berlaku, dan kementerian juga mengadakan program untuk mendidik orang ramai melalui Kempen Gaya Hidup Sihat untuk mencegah peningkatan berat badan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Bukanlah pemilihan saya ini personal atau peribadi dari segi gebu, gempal, gemuk tetapi Puan Siw Chun dahulu, kemudian Dato' Rhina Bhar.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru tahu istilah 3G ini, saya ingat di telefon bimbit sahaja, tetapi untuk wanita pun ada 3G...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat faham gebu, gempal, gemuk itu semua, kita fahamlah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Malaysia seperti diketahui adalah syurga makanan. Bagaimanakah pihak kerajaan mendidik terutamanya kaum

wanita supaya mengamalkan pemakanan sihat bagi mengelakkan dari masalah 3G, yang membawa risiko pelbagai penyakit kronik seperti serangan jantung, kencing manis, strok dan lain-lain lagi dan juga bagi mengingatkan mereka bahawa kita makan untuk hidup dan bukan hidup untuk makan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat pun perlu berhati-hati jangan melintasi sempadan penderaan seks dalam Dewan ini, *sexual harassment* tidak boleh. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pemakanan ini dari segi Kempen Gaya Hidup Sihat, pemakanan itu adalah satu aspek yang penting dan ini adalah kerana pengambilan tenaga dan kegunaan tenaga itu mesti seimbang, kalau tidak kita akan jadi gemuk dan kita memang setuju bahawa Malaysia mempunyai makanan enak yang banyak, tetapi bagi kita polisi adalah *moderation is the policy*. Bermakna, kita boleh makan apa sahaja, cuma kita kena ambil dengan sederhana selepas itu kita kena mengadakan aktiviti fizikal yang lebih banyak, supaya tenaga itu dapat digunakan.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan membuat siasatan atas *slimming pills* yang dijual *off the counter*, dengan izin.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan *slimming pill* ini semua ubat-ubatan terpaksa didaftarkan di negara kita dengan Kementerian Kesihatan dan jikalau *slimming pill* itu tidak didaftarkan, bermakna ia mempunyai masalah. Bermakna barangkali rumusan itu ia akan menjejaskan kesihatan kita yang pertama, yang kedua barangkali dia tidak boleh melangsingkan badan kita. So, ini bermakna kita kena berhati-hatilah. Kalau kita hendak ambil *slimming pill* ini, kita nasihatkan orang ramai supaya mereka mesti dapat *consultation* dengan *physician* atau doktor mereka.

Yang kedua dari segi Kementerian Kesihatan juga yang pentingnya bukanlah untuk ambil pil-pil ini. Yang pentingnya adalah untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat iaitu mengadakan aktiviti fizikal dengan banyak dan menjaga pemakanan kita dengan baik. Sekian.

6. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah koperasi tidak berdaya maju atau bermasalah yang berjaya dipulihkan dalam usaha menjadikan koperasi saluran tabungan berkesan di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga 31 Disember 2006, jumlah koperasi berdaftar di seluruh negara adalah 4,918 buah. Daripada jumlah tersebut hanya 339 buah atau .9% sahaja adalah koperasi tidak aktif dan *dormant* yang dianggap tidak berdaya maju. Daripada jumlah tersebut, jumlah koperasi yang terlibat dengan aktiviti pinjam-meminjam sebanyak 13 buah koperasi atau 3.38%. Semua koperasi ini akan diberi

bimbingan dan khidmat nasihat yang secukupnya untuk dipulihkan dan sekiranya gagal dipulihkan maka ia akan dibatalkan pendaftarannya.

Daripada jumlah tersebut pada puratanya hanya 10% sahaja dapat dipulihkan. Manakala sejumlah 4,569 buah koperasi adalah terdiri daripada koperasi yang berjaya dan boleh dijadikan saluran tabungan berkesan di kalangan rakyat. Ini adalah kerana koperasi telah menyediakan beberapa kemudahan bagi membantu anggotanya melalui pendekatan-pendekatan seperti berikut:

- (i) penyediaan premis;
- (ii) penyediaan kredit;
- (iii) pemasaran;
- (iv) kenderaan; dan
- (v) penyediaan input atau bahan-bahan.

Jumlah koperasi yang menjalankan aktiviti kredit yang menjadi saluran tabungan kepada rakyat sebanyak 474 buah koperasi dan keanggotaan seramai 1.6 juta. Jumlah syer atau yuran sebanyak RM3.8 bilion dan jumlah aset sebanyak RM6 bilion.

Terima kasih.

■ 1040

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, Tuan Osman Bungsu dan Dato' Haji Tajul ada soalan berikut, saya beri peluang kepada Dr. Norraesah. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pembangunan koperasi boleh diibaratkan sebagai pertumbuhan ekonomi ketiga dalam membantu agenda pembangunan ekonomi negara. Soalan tambahan saya, sejauh mana koperasi mendidik orang ramai menjadi usahawan yang lebih gigih dan mantap termasuk mendidik ahli-ahlinya menjadi usahawan yang berdaya maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Sejajar dengan pelancaran Dasar Koperasi Negara pada tahun 2004, maka salah satu daripada kaedah cara gerakan koperasi ini ialah menjadikan koperasi ini sebagai satu tempat, satu kaedah untuk membantu ahli-ahlinya dalam bidang usahawan. Justeru itu maka sejajar juga dengan perubahan nama kementerian pada tahun 2004, maka Jabatan Pembangunan Koperasi yang pada masa itu diletakkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan tujuan matlamat bagi memastikan gerakan koperasi menjurus ke arah pelaksanaan ataupun gerakan usahawan khususnya membantu ahli-ahli.

Untuk itu maka beberapa dana, tabung dan juga galakan-galakan bagi ahli-ahli dan anggota untuk mendapatkan modal pusingan juga pinjaman dan juga kursus-kursus pendedahan tentang usahawan ini didedahkan kepada koperasi yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah punca-punca yang menyebabkan koperasi ini bermasalah dan juga apakah bentuk latihan yang telah dijalankan untuk meningkatkan aliran tunai dan juga tabungan kepada koperasi bermasalah. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Koperasi yang dianggap sebagai bermasalah sebenarnya jumlah yang ada terlalu sedikit iaitu seperti yang saya nyatakan tadi 6.9% daripada jumlah 4,918 buah. Istilah tafsiran, bagi koperasi yang bermasalah ini ialah dari segi, satu tidak aktif. Tidak aktif ertinya koperasi tiada menjalankan sebarang aktiviti tetapi dari segi mengadakan mesyuarat agung dan akaun beraudit masih berjalan seperti biasa atau tidak diadakan dalam tempoh satu atau dua tahun sahaja. Sementara bagi koperasi yang dianggap bermasalah domain iaitu tiada aktiviti, tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaun tidak beraudit dalam tempoh tiga tahun.

Pemantauan penyelidikan yang dilakukan oleh kementerian, mendapati bahawa masalah yang dihadapi oleh koperasi adalah masalah tadbir urus koperasi itu sendiri iaitu dari segi ahli lembaga koperasi yang gagal mematuhi peraturan-peraturan dalam Akta Koperasi itu sendiri dan selain daripada soal tadbir urus, ialah dalam soal amanah kepada ahli lembaga koperasi yang tidak bertindak atau tidak mematuhi peraturan-peraturan koperasi. Pada umumnya secara puratanya koperasi di negara kita tidak banyak menghadapi masalah sedemikian. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seajar dengan peranan yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor pertanian sebagai penjana ketiga dalam pertumbuhan ekonomi, apakah tindakan-tindakan khusus yang diambil oleh kementerian untuk memperbanyakkan koperasi-koperasi dalam sektor ini dan untuk memastikan mereka adalah berdaya saing dan berdaya maju. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi koperasi yang menjalankan aktiviti pertanian dan juga asas tani atau makanan, koperasi ini pada masa ini diletakkan di bawah Lembaga Pertumbuhan Peladang dan juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan juga industri asas tani.

Oleh sebab itu maka di dalam menyelaraskan dan menggerakkan satu bentuk koperasi bagi membantu masyarakat petani, nelayan dan penternak di luar bandar, maka sebab itulah Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah ditubuhkan bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi sekali gus meletakkan semua koperasi yang lebih 400 buah koperasi berasaskan pertanian ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi tujuan untuk menggerakkan, membolehkan mereka bergerak sebagai satu entiti yang lebih terarah dan lebih kukuh.

Oleh sebab itu kementerian menyediakan dana dan juga peluang-peluang latihan yang disediakan di bawah Suruhanjaya Koperasi ini dengan menyatukan koperasi pertanian ini dengan koperasi-koperasi yang lain di seluruh negara. Kementerian yakin dengan adanya penyelarasan,

penstrukturan semula koperasi di seluruh negara, ia akan dapat membantu koperasi-koperasi di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem *Scholastic Assessment Test* (SAT) dalam Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (2006-2010).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, *Scholastic Assessment Test* (SAT) ialah nama bagi ujian yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke universiti-universiti di Amerika Syarikat. Oleh itu adalah tidak wajar ujian tersebut dilaksanakan di peringkat sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia sedang meneliti kesesuaian untuk menggunakan sistem ujian SAT bagi kemasukan ke universiti di negara ini sebaliknya menggunakan kaedah tertentu dalam pemilihan pelajar ke institut pengajian tinggi atau IPT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan yang dilakukan di negara ini bagi pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi berdasarkan syarat-syarat kelayakan ...

Tuan Yang di-Pertua: Belum beri maklum. Baik tunggu dia tanya, dia hendak maklumkan mengenai apa. Tidak, maksud saya kalau Yang Berhormat jemput ditembak dengan pertanyaan tambahan sekarang, peranan Yang Berhormat akan lebih menyerlah.

Puan Komala Devi: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Komala Devi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan yang dilakukan di negara ini, bagi pemilihan pelajar ke IPT berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh universiti yang menawarkan kursus-kursus tersebut, serta ujian khusus berdasarkan bidang yang dipohon, bagi Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM, salah satu syarat kelayakan bagi memasuki bidang perguruan, calon hendaklah lulus ujian *Malaysian Teachers Selection Test* atau MTeST, dengan izin, dan Inventori Sahsiah Keguruan iaitu INSAK. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Haji Tajul Urus.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, SAT adalah berhubung dengan modal insan yang berkualiti. Dalam membentuk modal insan yang berkualiti, dalam usaha memupuk kemahiran *analytical*, *empirical* dan *problem solving* dengan izin, seharusnya bermula sejak dari zaman kanak-kanak lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Soalan, apakah strategi pihak kementerian dalam usaha memupuk kemahiran di kalangan generasi muda kita. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab soalan ini beberapa kali di Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat, memang itu sistem pelajaran akan disemak dari masa ke

semasa supaya menjamin bahawa *outcome* ataupun PNP adalah sesuai dengan ketetapan masa dan memang kemahiran kritis dan kreatif pun telah mengambil kira dalam kurikulum sekolah. Terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sebut tadi bagi guru pelatih yang memasuki maktab perguruan, mereka mesti lulus MTeST kan? Jadi saya ingin tahu apakah *weightage* dengan izin, *weightage* antara MTeST dengan *interview* untuk mereka memasuki maktab perguruan, yang mana lebih penting? Terima kasih.

▪ 1050

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, pokok persoalan adalah ICT tetapi saya akan cuba jawab soalan Ahli Yang Berhormat. MTeST ini biasanya adalah dijalankan untuk graduan-graduan lepas ijazah untuk memohon Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan sekiranya kita ada *vacancy* ataupun kekosongan, katalah dalam dua ribu guru yang akan memohon adalah dalam 75 ribu graduan yang berharap akan dipilih untuk menjadi guru. Jadi melalui MTeST ini kami akan mungkin boleh *short listing*, kami akan gugurkan dalam 50 ribu atau 60 ribu dan bakinya akan dipanggil untuk temu duga.

Kadang-kadang sekali, kadang-kadang dua kali dan sebagainya. Sebab masa temu duga lah kita dapat yakinkan sama ada seperti Tuan Yang di-Pertua sering kali ucap dalam Dewan ini sama ada dalam hati mereka ini sebenar-benarnya hendak menjadi guru semata-mata atau untuk mencari pendapatan. Jadi temu duga itu adalah sangat-sangat penting. Sekian, terima kasih.

8. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan nyawa yang terkorban dalam jenayah-jenayah yang berlaku di negara kita dalam tiga tahun kebelakangan ini dengan pecahan mengikut jantina; dan
- (b) bilangan kes jenayah yang membabitkan warga asing.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan nyawa yang terkorban dalam kes jenayah dalam tiga tahun kebelakangan ini dengan pecahan mengikut jantina adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Lelaki	Bil. Wanita	Jumlah
2005	418	94	512
2006	511	120	631
2007 (Januari - Jun)	249	48	297

- (b) Penglibatan pendatang asing dalam kes-kes jenayah, indeks di negara ini adalah seperti berikut:

Tahun 2005	- Daripada jumlah jenayah yang berlaku, 1.98% adalah dilakukan oleh pendatang asing;
Tahun 2006	- 1.94% dilakukan oleh pendatang asing; dan
Tahun 2007 (Januari – Jun)	- 1.72% adalah dilakukan oleh pendatang asing.

Walaupun penglibatan pendatang asing dalam keseluruhan kes jenayah adalah rendah, namun penglibatan mereka dalam jenayah kekerasan nyata membimbangkan dengan peratusan penglibatan dalam tahun-tahun kebelakangan ini seperti berikut:

Kes	Jumlah (%)
Jenayah Kekerasan	4-7
Bunuh	16-19
Samun Berkawan/Bersenjata Api	18-25
Samun Bersenjata Api	8-20.7
Rogol	2.8-4.4

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan kes jenayah yang menyebabkan kematian yang tidak dapat diselesaikan atau tertunggak sehingga Jun 2007 dan berapakah bilangan kes jenayah yang menyebabkan kematian yang berlaku di sekolah-sekolah, IPTA-IPTA dan IPTS-IPTS dalam negara kita setakat ini. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Soalan itu agak spesifik, tetapi saya boleh beritahu bahawa penyelesaian kes keseluruhan adalah antara 40% hingga 50% dan kadar penyelesaian ini adalah lebih tinggi daripada standard yang telah ditetapkan di antarabangsa iaitu 20% dan dalam jenayah tertentu, misalnya rogol, biasanya kadar penyelesaian adalah lebih tinggi daripada lain-lain kategori jenayah, tetapi tentang berapa yang terlibat dengan IPTA, berapa yang diselesaikan, saya perlu notis sebab soalan ini amat spesifik. Sekian, terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah proses di mahkamah itu terlalu panjang dan lambat sehingga berlakunya, dengan izin, a *justice delay is a justice deny* iaitu keadilan yang dilambatkan adalah merupakan keadilan yang dinafikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu disasarkan kepada kementerian yang lain langsung tetapi kalau Yang Berhormat ada komen, bolehlah.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, harap dapat dicepatkan. Kalau mengikut angka yang ada iaitu dalam institusi penjara

kita, hampir 35% adalah banduan reman yang menunggu keputusan mahkamah dan juga bilangan banduan dan orang tahanan di institusi penjara yang terdiri daripada warga asing ialah hampir 40% dan ini memang merupakan satu bebanan kewangan kepada kerajaan. Kita berharap proses pendakwaan dan proses perbicaraan di mahkamah dapat dipercepatkan supaya kita boleh selesaikan kes-kes ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Daripada rekod tiga tahun kebelakangan ini, sejumlah 685 senjata api telah dirampas oleh PDRM. Berdasarkan statistik yang telah direkodkan oleh Yang Berhormat tadi, soalan tambahan, saya secara perbandingan, apakah pandangan Yang Berhormat dari segi jumlah jenayah yang berlaku di negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara jiran berada di tahap yang membimbangkan dan apakah hebahan yang dibuat oleh media cetak dan media elektronik mengenai kes-kes jenayah boleh menjejaskan industri pelancongan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak boleh dinafikan bahawa kadar jenayah yang tinggi boleh menjejaskan usaha kerajaan untuk menggalak industri pelancongan tetapi setakat ini keadaan masih dalam keadaan yang terkawal dan kita lihat bilangan pelancong masih meningkat dan menepati sasaran yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Mengenai senjata api tadi ya, senjata api? Terima kasih.

9. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) sekarang dan beberapa orang guru sekolah tersebut akan bersara sebelum sesi sekolah 2008 bermula dan apakah rancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) yang telah dijanjikan oleh pemimpin kerajaan semasa pilihan raya yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari masih terdapat kekurangan guru terlatih di SJK(C) dan SJK(T) sehingga 30 Jun 2007. Jumlah kekurangan guru di SJK(C) adalah seramai 1,163 orang, manakala di SJK(T) pula 178 orang. Berhubung dengan guru-guru yang akan bersara sebelum sesi persekolahan 2008, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada tarikh lahir, seramai 431 orang guru di SJK(C) dan 65 orang guru di SJK(T) yang akan terlibat dengan persaraan tersebut.

Bagi mengatasi masalah tersebut, sebagai langkah jangka pendek, kekurangan guru tersebut dapat ditampung dengan melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan perkhidmatan guru kontrak. Keadaan ini juga dapat diatasi setelah guru-guru Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan guru Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) akan ditempatkan di SJK(C) dan SJK(T) pada sesi persekolahan 2008 nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi, kemudian Tuan M. Munusamy.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, bilakah nisbah guru akan ditingkatkan dari 1:5 kepada 1:7 bagi setiap kelas?

■1100

Adakah itu tahun depan, dan juga apakah rancangan yang spesifik di mana kerajaan dan kementerian melatih dan membekalkan guru-guru tambahan dengan bilangan yang besar ini dengan peningkatan nisbah? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan guru adalah berdasarkan kepada unjuran guru yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran di samping Bahagian Pendidikan Guru dan juga Bahagian Sumber Manusia dan juga Bahagian Sekolah. Jadi kita ada empat bahagian di kementerian yang sedang membuat Kajian Unjuran Keperluan Guru. Seperti yang dinyatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat iaitu peningkatan norma guru yang telah dipertingkatkan daripada *one to five* kah, *one to seven* dengan izin, kami sedang mengimplementasikan secara berperingkat-peringkat bermula dengan sekolah menengah dahulu, dan kami harap dalam masa terdekat ini kami dapat melaksanakan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengatasi masalah guru terlatih, kementerian telah melantik ramai guru kontrak dan guru sandaran. Namun ramai guru sandaran ini menghadapi masalah apabila hendak mohon untuk KPLI. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi keutamaan dengan melonggarkan syarat-syarat supaya guru-guru sandaran yang berminat untuk menjadi guru sebagai satu kerjaya kepada mereka akan diberi peluang untuk mengikuti kursus KPLI? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang di Kementerian Pelajaran kami sedar bahawa ramai di antara kalangan guru GSTT atau Guru Sandaran Tidak Terlatih berhasrat untuk menjadi guru sepenuh masa, tetapi apabila kita melihat kepada kelayakan di kalangan 200 lebih GSTT yang telah dilantik untuk SJKT, kami nampak bahawa seramai 198 orang adalah guru bukan siswazah manakala kurang daripada lima orang adalah guru siswazah.

Dasar kerajaan sekarang adalah untuk membekalkan guru-guru siswazah kepada semua sekolah tanpa mengira aliran termasuk juga SJKT dan kami akan memberi tumpuan dan fokus kepada graduan. Jadi kami harap dengan menambahkan lagi guru-guru KPLI kami akan kurangkan bilangan guru diploma dan menambahkan lagi guru siswazah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna bilangan *passion no qualification, qualified no passion*.

Puan Komala Devi: Walau bagaimanapun, untuk tahun ini menteri dengan berbesar hatinya telah memberi peluang kepada 120 GSTT yang bukan siswazah untuk mengikuti Kursus KDC supaya mereka dapat meneruskan profesion perguruan, satu profesion kami harap pilihan mereka. Terima kasih.

10. Tuan Tan Bon You minta Menteri Luar Negeri menyatakan, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memberi respons kepada sebarang laporan, kenyataan atau ulasan mengenai Malaysia yang tersiar dan tersebar di akhbar, *internet* dan *News Network* antarabangsa. Sekiranya tiada apa-apa respons dari pihak kerajaan akan menunjukkan bahawa sesuatu kenyataan itu adalah betul dan boleh diterima pakai oleh penonton dan pembaca sama ada dalam atau di luar negara.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana bertanyakan soalan ini. Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan yang lain akan memberikan respons kepada laporan, kenyataan atau ulasan yang dianggap negatif mengenai Malaysia yang tersiar di luar negeri, bergantung kepada dakwaan yang dibangkitkan. Kementerian Luar Negeri akan terlebih dahulu merujuk kepada dan berbincang dengan agensi kerajaan yang berkaitan sekiranya perlu sebelum memberikan apa-apa respons.

Kerajaan berpendirian bahawa sekiranya semua dakwaan yang disiarkan dijawab maka ianya akan memberikan kredibiliti dan kewibawaan kepada mereka. Di samping itu ia akan memberi gambaran bahawa kerajaan tidak tergugat dengan dakwaan-dakwaan mereka dan tidak berminat untuk mengetahuinya.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah berapa lama kah respons akan diberi selepas sesuatu laporan yang negatif mengenai Malaysia diterbitkan atau disiarkan? Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, biasanya sekiranya ada perkara-perkara besar yang melibatkan Malaysia, pihak Kementerian Luar Negeri, pihak kedutaan akan mengeluarkan kenyataan dalam bentuk kenyataan akhbar atau dengan izin, *press release*. Tentang bila disiarkan, itu bergantung kepada akhbar berkenaan kerana itu adalah kuasa budi bicara kepada *Chief Editor* ataupun Ketua Pengarang akhbar yang berkenaan. Kita ada mengeluarkan kenyataan-kenyataan kita melalui *website* kementerian dan ia boleh dirujuk oleh mereka yang berkenaan. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Adakah laporan palsu melalui media massa dan *internet*, melalui *bloggers* yang disiarkan di seluruh luar negara yang menjatuhkan imej pemimpin negara akan menjejaskan negara kita di kaca mata seluruh dunia?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan satu daripada risiko yang kita hadapi dan perlu hadapi dalam dunia yang bersifat global pada hari ini. Kebebasan berakhbar dan kebebasan orang menulis melalui *internet*, *blog* dan sebagainya adalah sesuatu yang sukar untuk kita halang. Namun apabila ramai orang memberi publisiti sama ada baik atau tidak baik kepada Malaysia kita menganggap itu adalah tanda bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang popular dan diminati oleh orang ramai.

Amerika Syarikat sendiri terdapat banyak kritikan terhadap negara tersebut, terhadap pemimpin mereka, terhadap rakyat mereka, tetapi itu adalah tanda bahawa mereka sangat diminati kalau berbanding dengan sebuah negara Benin misalnya di Afrika, orang tak tahu dan tidak bincangkan. Tempat seperti Timbuktu misalnya, tetapi Malaysia popular dan ramai orang mempertikai atau memuji kita dan kita menganggap ada yang perlu kita jawab, ada yang tidak perlu kita jawab. Terima kasih.

11. Tuan Chua Kim Chuan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi meningkatkan kesedaran rakyat dalam menghargai landskap di persekitaran kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:
Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan kepada kementerian. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara telah melaksanakan Program Promosi Landskap di seluruh negara bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran serta kesedaran awam mengenai kepentingan landskap. Di samping itu kementerian ini turut memberi maklumat kepada semua agensi dan masyarakat akan tugas-tugas serta fungsi Jabatan Landskap Negara.

Antara komponen Program Promosi Landskap yang telah dikenal pasti dan dilaksanakan oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen dan promosi aktiviti landskap melalui media cetak dan media elektronik serta mengadakan rancangan khusus untuk landskap melalui siaran televisyen dan radio;
- (ii) sambutan Hari Landskap Negara dan negeri;
- (iii) Pertandingan Landskap Peringkat Kebangsaan dan Negeri;
- (iv) kerjasama dengan sekolah-sekolah yang terpilih dengan mewujudkan kelab landskap yang akan melaksanakan aktiviti landskap di sekolah tersebut;
- (v) mengadakan projek landskap secara usaha sama dengan badan-badan bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- (iv) penerbitan bahan-bahan berbentuk teknikal dan risalah, majalah dan jurnal yang bercorak mempromosikan industri landskap Malaysia.

Melalui pelaksanaan program-program yang telah dirangka masyarakat dapat memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan dari peringkat individu, komuniti, dan organisasi.

Program Promosi Landskap ini adalah selaras dengan wawasan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap budaya menghargai persekitaran yang sihat dan indah. Kesedaran tersebut akan menjadikan semua lapisan masyarakat menjadi pengguna kemudahan landskap dan rekreasi yang berhemah dan bersedia memberikan sumbangan yang positif bagi memastikan landskap yang mapan.

Di samping itu juga, penganjuran Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia ataupun LAMAN yang diadakan dua tahun sekali bermula pada tahun 2004, telah meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia dan antarabangsa terhadap landskap taman dan bunga-bunga serta peranannya dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif, selesa, harmoni dan selamat. Festival ini juga selari dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau jawapan kita terlalu panjang akan timbul anggapan kita hendak elak daripada *being call to account*.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Tidak sekali-kali Tuan Yang di-Pertua, tapi untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Sedikit sahaja lagi. Festival ini juga selari dengan hasrat kerajaan mewujudkan Malaysia Negara Taman Terindah 2020 yang juga akan menjadi satu produk pelancongan negara. Ia juga mampu merangsang pembangunan industri landskap negara dan serantau. Terima kasih.

■ 1110

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah pencapaian Kempen Tanam Pokok terutamanya pokok bunga raya yang diselaraskan oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan dan juga keprihatinan tentang Kempen Tanam Pokok. Saya harap Yang Berhormat dapat membantu saya untuk memastikan kempen ini berjalan dengan lebih berkesan dan lebih bersemarak lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Kempen Tanam Pokok kita alhamdulillah telah mencapai sasaran yang kita harap-harapkan iaitu sehingga tahun 2020 nanti kita bercadang untuk menanam 20 juta pokok dan setakat ini pokok yang telah dapat ditanam ialah sebanyak 9,114,289 pokok di seluruh negara dengan kerjasama semua pihak, dengan komuniti, dengan budak-budak sekolah dan semua orang yang membantu kita untuk memastikan pencapaian yang tinggi ini.

Saya percaya sebenarnya ini angka yang kita terima daripada pihak berkuasa tempatan tetapi saya percaya bahawa angka ini sebenarnya adalah lebih besar lagi kerana banyak pihak-pihak yang tidak menghantar laporan kepada kita dan insya-Allah kita akan ada satu laman web yang akan kita lancarkan tidak lama lagi dan dengan itu kita akan dapat lagi laporan-laporan terkini daripada semua pihak.

Untuk bunga raya setakat ini kita telah dapat menanam iaitu bagi orang yang melaporkan khususnya daripada pihak berkuasa tempatan sebanyak 1,274,286 pokok. Ini juga saya percaya sebenarnya lebih banyak lagi yang telah ditanam kerana ramai orang menanam pokok bunga raya ini tetapi tidak melaporkan kepada kementerian. Saya anggap ini suatu yang berjaya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesedaran rakyat serta kita melihat bahawa banyak bangunan-bangunan tinggi seperti kondominium dan

apartmen terutama sekali di bandar-bandar raya dan di ibu-ibu negeri seluruh negara, tidak diselenggarakan dengan sempurna. Baik dari segi wajahnya mahupun dari segi penyelenggaraannya. Apakah cara yang telah diambil oleh kementerian untuk mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini supaya tidak terjerumus kepada kampung *slum* dengan izin, yang berada di dalam bandar ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak hindar daripada *slum* kampung.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini sudah keluar dari soalan landskap, berkenaan dengan penyelenggaraan tetapi walau macam mana pun, seperti mana Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sudah maklum bahawa di penghujung tahun lalu kalau saya tidak silap, kita telah meluluskan satu rang undang-undang yang baru untuk menyelenggarakan bertujuan untuk memastikan penyelenggaraan semua bangunan-bangunan yang tinggi, kondominium ataupun pangsapuri iaitu semuanya telah pun diluluskan dan dengan kelulusan akta yang baru itu, maka masalah penyelenggaraan ini akan dapat diatasi dengan sebaik mungkin, insya-Allah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa anggaran peruntukan yang telah diberikan kepada setiap PBT setahun bagi keindahan landskap? Adakah kementerian memantau, membuat penilaian serta adakah kementerian bercadang untuk memberikan peruntukan mengikut kawasan Parlimen bagi meningkatkan lagi keindahan landskap seluruh negara dan berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan sempena kempen Tahun Melawat Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sikit yang bercanggah di sini, kerana PBT tidak selaras dengan kawasan Parlimen. Sukar bagi... [*Masalah sistem pembesar suara*] ...Beberapa mengikut PBT cukuplah kawasan Parlimen itu.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Pembahagian mengikut kawasan ialah di bawah urusan unit lain di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita ada jumlah keseluruhan untuk Rancangan Kesembilan. Kita ada jumlah yang kita bagi kepada negeri-negeri, misalnya Projek Pembangunan Taman Awam. Misalnya untuk negeri Johor kita sediakan RM22,169,000 untuk pembangunan taman awam sahaja. Untuk lain-lain program, kita ada lagi peruntukan-peruntukan. Keseluruhan untuk landskap ini bagi Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah menyediakan RM361,110,127.00, keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga ratus juta ringgit.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Yang Berhormat minta secara khusus PBT, saya terpaksa memerlukan notis dan akan memberikannya kepada Yang Berhormat. Begitu juga kalau di peringkat Parlimen, kita juga memerlukan notis Tuan Yang di-Pertua.

12. Tuan Tay Puay Chuan minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kementerian untuk menangani kegiatan jenayah yang makin menjadi-jadi di daerah Johor Bahru.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, kadar aktiviti jenayah di daerah Johor Bahru masih tinggi. Walau bagaimanapun, indeks jenayah untuk tempoh Januari hingga Mei tahun 2007 mencatatkan penurunan dari 12,202 kes hingga 11,355 kes iaitu penurunan sebanyak 7%. Untuk kes kekerasan, penurunan adalah 10%, sementara kes jenayah harta benda penurunan adalah 6.3%.

Ini menunjukkan usaha gigih Polis Diraja Malaysia dalam mencegah dan membanteras kegiatan jenayah di Johor Bahru telah berkesan dan berjaya. Dalam konteks ini PDRM sentiasa melipat gandakan usaha untuk membasmi kegiatan jenayah. Kerajaan dan PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi membanteras jenayah di Johor Bahru:-

- (i) akan membina tiga IPD dan sebelas balai polis baru di Johor Bahru dan semasa menunggu pembinaan IPD dan balai polis baru tersebut, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM6 juta untuk menyewa bangunan dan kedai buat sementara waktu supaya IPD dan balai tersebut boleh mula beroperasi;
- (ii) menambah 400 anggota polis secara berperingkat mulai 1 Ogos 2007;
- (iii) menambah 200 kereta ronda supaya meningkatkan kehadiran polis di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi;
- (iv) melipatgandakan operasi Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik;
- (v) mengadakan kempen dan dialog bersama dengan NGO dan rakyat untuk meningkatkan kesedaran tentang langkah-langkah pencegahan jenayah;
- (vi) mempromosikan konsep bandar selamat dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam rakan cop;
- (vii) menggesa pihak berkuasa tempatan serta tuan punya premis dan bangunan agar memasang lebih banyak CCTV supaya langkah pemantauan dan pencegahan jenayah; dan
- (viii) menggunakan helikopter pada siang dan waktu malam untuk tujuan pemantauan dari utara terhadap kawasan-kawasan yang biasanya jenayah tinggi.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih juga atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap program Rakan Cop dan sejauh manakah keberkesanannya program ini dalam menurunkan kadar jenayah di daerah Johor Bahru khasnya. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Sejak kita melancarkan program Rakan Cop penglibatan dan sambutan adalah amat menggalakkan. Kian ramai menyedari kepentingan program ini supaya rakyat boleh menjadi mata telinga kepada polis dalam memberi maklumat tentang kemungkinan berlaku jenayah dan juga membantu polis supaya mereka boleh sampai ke tapak berlakunya jenayah dan dalam masa yang singkat. Ini adalah satu kaedah yang sangat baik dan saya harap semua Ahli Parlimen dapat membantu menggalakkan rakyat untuk menyertai Rakan Cop. Sekian, terima kasih.

■ 1120

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya hendak tanya soalan Nombor 12. Ketua Polis Negara menyatakan bahawa kumpulan gengster Singapura adalah satu daripada tujuh kumpulan gengster yang mendalangi jenayah di Johor Bahru dan dilindungi oleh orang berpengaruh. Saya ingin tahu apakah bentuk jenayah yang mereka lakukan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras gengster Singapura ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Gengsterisme yang berlaku di situ bukan sahaja daripada Singapura bahkan ada juga daripada negara-negara lain termasuk Indonesia dan ada sebilangan kecil yang melibatkan negara Taiwan. Pihak Polis sentiasa mengadakan pelbagai operasi untuk menangkap dan membanteras kegiatan gengsterisme di seluruh negara termasuk di Johor Bahru. Ini amat berkesan di mana baru-baru ini kita lihat dengan operasi yang besar-besaran telah menakutkan pihak gengster yang terlibat dalam jenayah. Biasanya aktiviti jenayah yang terlibat dalam gengsterisme termasuk samun, ugut, perjudian, pelacuran dan juga rompak bersenjata.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Nasib baik boleh bertanya soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan nasib baik tetapi diperhitungkan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Sering kali dan kadangkala penjenayah itu pada pandangan saya ada mengalami sakit jiwa atau *psychotic*. Baru-baru ini saya terbaca, seorang perempuan yang sakit hendak pergi jumpa doktor, dirogol.

Soalan tambahan saya, sama ada pihak PDRM bercadang untuk menukar seksyen 376 Kanun Keseksaan agar orang yang sebegini, *psychotic* itu atau perogol itu, kita potong dia punya barang....[*Dewan riu*] [*Ketawa*] Atau dikembiri iaitu *castrate*. Adakah itu satu cadangan yang PDRM sedang fikirkan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih boleh menjawab pertanyaan dalam konteks Johor Bahru.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati banyak berlaku jenayah kekerasan, bunuh dan rogol yang sebenarnya dilakukan oleh mereka yang telah mengambil dadah seperti *syabu* dan *ice*. Selepas mereka mengambil *syabu* dan *ice* mereka menjadi ganas dan amat garang. Tentang cadangan untuk menggunakan kaedah yang drastik bagi menangani jenayah rogol seperti *castration* dan juga cadangan menggunakan ubat-ubatan yang boleh melembutkan lelaki yang garang itu. Ini adalah cara-cara yang pernah dilakukan di negara-negara lain tetapi ini melibatkan isu hak asasi dan lain-lain isu yang mungkin melibatkan pandangan orang ramai ia

memerlukan kajian yang teliti. Setakat ini kerajaan belum lagi bercadang untuk berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

13. Dato' Sri Empiang Jabu minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah rancangan-rancangan bagi membangunkan kawasan Tanah Adat Bumiputera di Sarawak yang begitu luas sebagai estet mini pekebun-pekebun bagi membantu rakyat luar bandar meningkatkan taraf kehidupan mereka dan sama ada kerajaan akan memperhebatkan lagi skim penanaman pokok-pokok kayu yang berpotensi dan mempunyai harga komersial seperti *Acacia Mangium* di samping meneruskan lagi usaha rancangan menanam getah bermutu tinggi di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Orang Sarawak. Senator Sarawak bertanya, Ahli Pentadbiran Sarawak menjawab.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Di antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memajukan tanah-tanah Hak Adat Bumiputera ataupun NCR negeri Sarawak termasuklah penanaman kelapa sawit dan getah secara perladangan. Projek-projek berkenaan akan dilaksanakan oleh empat agensi pelaksanaan kementerian iaitu Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan FELCRA Berhad.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM204.6 juta telah diperuntukkan kepada empat agensi berkenaan bagi membiayai permohonan tanah-tanah adat seluas 18,828 hektar dengan tanaman kelapa sawit dan getah. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan memberi manfaat ekonomi kepada seramai 16,406 orang peserta.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat supaya memperhebatkan usaha penanaman pokok-pokok kayu bernilai komersial seperti *Acacia Mangium* merupakan saranan yang amat baik dalam memastikan industri pulpa dan kertas di Sarawak mendapat bekalan mentah yang mencukupi dan berterusan. Namun demikian, setakat ini kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menanam pokok-pokok ini. Walau bagaimanapun kementerian bersedia untuk membincangkan perkara ini untuk tindakan seterusnya. Sekian.

14. Tuan Majjol bin Mahap minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, kejayaan dan kegagalan jika ada *Malaysian Code On Corporate Governance*, dalam soal *corporate governance* di Malaysia, setelah diperkenalkan oleh kerajaan melalui *the Malaysian Institute of Corporate Governance* (MICG) pada tahun 2001.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Code on Corporate Governance* iaitu MCGG, merupakan kod tatalaku yang menggariskan perlakuan-perlakuan yang digalakkan, *best practices* dengan izin, yang lebih terpakai ke atas syarikat-syarikat senarai awam. MCGG tidak menggariskan

keperluan mandatori berhubung pematuhannya. Walau bagaimanapun, kaedah 15(2.26) di bawah Bursa Malaysia Security Bhd. *listing requirement*, dengan izin memerlukan laporan berhubung dengan tadbir urus korporat dinyatakan dalam penyata tahunan syarikat.

Bagi melaksanakan hasrat ini Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menawarkan Program Latihan Pengarah Syarikat atau *Corporate Directors Training Program (CDTP)*, yang bertujuan untuk memberi latihan supaya pengarah-pengarah syarikat memahami kehendak perundangan dalam mengurus syarikat dan mempertingkatkan tahap pematuhan syarikat di kalangan di negara ini dan menyemai kesedaran betapa pentingnya amalan tadbir korporat yang baik ditetapkan di dalam urusan syarikat. Pada tahun 2006 dan 2007, SSM melalui latihan ini telah berjaya mengadakan sebanyak 167 buah kursus yang telah dihadiri oleh seramai 6,980 orang pengarah. Terima kasih.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah mekanisme pemantauan pihak kementerian untuk menggalakkan syarikat daripada melakukan sebarang penyelewengan dalam laporan kewangan syarikat serta tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang bersubahat dalam syarikat itu dengan membuat penyata akaun yang mengelirukan. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih, Senator Tuan Maijol bin Mahap. Memang kementerian melalui SSM sentiasa memantau dan tiap-tiap syarikat yang berkenaan perlu menghantar *audited account* dan juga laporan mesyuarat selepas sahaja mesyuarat agung diadakan kepada SSM. Ini juga untuk menentukan bahawa kita dapat melihat syarikat-syarikat dijalankan dengan *best practice* dengan izin, juruaudit di syarikat awam yang disenaraikan, *public listed companies* kini mewajibkan melaporkan perbuatan *fraud* dan ketidakjujuran yang dilakukan mana-mana pegawai syarikat tersebut kepada SSM. Juruaudit-juruaudit juga ataupun pegawai-pegawai yang memberitahu tentang keadaan ini kepada SSM, *whistle-blowers*, akan dijaga ataupun mereka tidak diambil tindakan atas mana-mana pihak ataupun syarikat-syarikat kerana mereka memberitahu kedudukan syarikat yang menipu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh SSM.

Dengan cara-cara ini juga, kita telah mengambil tindakan kegagalan membentangkan akaun bagi 2006 atas 130 buah syarikat dan bagi yang membuat kenyataan palsu dan mengelirukan kita telah mengambil tindakan ke atas 100 buah syarikat. Di bawah seksyen 169, kalau tidak membentangkan akaun kepada SSM tiap-tiap tahun apabila diambil tindakan syarikat itu boleh didenda sebanyak RM30 ribu atau dipenjarakan selama lima tahun.

■ 1130

Di bawah seksyen 364, sesuatu syarikat yang membuat kenyataan palsu akan didenda sebanyak RM250,000 atau pengarahnya akan dipenjarakan selama 10 tahun. Kegagalan mengadakan mesyuarat agung, bagi pemantauan kita sebanyak 326 syarikat belum mengadakan mesyuaratnya bagi bulan Januari hingga Mei 2007. Jika sesuatu syarikat gagal mengadakan mesyuaratnya, syarikat-syarikat itu didenda sebanyak RM5,000. Apa yang kita pastikan sekarang

adalah kes-kes *compliance rate* begitu baik dan memuaskan. Pemantauan ini akan diteruskan demi kepentingan pembangunan perniagaan dalam negara kita. Terima kasih.

15. Tuan Ir. Hiang A Li minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah pihak kementerian bercadang untuk menggubal satu sukatan pelajaran baru bagi sekolah-sekolah memandu di seluruh negara yang lebih mementingkan keselamatan jalan raya itu sendiri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Hiang A Li. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau MIROS, sentiasa menjalankan penambahbaikan ke atas kurikulum pendidikan pemandu terutamanya dari aspek keberkesannya dalam melahirkan pemandu yang berkualiti dan membudayakan pemanduan selamat.

Buat masa ini, sukatan kurikulum semasa termasuklah modul ujian motosikal sedang dalam proses penambahbaikan dan ia dijangka akan siap pada penghujung tahun ini. Kerajaan berharap dengan kurikulum baru pendidikan memandu yang akan dilancarkan kelak, ia akan membentuk satu generasi baru pemandu yang lebih mengutamakan keselamatan jalan raya dan pemanduan selamat. Langkah ini juga secara langsung akan berjalan seiring dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 dalam mengurangkan kemalangan jalan raya di negara ini. Terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adalah didapati ramai pemandu yang muda dan yang baru dapat lesen memandu, terlibat dalam kemalangan jalan raya. Adakah kementerian bercadang untuk memperketat sistem ujian bagi pemuda-pemuda itu? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja peringkat anak-anak muda yang baru dapat lesen, bahkan pada hari ini menerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, kita telah meningkatkan terutamanya dari segi mutu mengajar iaitu di peringkat sekolah memandu dan kita juga memperketat dari segi cara-cara mereka untuk hendak meluluskan sesuatu pemeriksaan.

Bahkan mulai 2003, JPJ telah melancarkan dua buah buku mengenai KPP iaitu Kurikulum Pendidikan Pemandu sebagai satu buku panduan. Pembelajaran KPP ialah untuk calon-calon belajar dengan sistematik dan manual dan pengajaran KPP ialah untuk tenaga pengajar dan juga jurulatih institusi memandu mengajar dengan berkesan dan teratur. KPP baru ini adalah untuk memberikan nilai tambah kepada kaedah pelaksanaan pembelajaran memandu di institusi memandu ke arah lebih berstruktur dan berkesan dalam menghasilkan pemandu yang *competent*. Ini adalah untuk semua pelajar memandu yang baru, walaupun sama ada muda ataupun sudah berumur.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah pihak kementerian ada cadangan untuk menyeragamkan bayaran yang

dikenakan oleh sekolah-sekolah memandu dan sejauh manakah berkesannya Kursus Pemanduan Berhemah dalam mengurangkan kadar kemalangan? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan caj-caj sekolah memandu ini, saya rasa ini masih dikaji oleh pihak kementerian dan juga menerusi JPJ untuk mengawal keadaan dari segi caj-caj yang dikenakan oleh pihak sekolah memandu ini. Kita sentiasa memantau keadaan ini kerana kita kalau seboleh-bolehnya memang hendak menyeragamkan sekolah-sekolah memandu ini supaya tidak caj sesuatu kursus berkaitan pemandu ini melebihi daripada apa yang sepatutnya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah kementerian bercadang untuk meningkatkan had umur yang ada sekarang ini untuk mendapatkan lesen memandu? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri yang mengemukakan soalan ini. Cadangan itu memang pada masa ini telah kita mempertingkatkan dari segi umur walaupun dalam kajian untuk meningkatkan umur bagi memiliki sesuatu lesen membawa kenderaan bermotor atau motosikal. Bagi kenderaan motor ataupun *vehicle* dengan izin, kita masih lagi dalam kajian untuk mencari jalan dan juga apakah sepatutnya yang kita lakukan untuk memastikan pemandu-pemandu ini akan lebih lagi berhemah dan menggunakan jalan raya itu dengan cara yang menyelamatkan bukan diri dia sahaja, bahkan diri pengguna jalan raya yang lain.

Ini adalah sesuatu proses yang perlu kita teliti dengan sebaik mungkin di mana ini adalah sesuatu yang kita perhatikan pada hari ini, satu keadaan yang kritikal bagi pengguna-pengguna jalan raya di seluruh negara. Terima kasih.

16. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) projek-projek kerajaan yang bermasalah atau terbengkalai; dan
- (b) proses kelulusan projek (sama ada pemberian terus atau tender terbuka) agar lebih cepat daripada prosedur yang diamalkan pada masa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Datuk Armani. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek kerajaan adalah di bawah tanggungjawab pegawai pengawal di setiap kementerian selaku mentadbir kontrak untuk mengawal selia setiap projek daripada menghadapi masalah atau terbengkalai. Ini adalah selaras dengan langkah desentralisasi yang telah dilaksanakan melalui konsep *that managers manage*, di mana Kementerian Kewangan menurunkan kuasa kepada setiap kementerian bagi melaksanakan projek

pembangunan yang dirancang oleh kementerian tersebut. Bagi memudahkan agensi menangani masalah projek-projek bermasalah dan sakit, Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan peraturan melalui Pekeliling SPP. Bil.5 tahun 2006, yang berkaitan dengan pelantikan kontraktor bagi menyiapkan projek-projek sakit yang telah ditamatkan.

Bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek, perkara yang perlu dititikberatkan oleh agensi ialah perancangan untuk pelaksanaan projek tersebut termasuk perancangan tahunan dan awal bagi tender-tender yang ingin dipelawa. Perkara-perkara yang perlu diambil perhatian hendaklah mengambil kira kategori perolehan, peruntukan kewangan, pemilikan tanah dan tarikh tender akan dipelawa serta dijangka untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan. Bagi tujuan mempercepatkan kelulusan projek melalui tender, Lembaga Perolehan hendaklah bersidang dalam tempoh tiga minggu selepas penilaian tender selesai. Untuk mencapai sasaran ini, agensi perlu menyediakan satu jadual pelaksanaan bagi menunjukkan anggaran masa untuk setiap peringkat, dari penyediaan spesifikasi sehingga keputusan dibuat.

■ 1140

Bagi agensi yang menguruskan bilangan tender yang banyak, Lembaga Perolehan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua minggu.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu projek penswastaan di antara pihak swasta dan pihak DBKL dijalankan di Jalan Pudu Plaza Rakyat. Projek ini bermasalah dan telah terbengkalai selama 10 tahun. Jadi saya ingin tahu bahawa pemaju ini telah bankrap dan telah lari, jadi pihak-pihak komersial ada satu projek untuk *mix development*.

Jadi orang ramai telah membeli unit-unit di dalam sektor komersial. Oleh itu saya hendak tahu kontrak yang ditandatangani oleh DBKL dan pihak swasta itu telah ditamatkan, dan saya ingin tahu apakah pula perancangan yang baru untuk menyelamatkan projek ini kerana projek ini telah terbengkalai selama 10 tahun dan di Jalan Pudu, jadi *eyesore*. Jadi berlaku kesesakan lalu lintas di kawasan itu, saya harap kerajaan dan Kementerian Kewangan bolehlah betulkan dan menyelamatkan projek ini untuk kebaikan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini berkenaan dengan satu projek yang spesifik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini perlu satu maklumat tertentu dan perkara-perkara yang spesifik, jadi saya minta notis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Armani.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, soalan satu, berapakah jumlah projek yang terbengkalai dalam RMK-8 dan RMK-9 di Sabah dan bagaimanakah status projek tersebut, adakah usaha-usaha untuk diteruskan semula?

Soalan dua, pada masa ini semua projek dibuat secara tender terbuka di Sabah dan berapakah projek tender terbuka dikhususkan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengenai *detail* tentang projek-projek terbengkalai, ini terdapat di peringkat agensi masing-masing. Oleh kerana kebanyakan projek

yang di bawah RM50 juta, ditentukan oleh agensi ataupun jabatan masing-masing. Jadi maklumat itu tidak sampai kepada Kementerian Kewangan. Cuma yang ada ialah projek-projek yang lebih daripada RM50 juta untuk kerja dan RM30 juta untuk perkhidmatan atau *services*. Jadi tentang maklumat itu saya tidak dapat berikan.

Mengenai projek-projek yang lain sama ada secara tender terbuka ataupun *direct negotiation*, dengan izin, ini prosedurnya kebanyakan ditender, tapi bagi projek yang spesifik, yang tertentu, yang memerlukan kepakaran itu boleh diberi *negotiation*. Tentang beberapa projek yang saya sebut tadi di Sabah, itu juga *detail* nya di peringkat kementerian masing-masing. Jadi di peringkat Kementerian Kewangan tidak dapat semua sekali, hanya projek-projek besar sahaja Tuan Yang di-Pertua.

17. Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk melancarkan gempur membasmi samseng dan penjenayah seperti Ops Cantas Kenyalang Sarawak dan nyatakan jumlah mengikut negeri anggaran ahli-ahli kongsi gelap dan penjenayah dalam buruan PDRM serta strategi bagi menangani isu tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil tindakan susulan untuk membendung ancaman gengsterisme seperti berikut:

- (i) sentiasa mengadakan operasi khas untuk membanteras kegiatan gengsterisme seperti Operasi Cantas, Operasi Noda atau Operasi Membanteras Kegiatan Pelacuran, Operasi Nadu ataupun Operasi Membanteras Kegiatan Sindiket Perjudian dan Operasi Cantas Kenyalang Sarawak;
- (ii) menjalankan risikan dan siasatan secara berterusan untuk membuktikan ahli-ahli gengster yang terlibat dalam kegiatan jenayah supaya mereka boleh dibawa ke muka pengadilan di bawah undang-undang kanun keseksaan;
- (iii) mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan sedia ada seperti di bawah Ordinan Darurat 1969 dan Akta Kediaman Terhad 1933;
- (iv) menjalankan pemeriksaan di premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan-kegiatan haram;

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan gengster utama yang wujud dikenal pasti di seluruh negara ini semenjak tahun 2005 sehingga kini adalah seperti berikut:

- (i) Ang Bin Hoey - 122 kumpulan dan ahlinya lebih kurang 11 ribu;
- (ii) Wah Kee - 40 kumpulan dengan ahlinya 1,991 orang; dan
- (iii) Thug Geng - 123 kumpulan dengan ahlinya seramai 3,497 orang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, melihatkan tugas-tugas PDRM semakin berat dan bagaimanakah cara agar kekosongan hampir 10,000 jawatan polis dapat diisi dengan segera bagi menangani masalah ataupun isu-isu jenayah samseng yang begitu meningkat. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan PDRM berhasrat untuk merekrut seramai 60,000 orang anggota baru di pelbagai peringkat untuk memperkuatkan lagi keupayaan PDRM dalam menangani masalah jenayah termasuk jenayah gengsterisme tetapi kita menghadapi sedikit masalah kapasiti untuk melatih anggota baru iaitu kapasiti dalam semua PULAPOL dan Maktab PDRM cuma dapat melahirkan lebih kurang 10,000 orang sahaja untuk setiap tahun dan ini pun dengan cara yang baru, di mana sebahagian menjalani latihan di institusi dan sebahagian lagi menjalani latihan semasa bekerja.

Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan peruntukan tambahan untuk mengubah sebuah hotel lama di Langkawi dan dijadikan sebagai pusat latihan polis dan itu akan menambahkan kapasiti 300 orang. Dengan langkah-langkah tersebut, maka kita dapat merekrut lebih ramai lagi anggota secepat mungkin untuk menangani masalah jenayah di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan lisan telah cukup.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AKTIVITI KERAJAAN ELEKTRONIK 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[23 Julai 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan M. Munusamy untuk menyambung perbahasan.

11.49 pagi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam dalam perbahasan rang undang-undang ini Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati telah berkata bahawa MyKad yang kita gunakan itu ada masalah untuk digunakan sebagai pasport antarabangsa di beberapa negara.

■ 1150

Apabila MyKad diperkenalkan di negara kita, sebanyak lapan aplikasi telah pun dimasukkan dalam *microchip* peringkat demi peringkat iaitu identiti nasional, lesen memandu, informasi berkenaan dengan pasport antarabangsa, informasi berkenaan dengan kesihatan, Touch'n Go, MEPS *cash*, ATM dan *Public Key Infrastructure*, dengan izin. Malangnya sehingga hari ini aplikasi-aplikasi yang boleh digunakan melalui MyKad adalah terhad dan ini secara tidak langsung telah membantutkan usaha kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan secara keseluruhan melalui peningkatan teknologi maklumat. Saya ingin menyeru kerajaan supaya melihat semula kpd penggunaan MyKad secara meluas kerana ia boleh digunakan sebagai pengenalan secara elektronik. Selain itu,....

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Bercakap tentang MyKad Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan satu masalah. Kebanyakan MyKad kita ini kualitinya adalah amat rendah,

tengok sudah terkopek... [Menunjukkan MyKad berkaitan] Saya percaya teman-teman yang lain juga mempunyai MyKad, yang baru saya tengok, saya sudah terkopek. Jadi tidak dapat digunakan dengan sempurna, apakah pandangan Yang Berhormat? Saya punya pun sudah terkopak. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya juga pernah nampak MyKad yang telah kopek. Saya tidak tahu apa cadangan pihak kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti MyKad. Saya harap pihak kerajaan akan ambil kira perkara ini. Selain itu sebagai langkah keselamatan tambahan, cap jari juga boleh dibaca secara elektronik dan nombor pin boleh digunakan untuk urusan-urusan yang dijalankan secara elektronik antara kerajaan dan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, *ranking e-government 2007* yang dikeluarkan oleh Waseda University di Jepun baru-baru ini meletakkan negara kita di tangga ke-15 secara keseluruhan daripada 32 negara selepas negara-negara seperti Amerika Syarikat, Singapura, Kanada, Jepun, Korea, Australia, Finland, Taiwan, UK, Sweden, Germany, France dan Hong Kong. Ini adalah penurunan sebanyak enam anak tangga jika dibandingkan pada tahun 2005 iaitu ke tangga kesembilan. Antara isu yang dibangkitkan oleh laporan ini adalah mengenai kewujudan jawatan *Chief Information Officer*, dengan izin, yang dilihat sebagai faktor yang penting memastikan tidak wujud jurang di antara aspek pengurusan dan aspek teknologi dalam sesebuah kerajaan. Di dalam ranking dari aspek CIO ini pula Malaysia berada di tangga kelapan dalam kajian Waseda University.

Saya ingin bertanya, di negara kita siapakah yang berperanan sebagai *Chief Information Officer* di dalam kerajaan? Mungkin nama jawatan itu adalah berlainan, tetapi siapakah yang berperanan dan bertanggungjawab dan mengkoordinasi aspek pengurusan dan aspek teknologi aktiviti-aktiviti kerajaan elektronik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini akan dapat memanfaatkan masyarakat luar bandar terutama dalam meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai kemudahan yang ada pada masa ini. Mungkin secara kemudahan fizikal, pembangunan di luar bandar agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan bandar, tetapi dengan kecanggihan teknologi pada masa ini adalah diharapkan agar *digital divide* ini akan dapat dikurangkan pada masa hadapan. Sebelum saya bercadang untuk menyokong, saya juga ingin menyokong saranan dan juga pandangan-pandangan yang telah diluahkan pada semalam berkenaan dengan isu yang dikeluarkan oleh Tian Chua. Saya juga menyokong bahawa Akta ISA digunakan supaya tindakan-tindakan seperti ini tidak digunakan oleh orang-orang lain. Mungkin Tian Chua ini dianggap bahawa beliau tidak boleh didakwa, itulah sebabnya beliau mengaku memfitnahkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Oleh itu saya menyokong saranan itu dan juga tindakan yang diambil oleh Ketua Penerangan pihak UMNO Tan Sri untuk membuat laporan berkenaan dengan *Malaysia Today* dalam laman web. Saya harap pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya dengan segera, sekian dengan ini saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tan Sri Dato' Muhammad. 11.56 pagi.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 yang dibentangkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkembangan yang sangat sihat di mana perkembangan elektronik merupakan satu perkembangan semasa yang berlaku di seluruh dunia dan mahu tidak mahu kerajaan kita mesti menyusun strategi dan mengadakan persiapan-persiapan supaya negara kita Malaysia dengan izin, *at par* dengan negara-negara maju di seluruh dunia bersesuaian dengan matlamat kita menjadi sebuah negara maju tahun 2020.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, ada perkembangan-perkembangan yang kurang sihat yang berlaku sejajar dengan perkembangan elektronik ini. Kalau kerajaan mempunyai kerajaan elektronik, tetapi fitnah juga boleh menjadi separa dengan elektronik. Memfitnah, membuat cerita palsu, mengadu domba, memburuk-burukkan secara bebas dalam negara kita. Kita tahu bahawa negara kita ini mempunyai undang-undang. Ada perkara-perkara yang tidak boleh disentuh. Misalnya berkaitan dengan Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ataupun yang berkaitan dengan hal agama Islam ataupun agama-agama lain tidak sepatut ada pihak-pihak yang merendahkan ajaran satu-satu agama. Itu sebabnya peristiwa yang berlaku di Kerling misalnya, hampir 15 tahun yang lepas, kerajaan mengambil tindakan yang tegas pada beberapa orang yang cuba merosakkan kuil Hindu di Kerling.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya semalam telah mengadakan laporan polis terhadap satu *blog* yang bernama *Malaysia Today* kerana saya dapati bahawa *blog* ini yang telah beberapa ketika melakukan pemberitaan secara elektronik yang boleh dilihat, dibaca bukan hanya oleh masyarakat kita, tetapi juga masyarakat seluruh dunia boleh dibaca oleh anak muda, boleh dibaca oleh sesiapa sahaja.

▪ 1200

Kalau dari segi perkataan kita tidak boleh menghina raja, kita tidak boleh merendahkan agama dan kita tidak boleh menyuarakan pandangan yang berunsur perkauman, dilarang dari segi undang-undang tetapi dengan perkembangan elektronik ini, sesuai dengan kajian yang berelektronik, maka ada pihak yang boleh menyiarkan berita dalam *blog* ini secara bebas. Saya ingin membacakan sebahagian daripada isi daripada *blog* ini kerana semalam sewaktu saya laporkan kepada polis saya tidak sempat hendak beritahu apa isi kandungannya.

Satu contoh misalnya ditulis oleh brandonD dengan izin:

"I for one citizen of Malaysia would not respect anymore especially the coward Yang di-Pertuan Agong if there are no brave actions taken by him, instead of showing of my naked butts in front of him whenever I've got my chance."

Begitu juga oxyh2o, yang disiarkan oleh laman web ini dengan izin:

"Learn from others who are better... the feudal system must go. Look at Finland and Singapore, Malaysians should feel ashamed."

Yang ini pula oleh jabcharlie, melalui web yang disiarkan oleh web *Malaysia Today*:

"But without the Chinese, the Malays will also have to return to padi fields and plantations... The Chinese feeds the lazy Malays who don't have a backbone of their own. You get rid of the Chinese - What happens? NO MALAYSIA, NO BRIBES for the Malays to survive...etc.. etc.. etc."

Dan satu lagi ini oleh Raja Petra dengan izin:

"I will stop at that last level, when they reply. This is very typical of few kampung Malays and Muslims. All brainless pigs."

Ini bagi saya menghina agama, dengan izin, MM2007:

"EXACTLY BTN. The Arab camel 'shaggers' are here in town. The Arabs are drinking up too. Not only prostitution but the Arabs are also into young boys, their all time favorites.

You will notice young Malay boys and some Chinese hanging around the Bukit Bintang areas. The Arabs are diseased man. It takes an exceptionally stupid people (the Batu Geng Malays) to think that it is such a great thing to welcome Arab camel 'shaggers' to our country.

The Arabs are kafirs of disbelievers. They founded the religion of the Batu Geng. They have conned millions into believing that a stupid stone structure in their shit hole desert should be the centre of focus of people's worship - another stupid concept.

True to Arab homosexual tradition, the sick Arabs have conned millions of people into raising their 'arse' above their head five times a day - supposedly in prayers. Ass holes!"

Ada banyak lagi, saya masa-masanya membaca tulisan-tulisan secara bebas disiarkan dalam web ini dan saya fikir ini kalau dibiarkan ia akan mewujudkan satu pemikiran di kalangan anak-anak muda bahawa negara ini tidak ada peraturan, negara ini tidak ada sensitiviti, negara ini boleh tulis apa sahaja dan *nobody can catch me*, dengan izin atas nama hak kebebasan individu. Saya boleh tulis dan awak tidak ada hak hendak larang saya tulis.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tan Sri kerana membenarkan saya untuk mencelah.

Berhubung dengan contoh yang diberikan oleh Tan Sri, saya merasakan cukup terkejut dan inilah perkara-perkara yang kita rasa sebagai orang yang sopan, kita tidak harus mengeluarkan

walaupun tidak bersetuju tentang beberapa perkara, cara yang dikeluarkan mungkin tidak sopan dan tidak sepatutnya kalau kita hendak bincang untuk memperbaiki perkara tersebut, itu yang pertama. Berkaitan dengan kebebasan untuk kita menyuarakan pendapat, kebebasan kita untuk berkarya, kebebasan kita untuk memberikan informasi dan data kepada rakyat di Malaysia ini, berhubung kait juga dengan perkara yang telah dikemukakan Tuan Yang di-Pertua.

Apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri berhubung dengan tayangan filem *Evan Almighty* yang telah juga bagi pendapat saya sebenarnya telah menyentuh sensitiviti agama kita kerana di negara kita ini bukan hanya agama lain sahaja tetapi agama Islam adalah agama rasmi. Jadi bagaimanakah perkara ini juga dapat kita sekalian, bukan setakat kita boleh laporkan tentang *Malaysiakini*, mungkin dalam siaran-siaran tertentu yang mungkin menyentuh dan tidak berapa sopan itu tetapi juga penayangan filem seperti ini sepatutnya dicegah oleh kerajaan kerana kita tidak mahu perkara-perkara sebegini akan memberi impak kepada mana-mana agama ataupun kaum. Apa pandangan Tan Sri? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya fikir kalau dikaitkan filem dengan apa yang kita bincang pada hari ini, saya fikir ada dua aspek yang berbeza. Dia adalah, satu berbentuk hiburan dan terpulang kepada kita sama ada kita hendak tengok filem atau kita tidak mahu tengok filem tetapi yang ini, dia nyata menyentuh bukan hanya mengenai satu bentuk hiburan tetapi dia nyata menyentuh mengenai apakah persepsi pengurusan dia yang terang-terang mempersoalkan Kaabah itu sendiri, mempersoalkan sembahyang umat Islam lima waktu.

Saya tidak hendak baca yang ini sebenarnya tetapi orang tidak faham mengapa saya melaporkan kepada polis. Polis tahu kerana saya memberi lebih daripada apa yang saya baca tadi. Banyak lagi contoh-contoh lain yang saya beri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat atas sensitiviti agama sekiranya ada tayangan-tayangan yang agak membahayakan dari segi akidah maka perlu ada satu rasa tanggungjawab supaya tayangan seperti itu dapat dikaji dengan sedalam-dalamnya. Selepas saya membuat laporan polis...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Dato' Haji Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya menyokong tindakan Yang Berhormat membuat repot ataupun aduan kepada polis mengenai apa yang telah disebut tadi. Pertanyaan saya, minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah tidak boleh pihak berkuasa dalam hal ini katakanlah polis bertindak dengan tidak payah menunggu laporan-laporan dibuat, atau mesti dalam peraturannya, mestilah ada orang melaporkan sesuatu barulah bertindak atau dengan perkataan lain, polis ini tengok sahaja orang mencuri dan tidak akan bertindak selagi tidak ada orang buat aduan tentang pencurian itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kerajaan banyak mengambil tindakan tetapi kadangkala pihak kerajaan, saya fikirlah ini, saya

bukan kerajaan, saya fikir pihak kerajaan kadangkala dianggap, dilihat sebagai terlampau mengongkong. Ini tidak boleh, itu tidak boleh. Jadi perlu ada penjelasan yang agak jelas ataupun laporan yang dibuat supaya yang ramai ini, kita ini bergantung pada pendapat ramai. Kalau misalnya kerajaan dilihat mengongkong sangat maka ini akan dianggap sebagai kerajaan yang zalim tetapi kalau sekiranya dapat kita dedahkan perkara seperti mana yang dapat kita dengar sebentar tadi, maka orang baru tahu mengapa pihak kita hendak perkara ini diteliti supaya pihak kerajaan boleh mengambil tindakan. Selepas saya membuat...

■ 1210

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas tindakan Tan Sri yang telah sekurang-kurangnya berani tampil ke hadapan membawa perkara yang membahayakan keselamatan negara kita ini. Sememangnya kita tidak hendak kerajaan mengharamkan, menghapuskan semua *web blog* ini kerana ada juga yang baik, tetapi yang kita tidak bersetuju ialah tindakan penulis-penulis yang tidak bertanggungjawab, yang sudah mula menggunakan e-kempen untuk tujuan pilihan raya dan parti mereka.

Saya mengakui bahawa penulis-penulis seperti Tian Chua ini memang tidak guna kita fikir, tetapi yang saya hendak sebut di sini ialah ada di kalangan penulis-penulis tetap dalam *Malaysia Today* adalah mereka yang bekerja dengan kerajaan, yang menjadi guru tetapi menjadi penulis tetap, bekerja dengan parti-parti pembangkang, khususnya Parti Keadilan, tetapi kita biarkan mereka bermaharajalela, membuat fitnah dan sebagainya. Dalam konteks inilah saya ingin bertanya pendapat Tan Sri, apakah tidak boleh Kementerian Pelajaran mengetahui gurunya bergerak aktif dalam *Malaysia Today*, bergerak aktif dalam parti pembangkang yang memburukkan kerajaan dan sebagainya, tidak bolehkah guru-guru ini diambil tindakan?

Kadang-kadang kita *highlight* soal-soal disiplin yang boleh melemahkan segolongan besar guru-guru walaupun memang saya tidak berapa bersetuju dengan satu, dua tindakan guru disiplin itu, tetapi perkara inilah saya rasa kita perlu mengambil tindakan tegas dan jikalau sekiranya Kementerian Pelajaran tidak tahu butir dia siapa, datang kepada saya. Saya boleh bagi maklumat terperinci di mana dia, nama apa, di mana dia bekerja dan sebagainya dan orang-orang ini cari makan dalam kerajaan, cari makan dalam negara yang makmur, aman bahagia, tiba-tiba berniat jahat, busuk dan sebagainya. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, dengan izin, *there is no such thing as absolute freedom*. Kita tidak boleh tulis sesuka hati kita. Di Amerika Syarikat, *absolute freedom* walaupun di Great Britain tidak ada *absolute freedom*, mereka tangkap dan mereka boleh simpan di penjara bertahun-tahun, tidak ada bicara, tetapi kita buat sedikit kita dianggap keterlaluan. ISA kita dikritik, tetapi dengan cara kita mengawal kebebasan, ada hadnya.

Maka inilah sebabnya selama 50 tahun kita merdeka, kita boleh membangunkan sebuah negara yang sangat maju sebab setiap kaum ada sensitiviti, ada rasnya, ada sensitiviti agamanya, kepercayaannya, asal-usulnya. Jadi kalau kita dapat sampai kepada satu had dan kita tidak *over the limit*, kita tidak, dengan izin, *go over the limit*, maka negara kita ini akan selamat. Namun begitu kalau kita biarkan semua pihak mengeluarkan pendapat secara bebas sebeb-bebasnya, maka ini akan membahayakan.

Sebenarnya Kerajaan Perikatan yang memerintah sejak tahun 1957 dan Barisan Nasional yang mengambil alih sejak tahun 1970, 50 tahun kita merdeka, dari 1957 hingga tahun 2007, tidak henti-henti dikritik. Pada tahun awal-awal 50-an hingga menjelang tahun 60-an, 13 Mei, isu perkauman kuat pada masa itu. Dengan pemimpin-pemimpin pada masa itu, D. R. Sivasagam, Tan Chee Kun, V. David dan lain-lain, masa itu kuat menghentam dan Barisan Nasional tidak gentar dengan kritikan-kritikan seperti itu. Tahun 70-an misalnya, pelajar-pelajar yang bangun menentang boleh mengkritik, tetapi nampaknya akhir-akhir ini, tahun 2007 ini...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan, Tan Sri, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Tan Sri kerana memberi saya laluan untuk cakap sedikit tentang apa yang Tan Sri sebutkan tadi.

Sememangnya kritikan itu adalah sesuatu yang kita alu-alukan, tetapi kritikan ini ada dua bentuk kritikan, kritikan yang membina, yang konstruktif dan kritikan yang memusnahkan. Apakah tidak jelas lagi pada kita bahawa berita-berita yang disiarkan di dalam *Malaysia Today* bukan berbentuk kritikan tetapi semata-mata hentaman yang dibuat, khususnya untuk membangkitkan rasa marah di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendengar contoh-contoh yang dibacakan oleh Tan Sri tadi, timbul rasa kemarahan yang amat sangat dalam diri saya. Tentu sekali ia menyentuh soal bukan sahaja perkauman tetapi menghina bangsa, memanggil "*the brainless Malay*" dan lain-lainnya umpamanya dan mengatakan bahawa kita semata-mata mengharapkan sesuatu kaum, kalau tidak kita hancur lebur. Ini menyakitkan hati. Ketiganya, menghentam dan menghina agama. Agama adalah satu isu yang amat emosional. Orang boleh bunuh membunuh kerana kebangkitan kemarahan sebab soal agama. Maka ini bukan soal kritikan lagi. Ini adalah sesuatu yang akan menyentuh dan meruntuhkan kedudukan makro ekonomi kita, kestabilan politik kita. Maka dengan jelas, tindakan yang keras harus diambil untuk memberhentikan ini oleh kerana nanti yang marah tanpa rasional akan menimbulkan satu keresahan yang akan mengakibatkan sesuatu yang tidak sihat.

Kita di sini terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang rasional. Sungguhpun marah, kemarahan kita terkawal tetapi kalau ini dibaca dan dilihat oleh mereka yang tidak dapat menahan kemarahan, maka akan timbul satu situasi yang membahayakan dan ini akan tentu sekali mempunyai impak yang negatif terhadap pembangunan kita secara menyeluruh. Ini satu paradoks. Ini sesuatu yang tidak selari dengan tindakan kerajaan di mana kita baru sahaja melantik satu panel *national*

unity dan di sini nampak jelas bahawa ada sekumpulan yang hendak memecah *national unity* ataupun kesatuan kita di dalam negara ini.

Ini adalah sesuatu yang tidak boleh kita *tolerate*, yang tidak harus kita biarkan berlangsung dan berlaku lagi. Maka, saya rasakan harus ada tindakan yang keras, yang tegas terhadap mereka ini kerana kemusnahannya terhadap parti, ini bukan soal parti, tetapi soal negara. Keutuhan negara, soal kestabilan negara yang akan menentukan sama ada negara ini akan terus membangun, maju ataupun tidak. Apa pandangan Tan Sri?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dengan pandangan yang tepat sekali. Sememangnya cuba dengar ada satu lagi, elok saya baca juga, Anak Pahang:

"Hakikat dan hakikinya adakah kesemua Raja-raja Melayu dan Agong ada TELUR? Ada TELUR??? Sedangkan ramai dari golongan anak-anak raja – RPK jangan marah ya – yang buat perangai yang tidak senonoh."

■ 1220

Itu kalau saya baca, lagi banyak lagi menyirap dan ini dibuat. Kalau tadi tahun 50-an isu perkauman, tahun 70-an pelajar-pelajar, tahun 2007 dengan elektronik *government*, kebebasan yang sangat... dan selepas saya membuat laporan bila saya buka balik *webpage Malaysia Today* ini, *jam* saya tak boleh masuk. Sehingga pukul 1.30 pagi tadi baru saya boleh buka dan saya baca jawapan komennya *instant comment* daripadanya dan cuba dengar katanya saya *quote* apa yang dia tulis yang disiarkan oleh laman web. Ini berkaitan kononnya dia rapat dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi dengan rapatnya itu dia menceritakan, mendedahkan kepada masyarakat mengenai perkara-perkara yang tak sepatutnya dia dedahkan. *It was at 2.00 am last night* dengan izin:

"The then Raja Muda of Terengganu who is now the Agong and I would drive around London in his Ferrari and together with my sister and wife visit the famous London night -- Sports such as Longfellows where all the action is. When he was back in Kuala Lumpur, I would take him to the then famous Tin Mine where we would just sit and talk as he was not a disco-dancer but preferred to just enjoy the music and talk".

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mencelah di sini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau diizinkan pandangan, saya rasa tidak payah lagi kita memberi contoh-contoh yang lebih lagi daripada *website* ini oleh kerana kalau *website* itu hanya separuh daripada manusia akan membacanya tetapi kalau kita siarkan di sini mungkin lebih ramai. Berita-berita macam ini adalah berita-berita yang menggalakkan orang untuk membaca lebih lagi tetapi tidak mencari *solution* ataupun penyelesaian kepada masalah ini.

Maka saya rasa, yang pentingnya di sini yang harus kita berikan fokus dan tekanan ialah perkara-perkara ini adalah melanggar Perlembagaan. Ini jelas ia melanggar Perlembagaan oleh

kerana dia sebut tentang Yang di-Pertuan Agong, menghina. Kedua, ia menghina agama yang tidak harus sebab Islam itu adalah *the national religion of the Constitution* dengan izin. Yang ketiga, menimbulkan soal perkauman.

Tiga perkara ini menyentuh Perlembagaan dan sebenarnya melanggar Perlembagaan. Jadi saya rasa satu tindakan, mungkin Tan Sri akan menyarankan apa jua tindakan yang harus dilakukan sebab pada saya kita tidak boleh *tolerate* perkara-perkara ini dari berlaku. Mereka ini, umpama kita memberi peluang untuk menyuarakan pandangan tetapi mereka sebaliknya *abused hospitality* kerajaan, dengan izin. Maka kalau orang masuk rumah, kita buka pintu dia melanggar undang-undang rumah, kita nyah mereka keluar. Apa pandangan Tan Sri?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Saya bacakan ini kerana jawapan dia yang panjang ini mengatakan bahawa beliau amat taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia...

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tan Sri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau berlawanan dengan pandangan pemerhati luar, boleh dikatakan bahawa pembangkang di negara ini berada dalam kedudukan yang amat istimewa. Mereka tidak boleh didakwa kerana jika mereka didakwa, pendakwaan tersebut akan disebut sebagai *selective prosecution*, pendakwaan yang terpilih. Mereka tidak boleh ditahan kerana tahanan itu walaupun mengikut saluran undang-undang yang ada akan dianggap sebagai menahan orang dan tidak bersikap bebas dan apabila seseorang *webmaster* parti pembangkang ditahan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) maka timbullah kata-kata supaya ini satu serangan ke atas kebebasan akhbar, serangan ke atas *bloggers* dan oleh itu mereka berada dalam keadaan yang amat istimewa kerana mereka tidak boleh disentuh.

Berlawanan dengan keadaan pembangkang, anggota pentadbiran kerajaan sebut sahaja nama bersalah sudah. Jadi ini menunjukkan bahawa satu perbezaan di mana pemerhati luar negara melihat pembangkang sebenarnya disisih, tidak. Sebenarnya pembangkang di negara ini adalah kumpulan mereka yang amat istimewa kedudukan mereka macam "*secret cow*" "*lembu suci*" yang tak boleh disentuh pun. Melihatkan kepada ulasan-ulasan dalam *bloggers* macam Tan Sri sebut tadi.

Maka adakah Tan Sri bersetuju dengan saya bahawa sampai masa, keadaan dan ketikanya kita melaksanakan undang-undang yang ada *without fear or favor* tanpa mengira sama ada mereka pembangkang atau bukan pembangkang dan melaksanakan undang-undang ini merupakan satu perkara yang agak mencabar kerana kita terdedah kepada serangan daripada orang luar. Kononnya sampai masa kita sudah menutup pembangkang dan sebagainya tapi apa juga pandangan orang luar, apakah Tan Sri bersetuju bahawa sampai masa dan ketikanya kita menguatkuasakan undang-undang yang ada hendak menentang OSA pun di England dan UK ada OSA, ada Akta Rahsia Rasmi bahkan Akta Rahsia Rasmi kita berlandaskan kepada Akta Rahsia Rasmi di UK. Apa pandangan Tan Sri?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Farid, seorang yang amat arif tentang perkara undang-undang ini yang

kadangkala pihak-pihak yang menjalankan *blog* ini sengaja membuat, mengisi *blog* nya dengan perkara-perkara yang sangat berbahaya.

Saya bukan datang ke sini Tuan Yang di-Pertua untuk *to be respect* kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu tetapi saya kena mendedahkan perkara ini kerana kalau tidak didedahkan nanti orang hanya tahu sekerat-sekerat dan orang ramai menganggap bahawa pihak kerajaan zalim seperti pandangan Dato' Wan Farid bahawa kerajaan hanya menyerkup dan menahan dan melarang seolah-olah tak ada kebebasan.

Sebenarnya, negara ini ataupun mana-mana negara dalam dunia ini dia ada cara pentadbirannya sendiri. Pantang larang dia. India ada pantang larang di India, Brunei ada pantang larang di Brunei, China ada pantang larang dia. *We are running our country* dengan izin *according to our custom* dan latar belakang masyarakat kita yang pelbagai kaum. Kita kena *teller* kan dengan izin supaya kita selamat. Kalau tidak akan berlaku anarki dan akan berlaku huru-hara dan siapa yang akan bertanggungjawab? Saya bersetuju...

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Saya hairan dan terperanjat mendengar bacaan Yang Berhormat Tan Sri. Pada pendapat saya itu hanya segelintir sahaja mungkin satu dua kelompok kecil sahaja yang menjadi perosak kepada negara kita. Sanggup kah polis dapat mengesan penulis-penulis dalam *blog* yang tidak bertanggungjawab ini kerana kita dapati dalam pengalaman SMS pihak polis begitu cekap dapat mengesan mereka. Minta penjelasan Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya kita membuat laporan polis supaya pihak polis boleh *move* dengan izin, dan menjaga ketenteraman negara sebab polis bertanggungjawab menjaga ketenteraman negara bukan hanya dari segi fizikal, merompak, orang curi, rogol tapi dari segi aspek keselamatan minda, keselamatan emosi, keselamatan rakyat daripada dihasut oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang menyorok di belakang sibernya.

■1230

Ini dunia siber hari ini. Maka dunia siber macam sebenarnya menulis surat layang zaman dulu. Kalau tulis surat layang dalam mesyuarat agung parti pun menjatuhkan pemimpin buat surat layang tetapi tidak *sign*. Hari ini kita boleh buat kita punya pemancar di luar negara, di sini tidak ada siapa hendak kawal. Kalau sampai masanya saya percaya kerajaan, Kementerian Luar Negeri atau kementerian mana-mana boleh berbincang di peringkat antarabangsa bagaimana *bloggers* ini yang menyorok di mana-mana dunia ini boleh dikawal sebab negara Filipina misalnya, dia boleh buat server dia dekat sini. *Server* di Indonesia boleh letakkan di Filipina. Saya fikir kerajaan harus bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya membuat laporan, saya fikir dekat seribu respons kepada *blog* ini menghentam saya. Cerita hal peribadi saya dan ada katanya, "*This is the Muhammad who started life as a schoolteacher but does not speak a word of English.*" Dia sudah mula halakan dia

punya meriam kepada saya. Saya rela dihentam, saya rela diuar-uarkan. Demi mempertahankan negara, raja, agama saya berani membuat tindakan, walaupun diancam. Unsur-unsur ancaman ada.

Dia kata macam ini.

“And let me tell you Muhammad the son of Muhammad...”

Dengan izin,

“..you should thank your lucky stars that this is 2007 and not 1907. If this was 1907, instead of 2007 I would challenge you to a duel. It would be a man-to-man, one-to-one duel. It would be a duel to the death with kerises...”

Itu jenis orang macam ini. Dia bukan cerita apa yang saya kata itu. Dia nafi tidak nafi apa yang dia tulis, tetapi sekarang dia ajak *challenge* saya.

“...But no, I don't think you would accept my challenge to a duel with kerises.

You may have two Muhammads in your name but you have no class.”

Saya...

Dato' Yip Kun Fook: Minta laluanlah. Yang Berhormat Tan Sri mengikut pepatah bahasa Cina saya *translate*. Khabar angin akan berhenti pada orang yang cerdik atau *wisdom*. Apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Zaman dulu punya pepatah. Sekarang dengan ini dia tersebar, anak-anak kita membaca. Mungkin dia silap anggap kepada saya. Mungkin pembaca-pembaca memikir bahawa saya ini hendak menyarankan kepada kerajaan supaya ditutup semua blog. Saya bukan hendak mencadangkan supaya ditutup semua blok, tetapi *blogger* yang macam ini, yang mengeluarkan fitnah, yang menghasut. Ini adalah trend tahun 2000 ke atas. Kita ada undang-undang OSA, kita ada undang-undang tidak boleh sentuh raja, kita ada undang-undang tidak boleh sentuh agama, ada, tetapi mengapa dalam bidang elektronik ini seolah-olah kita tidak ada undang-undang? Orang boleh bebas dan dia boleh sebut dia kata lagi:

“This act of yours, Muhammad the son of Muhammad, is treasonous. If this was 1907 instead of 2007 you would have been put to death. And you accuse me of insulting of the Agong? You committed treason. You can send me to jail if you wish. You would have been put to death if this was 1907 instead of 2007”.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat boleh pilih satu ataupun dua saja contoh daripada *blogger* tadi untuk sebagai sebahagian daripada perbincangan. Saya tidak akan membenarkan lagi celahan-celahan untuk membolehkan Yang Berhormat teruskan perbincangan ini. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan patuh dengan arahan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bangun di sini bukan sebagai seorang yang hendak menentang, hendak menutup semua jenis kritik. Saya pernah jadi Menteri Besar dan pembangkang-pembangkang dalam Dewan yang mengkritik. Saya dapat terima, *we become good*

friends dengan izin. Kita tidak dapat terima, bukan kritik, kita tidak dapat terima orang yang tidak ada etika, yang tidak ada budi bahasa, yang tidak ada perasaan langsung tentang negara, yang ramai anak-anak muda boleh membaca.

Sekarang anak-anak muda memang suka buka *internet*. Dia boleh baca *internet*. Dalam *internet* itu ada macam-macam. Dia suka tengok. Kalau inilah *culture*, budaya yang akan mula disebar, anak-anak muda kita sekarang menggalakkan anak muda celik komputer, celik *internet*. Kalau inilah anak-anak kita secara senyap membaca di rumah, di sekolah, di universiti dan saya rasa satu hari nanti akan wujud satu cara anarki, pemikiran anarki. Pemikiran tidak percaya kepada kerajaan, tidak percaya kepada sesiapa, tidak percaya kepada Tuhan, tidak percaya kepada sesiapa, kebebasan saya. Kebebasan hak individu saya.

Maka, pada ketika itu amat sukar pihak kerajaan hendak mengawal rakyat yang sudah dirosakkan pemikiran. Saya berharap pihak berkuasa dapat menyiasat perkara ini, keangkuhan yang mereka tunjuk seolah-olah memberi satu *indent* hendak mengajak saya ber *duel* dengan keris, seolah-olah macam itu sampai mati. Jenis orang yang macam ini yang mengendalikan *blogger* dan tidak takut dengan sesiapa. Tidak takut dengan undang-undang. Saya fikir patut ada satu kawalan supaya yang ramai akan selamat kerana seorang yang mencalit, mencalit kata orang itu...

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsuddin: Tan Sri minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya ingin mendapat pandangan dan pendapat daripada Tan Sri. Yang Berhormat Tan Sri, tidakkah perkara-perkara yang berlaku ini ada dalang di belakangnya. Mungkin dalang-dalang ini sama ada dari luar atau dari dalam untuk memburuk-burukkan lagi keadaan. Sedangkan kita ini berada di dalam keadaan yang aman, damai, makmur, sebuah negara yang dikenali oleh seluruh dunia. Mereka cemburu kepada kemajuan dan perpaduan kaum yang ada di negara ini untuk memecahbelahkan seperti pernah berlaku di zaman British dahulu, *divided and rule* dengan izin, pecah dan perintah. Apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri mungkin dalang-dalang inilah yang hendak kita cari.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tan Sri. Saya tidak ada istilah untuk ini, cuma apa yang penting kepada saya ialah rumah tangga kita sendiri. Kita kena jaga negara kita sendiri. Kita kena bertanggungjawab dan semua orang boleh buat *blog* hendak buat *webpage* boleh. Hendak kritik boleh, tetapi hendak merosakkan imej Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita sangat-sangat sayang, hendak merosakkan imej Islam jadi kepercayaan ramai rakyat di Malaysia dan juga di seluruh dunia hendak memecahbelahkan kaum dalam negara kita ini perlu dihalang. Itulah saja, terima kasih.

■ 1240

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membincangkan mengenai dengan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 ataupun teknologi komunikasi kerana ICT ini adalah merupakan satu wadah yang

sudah tentu akan memudahkan lagi urus niaga di antara kerajaan atau jabatan dan juga bagi orang ramai.

Walau bagaimanapun, daripada pengalaman dan pengamatan, amalan ataupun pengurusan penglibatan kerajaan dalam perkara ini masih lagi agak mendukacitakan, contohnya dari sudut mengemaskinikan laman web. Kalau kita lihat laman web Parlimen itu sendiri, saya baru *print* pada hari Khamis baru-baru ini didapati bahawa ada tujuh jabatan yang masih belum dikemas kini, contohnya Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Pelancongan masih lagi banyak yang belum dikemas kini dan ada empat jabatan yang tidak ada di dalam laman web tersebut - dalam pautan ke jabatan kerajaan. Maka inilah antara contoh-contohnya, kadang-kadang kita hendak buat soalan dan apabila kita merujuk kepada laman web Parlimen, maka kita tidak boleh mengguna pakai senarai jabatan kerajaan yang ada di situ kerana ia belum dikemaskinikan.

Walau bagaimanapun, ada satu laman yang saya ingin puji iaitu laman daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana agak canggih. Apa yang saya suka mengenai laman web Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini ialah kerana mempunyai statistik yang sangat terkini yang memudahkan saya membuat rujukan terutamanya statistik yang berkaitan dengan wanita.

Seharusnya dengan adanya teknologi, sepatutnya banyak perkara dapat dipermudahkan. Satu perkara lagi mengenai urusan orang ramai dengan jabatan kerajaan ialah bagaimana mendapatkan salinan surat beranak. Sekiranya kita memohon untuk mendapatkan salinan surat beranak daripada negeri yang lain, contohnya saya berada di Kelantan dan memohon mendapatkan surat beranak bagi anak-anak saya yang dilahirkan di Pahang. Ia memakan masa selama tiga hari. Sepatutnya perkara ini dapat dielakkan kerana dengan adanya teknologi, semuanya di dalam komputer, maka tempoh masanya dapat dikurangkan dan mungkin boleh diperolehi dalam masa satu hari. Kadang-kadang ada urusan yang *emergency* yang memerlukan kita untuk mendapatkan salinan surat beranak itu dalam masa yang terdekat.

Begitu juga dengan pengeluaran kad pengenalan yang sekarang ini masih lagi mengambil masa dalam tempoh dua atau tiga bulan. Sepatutnya perkara ini pun dapat dipercepatkan dengan adanya pelbagai kemudahan ICT yang boleh memendekkan lagi masa urus niaga tersebut.

Saya ingin tahu adakah laman-laman web kerajaan ini selamat daripada pencerobohan siber ataupun *hackers* kerana kita tahu ada beberapa laman web kerajaan itu sendiri yang dicerobohi dan ditukar fakta-faktanya dan ini adalah menjadi amat penting terutamanya bagi laman-laman seperti Kementerian Pertahanan dan sebagainya yang mempunyai maklumat-maklumat yang penting daripada disalahgunakan oleh penceroboh-penceroboh. Saya juga ingin tahu adakah kita mempunyai pegawai-pegawai yang mencukupi untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan laman web ini daripada dicerobohi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya pernah membaca juga aduan di dalam akhbar daripada seorang pengadu yang menceritakan bagaimana beliau terkejut apabila beliau cuba mengakses, dia pernah membuka laman web e-hasil dan mendapati bahawa terdapat butir-butir yang telah ditukar yang menandakan bahawa ada pencerobohan di dalam maklumat tersebut. Ini adalah satu contoh di mana menjadi kebimbangan sebab kerahsiaan setiap individu itu mungkin tidak terjamin dengan adanya *hackers* ini. Jadi, kerajaan mestilah memastikan dalam urusan e-dagang ini ataupun dalam urusan niaga telekomunikasi *internet* ini, pastikan ada kerahsiaan yang terjamin dan tidak dapat diakses oleh orang-orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu dalam urusan e-mel ataupun SMS yang dihantar oleh pihak rakyat terutamanya kepada JPJ dan Rakan Cop, berapa banyak kah yang dibaca dan berapa banyak pula yang diberikan respons daripada aduan-aduan yang telah dibuat. Ini kerana saya difahamkan ada pengadu-pengadu yang menyatakan bahawa bila mengadu, tetapi tidak ada respons.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan pernah mengkaji bagaimana kemasukan pelajar-pelajar ke IPT yang sekarang ini bergantung penuh pada kemudahan *internet*. Adakah kajian dibuat bagaimana keadaan pelajar-pelajar terutamanya bagi pelajar-pelajar di luar bandar. Dengan cara dan kaedah yang baru untuk mengisi borang-borang melalui *internet*, adakah pelajar-pelajar di luar bandar menghadapi kesukaran terutamanya dalam mendapatkan kemudahan *internet* dalam membuat permohonan kemasukan IPT. Kita tidak mahu adanya nanti pelajar-pelajar yang tercicir hanya kerana tidak tahu menggunakan *internet*, tidak tahu mengisi borang melalui *internet* ataupun di tempat-tempat mereka jauh ataupun sukar untuk mendapatkan kemudahan tersebut. Ini perlu ada satu kajian dibuat supaya perkara ini dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi satu pengalaman saya pada dua bulan yang lepas di mana saya telah menyaksikan sebuah rumah yang sedang terbakar. Bila saya berhenti, saya bertanya kepada orang di situ, adakah sudah dipanggil pihak bomba. Dia katakan sudah, tetapi pihak bomba hanya sampai dalam masa 25 minit ataupun setengah jam kemudian yang akhirnya menyebabkan daripada sebuah rumah itu merebak kepada menjadi empat buah rumah yang terbakar.

Jadi, saya difahamkan oleh pihak bomba menyatakan bahawa dua hari yang lepas mereka telah menerima beberapa panggilan palsu. Disebabkan oleh panggilan palsu itu, maka mereka melengahkan tindakan ke atas kejadian yang sebenar yang akhirnya menyebabkan kerugian harta benda dan kerosakan yang tidak terkira. Jadi, saya ingin tahu, apakah dalam era yang sebegini canggih tidak ada cara untuk mengesahkan sesuatu kejadian sama ada ia benar-benar berlaku ataupun palsu. Apakah tidak ada hubungan di antara pihak bomba ataupun pihak polis dengan orang-orang yang ditentukan dalam sesuatu kawasan.

Contohnya di kawasan di mana berlakunya kejadian yang saya saksikan sendiri itu ada terdapat balai polis yang walaupun kecil di mana sepatutnya boleh digunakan oleh pihak bomba

untuk mengenal pasti dan mengesahkan kejadian yang berlaku tetapi malang sekali perkara ini tidak berlaku dan tidak ada hubungan untuk mengesahkan kejadian yang menyebabkan kelengahan daripada pihak bomba yang akhirnya berlakulah sehingga empat buah rumah yang terlibat dalam kebakaran tersebut.

Dalam era teknologi elektronik ini, apakah kita tidak ada cara untuk mengenal pasti ataupun untuk mengesan orang-orang yang membuat panggilan palsu. Sepatutnya kita boleh tahu daripada telefon mana, daripada tempat mana, bila masanya dan boleh dikenal pasti siapa pemanggil-pemanggil yang membuat panggilan yang palsu itu.

■1250

Dalam era teknologi, sepatutnya kita ada kemudahan tersebut supaya sesuatu tindakan dapat dibuat ke atas pemanggil-pemanggil palsu supaya tidak berlaku kejadian seperti mana yang saya sebutkan tadi. Seharusnya bagi pihak bomba ataupun pihak polis...

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: ..apabila..

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Yang Berhormat, boleh saya dapat laluan?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Ya, sila.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat tahu bahawasanya Telekom Malaysia, ada khidmat kalau kita langgankan khidmat di mana panggilan yang masuk, semua kita boleh tahu. Nombor si pemanggil, masa si pemanggil dan lain-lain maklumatnya. Ini bukanlah lagi perkara yang tidak berlaku. Semua maklumat ini boleh didapati sekiranya kita ingin melanggan khidmat-khidmat tersebut.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, mungkin kita ada, tetapi itulah. Itu yang saya rasa dukacita. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku dan sepatutnya pihak bomba dan polis apabila menerima satu-satu panggilan, seharusnya ada satu kaedah dan cara untuk mengesahkan sama ada perkara ini benar-benar berlaku dan mungkin saya pun boleh bertanya kepada pihak kerajaan sekiranya mereka ada maklumat. Pernah kah ataupun berapa orang kah pemanggil palsu yang pernah diambil tindakan di dalam negara kita ini? Kita dengar banyak cerita panggilan palsu dan tindakan-tindakan yang akan diambil, tetapi kita tidak tahu sama ada tindakan itu pernah diambil ataupun tidak?

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, dalam penggunaan teknologi elektronik ataupun teknologi telekomunikasi ini, kejadian yang menyayat hati yang melibatkan helikopter Nuri baru-baru ini, yang kita dapat tahu bahawa kejadian itu berlaku hanya lebih kurang lima kilometer sahaja daripada Genting Sempah, tetapi mengambil masa enam hari kerana kita tidak mempunyai teknologi untuk mengesan di manakah duduknya bangkai Nuri tersebut.

Jadi sekiranya kita boleh menggunakan satu alat teknologi yang mudah yang dipanggil sebagai *tracker* menggunakan teknologi GPRS, bukan sahaja bangkai Nuri tetapi kereta, telefon dan

di negara Barat, orang yang hilang terutamanya bagi kanak-kanak juga menggunakan teknologi ini untuk mengelakkan seseorang daripada hilang.

Di negara Barat, kanak-kanak diberi pakai gelang yang mempunyai cip GPRS untuk memudahkan ibu bapa mereka mengesan sekiranya kanak-kanak itu hilang sama ada ketika bermain ataupun ketika membeli belah. Jadi, inilah salah satu teknologi yang kita boleh gunakan, dan saya mengesyorkan kalau bolehlah pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk mempopularkan ataupun macam mana untuk memasyarakatkan penggunaan GPRS bagi penggunaan orang-orang individu, terutamanya bagi mereka yang terlibat, yang perlu pergi ke dalam hutan, pelajar-pelajar, pengakap-pengakap dan mungkin juga bagi wanita yang terpaksa memandu sendirian dan sebagainya supaya sekiranya berlaku sesuatu, ianya mudah dikesan.

Kita pernah membaca di dalam berita tidak lama dahulu, bagaimana seorang wanita yang diculik di Perak, kemudian keretanya dalam masa sehari dua sahaja dijumpai di Johor, kalau tidak silap. Kerana kereta itu mempunyai cip GPRS. Jadi mungkin inilah satu perkara, satu teknologi yang boleh diguna pakai di dalam negara kita untuk mengesan orang-orang yang hilang, barang-barang yang hilang dan sebagainya. Jadi, mungkin Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi boleh mengambil inisiatif. Sebab di negara kita, saya tidak tahu macam mana kita hendak beli benda ini, tetapi kalau dalam *internet*, kalau kita *search* sahaja, *tracker* kita boleh tahu ianya dijual, tetapi dalam harga yang agak mahallah. Mungkin tidak mampu oleh semua rakyat dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi bahawa dalam akhbar beberapa minggu yang lalu, di mana diberitahu bahawa polis di United Kingdom sudah mula memakai topi yang mempunyai CCTV. Ini adalah untuk memudahkan pihak polis merekodkan dan mengenal pasti, merakam gambar orang-orang yang mereka temui dan ada rekod gambar orang-orang yang mencurigai. Perkara ini sangat baik sekiranya pihak polis kita juga menggunakan demi untuk keselamatan mereka, sebab kita dengar bagaimana beberapa anggota polis yang dirempuh dan sebagainya semasa mereka melakukan sekatan jalan raya. Mungkin di semua sekatan jalan raya pun, perlu diadakan CCTV dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan apa yang diperkatakan dengan *bloggers* dan sebagainya. Memanglah kita tidak nafikan bahawa ada *bloggers* yang membuat kenyataan yang melampau, yang mengancam, membuat fitnah dan sebagainya.

Begitu juga yang merosakkan akidah umat Islam sebagaimana terdapatnya satu *blog*. Di antara banyak *blog* ialah murtad Malaysia di mana di situ, orang-orang Melayu yang murtad memberikan kenyataan-kenyataan yang menyatakan kenapa mereka mahu keluar Islam dan sebagainya, menyebarkan pula kenyataan-kenyataan yang memburuk-burukkan keadaan dalam negara yang mengajak ramai ataupun mengajak sesiapa sahaja untuk turut jejak mereka. Inilah juga satu perkara yang seharusnya diambil tindakan oleh pihak kerajaan, dan saya rasa dalam negara kita yang serba canggih, yang mempunyai sistem kepolisan, kehakiman, sepatutnya *bloggers* ini yang

melakukan kesalahan diambil tindakan. Kita kenal, ada beberapa Yang Berhormat yang menyebut nama *bloggers* yang melakukan kebiadaban ini sepatutnya boleh diheret ke pengadilan.

Walau bagaimanapun, secara umumnya mungkinkah timbulnya *bloggers* ini kerana kita terlalu ketat, terlalu banyak undang-undang, terlalu menutup kebebasan. Contohnya kebebasan akhbar, di mana akhbar-akhbar dan yang agak pro atau yang dikeluarkan oleh PAS contohnya, hanya diberikan KDN untuk mengeluarkan dua minggu, satu akhbar. Jadi mungkin kalau diberikan sedikit kelonggaran, mungkin kurang suara-suara dalam *blog*, kerana mereka ada saluran untuk menyatakan apa pandangan dan perasaan mereka.

Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk mengambil bahagian? Ya, Dato' Haji Idris Buang.

12.58 tgh.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi masa ini dua minit. Mungkin saya sambung di sebelah tengah hari. Saya ingin juga turut serta Tuan Yang di-Pertua dalam perdebatan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 ini. Sebenarnya saya sangat menyokong rang undang-undang ini kerana dia dapat secara umumnya memperhalus dan mempermudah kerja-kerja ataupun *government business*, dengan izin.

Kekhuatiran saya ialah, adakah pihak yang mengendalikan undang-undang ini, mengimplementasikan undang-undang ini dan seterusnya sampai ke mahkamah yang hendak menginterpretasikan pemakaian undang-undang dan tiap-tiap istilah yang ada padanya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang ini, iaitu perkara-perkara elektronik dan sebagainya dari segi pembuktian, bicara di mahkamah dari segi *purify*, dengan izin. Adakah kita mempunyai sistem dan sokongan dari segi apa jua *infrastructure*, dengan izin untuk membolehkan rang undang-undang ini dijayakan di dalam apa jua maksudnya.

Di dalam dunia yang ada sekarang, begitu canggih kerana sistem maklumat semestinya dan tidak dapat dielak-elak hendaklah sebaik-baiknya dalam bentuk elektronik. Walaupun kita ada undang-undang tetapi undang-undang yang seharusnya menjaga keselamatan tiap-tiap perkara yang hendak diselamatkan seperti mesej elektronik, data elektronik dan sebagainya. Ada juga pihak-pihak tertentu yang akan melanggar kehendak undang-undang ini dengan cara yang mungkin lebih canggih. Tidak hairan, di dalam dunia yang serba moden ini..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh teruskan perbahasan pada petang ini.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih, seperti yang dijangka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

■ 1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang boleh sambung berucap tetapi sebelum itu saya ingin tahu untuk panduan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar beliau dapat agak masa untuk menjawab. Siapa lagi kah ahli yang hendak berucap? Silakan Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa suara saya mungkin ada agak panas sedikit. Panas kerana kelazatan durian yang saya telah makan atas jemputan pihak kementerian yang begitu baik hati. Saya terima mesej jemputan ini menerusi SMS satu bahan elektronik daripada *e-government*. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka Yang Berhormat baik hati, berbudi bahasa yang tinggi. Melambangkan budi bahasa rakyat Malaysia yang pelbagai kaum, berbilang bangsa, hidup dalam aman damai. Itulah yang hendak kita kotakan, yang hendak kita bela hingga ke titisan darah yang terakhir.

Jadi di dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 ini, saya rasa terpanggil juga untuk menyokong pendapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bagaimana kita harus mempertahankan perpaduan kita, keharmonian bangsa kita, negara kita daripada ancaman-ancaman siapa sahaja baik menerusi media elektronik seperti yang dibuat oleh beberapa *bloggers* dan *website* yang kita ketahui identiti mereka secara umum, mahupun daripada media massa yang lainnya.

Seperti yang kita berulang kali tekankan di Parlimen ini, seperti yang juga pemimpin-pemimpin kita daripada pihak yang paling atas, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong sendiri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hinggalah ke akar umbi, kita sering memperkatakan betapa pentingnya perpaduan kaum itu supaya wujudnya dan terus wujudnya bangsa Malaysia, rakyat Malaysia, negara Malaysia ini hingga ke bila-bila pun. Tanpa perpaduan kaum, Malaysia mungkin hilang di muka bumi, ini tidak mustahil jika kita tidak jaga.

Di dalam era baru, era moden ini, mesej-mesej yang diketengahkan menerusi media elektronik sangat mudah, sangat cepat dan pantas sekali. Baik untuk tujuan yang baik atau pun sebaliknya. Ibaratnya apa jualah senjata, pisau, senjata api pun kalau disalah gunakan. Memang hancur leburlah akibatnya, tetapi kalau dia dimanfaatkan mengikut apa yang diniatkan secara yang paling baik mengikut undang-undang, dia boleh mempertahankan kita, menjamin kehidupan kita, bela kita pada setiap masa, bawa manfaat kepada manusia itu sendiri.

Jadi media elektronik digunakan, kerajaan hendaklah benar-benar mengatasi kecanggihan sesiapa sahaja penjenayah atau pun bakal penjenayah yang ada niat jahat dari segi kepekaran, dari

segi teknologinya, dari segi apa jua yang relevan untuk kerajaan mempertahankan kedaulatan undang-undang, untuk membela kehendak dan kepentingan rakyat itu sendiri. Undang-undang diwujudkan oleh Dewan yang mulia, Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita, seterusnya direstui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah untuk kepentingan rakyat, kepentingan bangsa dan kepentingan negara.

Niat kerajaan membentangkan undang-undang, membentuk undang-undang, mereka, merangka, tiap-tiap perkataan di dalam apa jua rang undang-undang itu adalah niat yang baik, niat yang suci untuk apa yang saya katakana tadi untuk rakyat, untuk negara kita. Yang paling tinggi ialah Perlembagaan Malaysia, undang-undang yang paling *supreme*, dengan izin. Di dalam itu juga terkandung jaminan hak asasi dan sebagainya tetapi undang-undang *supreme* kita itu dengan izin, nyata menerima pakai beberapa undang-undang Agong di negara-negara Komanwel yang lain khususnya dari United Kingdom.

Banyak telah diperkatakan mengenai kebebasan atau hak seseorang tetapi saya ingin hendak menekankan itu, kebebasan..., boleh saya bercakap dalam bahasa Inggeris, dengan izin *liberty* pernah diperkatakan. *Liberty is freedom within the ambit of the law.* *Liberty* adalah kebebasan di dalam lingkungan undang-undang itu sendiri. Tidak ada dalam dunia ini, di dalam kerajaan yang bertamadun memberi kebebasan mutlak kepada sesiapa. Lebih-lebih lagi kebebasan untuk membunuh orang, kebebasan untuk memfitnah orang, kebebasan untuk menganiaya orang, kebebasan untuk meruntuh sebuah negara, kebebasan untuk menghancurkan masa depan anak-anak kita.

▪ 1440

Saya rasa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohammad Mohammad Taib sebelum ini, saya menyokong 100%. Orang yang telah menyebarkan pembohongan dan fitnah dan dengan lebih jahat daripada itu dengan niat untuk memecahbelahkan negara kita, perpaduan kaum kita, hendaklah ditangkap, dibawa ke pengadilan. Saya harap dengan *e-government*, pihak kerajaan, pihak polis dan pihak yang berwajib dapat mengenal pasti identiti mereka ini.

Gunakanlah kepakaran dan teknologi untuk mengenal pasti siapa dalang-dalang ini, siapa penjenayah kerana mereka berselindung di belakang tabir, entah di bawah *bunker* dengan izin, elektronik, maka mereka adalah musuh yang berkeliaran dengan bebas di dalam gelap. Pada hal rakyat kita perlukan yang lebih terang, yang lebih mulia, di alam yang terbuka, yang penuh keharmonian.

Jadi saya menyeru pihak kerajaan agar mempertingkatkan kepakaran, mempertingkatkan *your delivery system* dengan izin, di dalam mempertahankan hak majoriti iaitu rakyat yang lebih besar jumlahnya, ramai lagi rakyat yang menyokong kerajaan, rakyat yang perlu dengan perpaduan, rakyat yang mahu hidup aman daripada golongan-golongan yang kecil ini dan kalau tidak diambil

tindakan, mereka memikirkan yang mempunyai lesen, mereka mempunyai hak, mereka mempunyai kebebasan untuk berbuat apa sahaja yang mereka suka, membuat...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam soal kebebasan bersuara ini, dengan menyedari bahawa untuk Parlimen berfungsi, ahli-ahlinya perlu bebas bercakap sehingga diberi kekebalan. Namun, dalam diberi kekebalan sekalipun, Peraturan Mesyuarat 35 meletakkan hak ke atas kebebasan ini, sehinggakan dalam Peraturan Mesyuarat 35.(8)(c) misalnya atau pun sebelum 8, Peraturan Mesyuarat 35.(7):

“Kelakuan atau pun sifat Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong atau siapa-siapa jua Raja atau Tuan Yang Terutama..., tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri...”

Bagi Ahli Parlimen yang ada kekebalan diberi oleh Perlembagaan supaya dapat memainkan peranannya yang ada, pun ada sekatan-sekatannya. Fasal 8(c) pula menyebut:

“35(8).(c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia dan melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948, Akta Hasutan Tahun 1948...”

Sepuluh tahun sebelum negara Malaysia wujud sudah ada undang-undang menyekat dari hasutan. Maka adakah *blogging* boleh melampaui batasan sehingga merupakan hasutan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya akur dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai kebebasan bersuara di dalam Dewan itu sendiri, bukan kebebasan mutlak. Tertakluk kepada undang-undang kecil, *bylaws*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna bebas bersuara, boleh sampai kepada peringkat hasutan atau...[*Gangguan sistem pembesar suara*]

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tidak. *Liberty is freedom within the ambit of the law* dengan izin. Apa jua undang-undang adalah sekatan, dan sekatan inilah sekatan rakyat yang majoriti. Sekatan dan panduan rakyat pada siapa yang hendak mencelah atau pun memecah undang-undang. Minta maaf. Rakyat jelata yang mendukung *the rule of law* dengan izin, yang mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara. Sama-sama menentang *bloggers* yang menghasut ini, yang memfitnah ini, banyak...

Tuan Yang di-Pertua: *Bloggers* yang melampaui batas.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: *Bloggers* yang melampaui batasan undang-undang. Mereka telah menyalahgunakan kebebasan yang diberi mengikut undang-undang, mereka telah melampaui banyak undang-undang yang boleh dikenakan terhadap mereka, bergantung kepada apa yang mereka buat. Kalau apa yang telah kita ketahui daripada media massa dan ucapan-ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat telah berucap sebelum ini. Ada yang telah begitu derhaka sekali terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Derhaka dalam

bahasa Inggerisnya *is, high treason*, kalau dahulunya di England wujudnya undang-undang tamadun, undang-undang demokrasi kononnya, mereka hukum bunuh orang-orang yang melakukan *high treason* ini. Saya ingat di Malaysia ada yang...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma nak jelas sedikit sahaja, bahawa Yang Berhormat tadi ada sebut kalau dulu, kalau sekarang pun di negara kita masih ada undang-undang tersebut dan kali akhir undang-undang tersebut yang membawa kepada hukuman gantung sampai mati apabila peruntukan undang-undang yang digunakan kepada pembunuh di Sauk, insiden di Bukit Sauk di mana mahkamah memutuskan bahawa *high treason* ini membawa kepada hukuman gantung sampai mati. Sekian.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih. Jadi apa yang saya katakan ada kait rapat dengan yang dicelah oleh Yang Berhormat itu, saya setuju. Hanya saya mahu mengambil ungkapan *historical* sedikit iaitu kita masih bertamadun. Jika kita menghukum *bloggers* hingga ke tali gantung.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab kita ada tetamu-tetamu muda bersama kita, mungkin saya nak tanya Yang Berhormat bolehkah *blogging* sampai ke peringkat *high treason*?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Boleh Tuan Yang di-Pertua kerana memfitnah ini bermacam rupa. Boleh, sebabnya pun kalau dari segi Akta Keterangan ia kalau di dalam bentuk penulisan, di dalam bentuk yang boleh dimuat turunkan atau pun ditransformasikan kepada bentuk yang lain, bentuk penulisan dan sebagainya, *bloggers* ini bergantunglah kepada apa yang mereka hendak fitnahkan. Kalau yang paling teruk itu terhadap Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong seperti apa yang dilakukan baru-baru ini oleh si penderhaka itu, saya rasa *blogging* boleh sampai ke taraf, ke tahap *high treason* dan pihak berwajib haruslah menyiasat sehalus-halusnya, gunakan kepakaran di dalam menyiasat perkara elektronik ini sebab-sebab elektronik ini senang dimusnahkan dengan satu *punch of the key* dengan izin, *digitally deleted*.

■ 1450

Jadi kenalah, dan yang paling penting ialah identiti *bloggers* itu hendaklah dikenal pasti identiti mereka, maka pihak polis, pihak yang bertanggungjawab hendaklah meningkatkan usaha mereka. Cari jalan kalau hendak minta tolong orang-orang muda yang pandai menggunakan media elektronik dan komputer ini, mintalah. Saya rasa anak-anak muda pun mereka perlu memberi pertolongan kepada pihak yang berwajib untuk memberi maklumat siapa *bloggers* yang tidak bertanggungjawab ini.

Mungkin *bloggers* yang ada berkait rapat dengan musuh negara daripada luar negara. Saya tidak tahu hendak sebut siapa musuh kita.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat perelaskan adakah Yang Berhormat ini anti *blogging* atau *anti-blogging* yang melampaui batasan sehingga boleh sampai ke peringkat *high treason*.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: *Bloggers* yang saya tekankan dalam suara saya tadi ialah *bloggers* yang melampaui batas hingga ke *high treason* atau memecah undang-undang atau kehendak undang-undang yang lain. *Bloggers* untuk tujuan yang baik boleh diambil kira pendapat mereka.

Tujuan yang baik dan yang buruk, niat baik dan niat buruk apa yang baik dan buruk, cita rasa naluri kita sendiri yang menimbangkan tetapi anak-anak muda haruslah mendapat panduan daripada ibu bapa kalau boleh, daripada guru-guru. Jangan mengambil apa yang ditulis, apa yang diterakan di dalam media elektronik yang ada bau-bau, ada ciri-ciri atau unsur-unsur kejahatan jangan ambil terus dengan izin, *don't swallow straight*, kena kaji, kena analisis dengan baik, kena kupas, kena tanya orang yang lebih dewasa daripada kita, orang yang lebih berpengetahuan daripada kita.

Jangan takut, kalau hendak tanya pegawai polis, saya rasa pegawai polis akan bersenang hati untuk memberi apa yang terbaik, para guru-guru bersenang hati akan memberi panduan baik kepada anak-anak muda kerana *bloggers* yang berniat jahat tidak mengira anak muda atau tua tetapi sasaran yang lebih berkesan kepada orang-orang yang muda yang kurang berpengalaman yang terus dapat menerima izinkan saya menggunakan perkataan Inggeris, perlu dapat *swallow* ini, *down straight*, or *straight down*, dengan izin.

Di dalam kemajuan media elektronik, kita harus memperlengkapkan diri kita dengan kuasa yang ada pada diri kita untuk menilai yang baik dan yang jahat. Yang baik, yang jahat atas didikan moral, akhlak dan agama semuanya dilindungi oleh undang-undang.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Sila.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta ulasan Yang Berhormat sebagai seorang peguam. Adakah undang-undang dalam Malaysia ini yang boleh diambil tindakan kepada *blogger-blogger* yang berniat jahat? Adakah undang-undang? Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Ada, Akta Hasutan, *Deformation Act* atau memalukan, dan juga Akta Kanun Keseksaan Jenayah atau *Penal Code* itu sendiri. Di sana ada disebut *Criminal Deformation*. Di sana ada menyebut juga tentang bermacam-macam-macam rupa jenayah di dalam *Penal Code*.

Saya rasa banyak undang-undang yang dapat digunakan oleh pihak berwajib untuk menangani isu-isu ini dan membawa pengadilan. Saya ingin sangat hendak tahu muka, identiti, rupa *bloggers* dan juga *bloggers* yang jahat ini. *Bloggers* baik dan *bloggers* jahat kalau saya boleh guna istilah itu.

Bloggers yang jahat ini, saya pun hendak tahu *bloggers* yang baik pun kalau dapat tampilkan muka mereka. Kadang-kadang kita boleh bagi *credit* dengan izin, kepada mereka, tetapi saya sangat terkilan baru-baru ini bukan sahaja yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Muhammad sebelum ini tadi dan juga laporan polis yang telah dibuat oleh beliau tetapi juga ke atas macam fitnah

yang dibuat terhadap Ketua Menteri Sarawak, boss saya sendiri yang kononnya sakit kuat, sedang nazak dan sebagainya.

Tersebar begitu rupa, sebuah parti pembangkang mengambil berita itu dan mencetak di dalam surat khabar mereka. Saya sedih kerana sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, mereka tidak patut membuat fitnah macam itu, menimbulkan rasa resah gelisah, rasa tidak menentu di kalangan rakyat di Sarawak seolah-olah kami di sana menempuh krisis politik, krisis yang bermacam rupa. Seolah-olah kami di sana senang sekali hendak dimusnahkan oleh musuh.

Saya mohon pihak yang berwajib, ambillah tindakan kepada *website* yang tertentu itu termasuk juga *bloggers* bawalah mereka ke pengadilan, habis-habisan kerana kalau tidak undang-undang kita sia-sia sahaja. Sia-sia sahaja. Pencerobohan, pemalsuan, penipuan dan apa jua jenis jenayah boleh dibuat oleh sesiapa yang berniat jahat, menerusi media elektronik dan tidak hairan kalau *hackers* dengan izin penipu-penipu dan penjenayah-penjenayah ini dapat masuk ke dalam lingkaran sistem kerajaan, saya di Dewan yang mulia ini ingin meminta jaminan yang meyakinkan daripada pihak kerajaan untuk memberi kita kepastian, agar mereka dapat menghalang perkara-perkara ini daripada berlaku, daripada masuk ke sistem mereka.

Seperti yang telah saya katakan tadi, kalau sistem kerajaan itu rosak, kalau sistem kerajaan itu kucar kacir, kehendak penjenayah itu berhasil, kehendak rakyat sia-sia, musnah dan berkecai harapan kami. Kepentingan rakyat akan menjadi terbengkalai begitu sahaja. Kita tidak mahu saya bercakap secara umum tetapi banyak perkara seperti MyKad telah dipalsukan, itu satu daripada bahan yang saya maksudkan.

Mengapakah ini harus berlaku? Jawabnya kerajaan perlu mempertingkatkan nilai-nilai, aspek-aspek keselamatan di dalam perjalanan kerja dan aktiviti kerajaan atau *the government business* dengan izin...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri peluang kepada... siapa lagi?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya hendak menghabiskan, hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan mengatakan kepada anak-anak muda sekali lagi, walau pun apa yang tertera di hadapan kita baiknya di dalam media elektronik ataupun yang telah nyata dalam tulisan, di akhbar-akhbar dan sebagainya, ingatlah kecintaan kita kepada negara kita, kecintaan kepada keluarga yang dijamin oleh kerajaan dan negara kita di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong lebih penting daripada kehendak *bloggers* yang jahat itu.

■1500

Hendaklah kita sama-sama pertahankan masa depan negara kita, kewujudan kita. Siapa lagi hendak membela negara kita? Kita tidak perlu Hang Tuah sekarang, Hang Lekiu, Hang Lekir tidak ada, kita tidak ada hulubalang macam dulu. Hulubalang moden ini media elektronik, kamu harus menggunakan minda yang baik, hati yang tulus bersih, niat yang suci, kepandaian, pengetahuan,

kebijaksanaan ke tahap yang paling tinggi di muka bumi ini. Sebagai seorang manusia yang berhati budi, itu senjata kamu, gunakanlah, jadilah pembela kepada Malaysia, jadilah pembela kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan rakyat jelata.

Sekian, *Wabillahi taufik*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz, silakan.

3.01 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007. Saya mempunyai beberapa isu untuk dikemukakan dalam membahaskan rang undang-undang ini. Isu yang pertama, saya sebenarnya merasa agak terkejut bila mana pada tahun ini iaitu pada bulan ini kita dibentangkan dengan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 kerana seingat saya pada awal kemasukan saya sebagai senator kita ada membahaskan satu Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006. Jadi pada anggapan saya, seharusnya aktiviti kerajaan elektronik ini lebih dahulu, didahulukan dari segi susunan untuk memastikan bahawa dalam apa pun bentuk yang akan dipelopori oleh kerajaan, kerajaan haruslah lebih diberi keutamaan dalam membuat undang-undang itu ataupun mengambil pendekatan yang lebih dahulu berbanding dengan sektor swasta.

Jadi dalam segi ini, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian, kenapakah Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik lebih dahulu diperkenalkan berbanding dengan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik kerana tanpa kelulusan ataupun pewartaan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik, tidak mungkin kita berjaya menjalankan ataupun melaksanakan keseluruhan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006.

Isu yang kedua, bila mana kita membahaskan tentang *e-government* ataupun kerajaan elektronik ini, ini merupakan satu perkara yang sezaman yang semasa yang sepatutnya negara kita telah buat demi memastikan kita tidak ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, bila kita menyebut perkataan elektronik, ia memberikan satu implikasi bahawa kita akan berhadapan dengan satu bahasa iaitu bahasa Inggeris. Bila sebut elektronik, orang akan terus ingat kepada bahasa Inggeris dan orang akan lupa dengan kata lain kepada bahasa Malaysia.

Dalam konteks ini, saya memohon penjelasan daripada kementerian apakah usaha-usaha yang akan dibuat oleh kementerian bagi memastikan usaha kerajaan Malaysia memartabatkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia yang selari dengan Perlembagaan kita, agar ia terus menjadi bahasa informasi, bahasa ilmu, bahasa komunikasi, bahasa maklumat, bahasa perniagaan dan kita boleh mengupayakan bangsa Melayu dengan kita memastikan bahawa bahasa ini akan menjadi bahasa pengantara yang tidak kurang pentingnya dalam kerajaan merangka Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik dan seterusnya mengguna pakai keseluruhan sistem ini dengan memastikan bahawa ia boleh digunakan dalam bentuk dua bahasa, itu yang pertama.

Yang keduanya berkaitan dengan bahasa juga, bagaimanakah usaha akan dibuat oleh kerajaan bagi memantau penggunaan bahasa Malaysia agar tidak ada penggunaan bahasa pasar

ataupun bahasa-bahasa baru yang dipanggil juga bahasa siber dalam semua urusan komunikasi yang melibatkan transaksi dengan pihak kerajaan sama ada dalam jabatan ataupun di luar kerajaan.

Yang ketiga, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa tidak berlaku kesilapan penterjemahan dalam semua aktiviti ataupun penterjemahan bahasa Malaysia ini dalam konteks *e-government*. Kita bimbang beberapa perkara yang telah kita sentuh baru-baru ini dalam membincangkan rang undang-undang ada penterjemahan yang tidak tepat. Ini dibimbangkan akan memberikan kesilapan fahaman kepada orang yang membuat transaksi dalam sudut internet ini kerana mereka tidak boleh bersuara, yang bersuara hanyalah tulisan sahaja. Jadi sebarang kesilapan penterjemahan ataupun bahasa seharusnya diperhatikan betul-betul agar tidak berlaku masalah silap faham kerana silap penterjemahan ataupun bahasa.

Yang keempat bila kita boleh menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantaraan rasmi dan yang lebih disukai oleh rakyat seharusnya semua aktiviti kerajaan elektronik ini dibuat dalam bentuk *user friendly* di dalam bentuk senang ataupun mesra pelanggan supaya orang lebih berminat untuk melayari laman-laman *internet* yang melibatkan aktiviti kerajaan dalam bahasa Malaysia demi memastikan kita akan mencapai satu menjadi satu bangsa yang merdeka dan betul-betul berbangga dengan apa yang kita ada. Kerana kita lihat negara-negara lain seperti Jerman, Jepun telah menggunakan bahasanya sendiri untuk mereka tampil ke hadapan. Oleh itu selaku sebuah kerajaan, maka sekiranya pihak kerajaan mempelopori, mendahului, mengutamakan penggunaan bahasa Malaysia dalam *e-government* ini, akan memastikan badan-badan lain ataupun agensi-agensi lain serta pihak-pihak swasta juga memberi penekanan yang sama dari sudut penggunaan bahasa bila mereka menggunakan kepada perkara-perkara yang terlibat dengan *internet*.

Isu yang ketiga, berkaitan dengan khidmat aduan. Tadi kita telah dengar beberapa orang Yang Berhormat yang telah pun berhujah panjang lebar khususnya tentang ada *bloggers* baik, ada *bloggers* yang tidak baik yang saya rasa seolah-olah kita bercakap tentang bakteria, ada bakteria yang baik, ada bakteria yang tidak baik. Jadi dalam konteks ini kita boleh melihat daripada dua sudut, satu daripada sudut negatifnya, yang daripada positifnya apa yang berlaku kepada *bloggers* ini, kita mengharapkan daripada kecaman kita kepada *bloggers* yang tidak bertanggungjawab ini, pihak kerajaan akan memberikan khidmat ataupun respons serta-merta terhadap semua aduan-aduan yang dikemukakan oleh rakyat melalui laman-laman *internet*. Kita bimbang tidak ada petugas dan pemantau yang akan terus bertindak dan memastikan semua khidmat-khidmat ataupun aduan-aduan yang dikemukakan atau dilaporkan oleh rakyat mendapat tempat yang secepatnya kerana tidak guna kita mempunyai kerajaan elektronik kalau respons yang kita terima mungkin terlambat dua atau tiga minggu.

Saya juga turut menyokong bahawa kita sudah cukup undang-undang untuk saman atau tuduh sesiapa yang bersalah kerana semua yang ditulis dalam *blog* haruslah kita baca, kaji, kita lihat sama ada betul atau salah, kemungkinan ada benda yang betul, ada benda yang salah yang boleh

kita perbaiki ataupun boleh kita ambil tindakan berdasarkan kepada apa yang telah mereka tulis kerana ini senang, kita boleh buktikan dalam bentuk dokumentari. Namun jangan kerana nyamuk seekor ...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Mohon minta laluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu *bloggers* yang tidak bertanggungjawab ini adalah terdiri daripada ahli-ahli politik yang *desperate, desperado*? Mereka men *target* kan sasaran mereka kepada kumpulan belia yang berminat dalam *internet* dan kerana itulah mereka dah tidak ada arah, menyiarkan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab. Mereka ada *desperado*, setuju ataupun tidak?

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana celahan tadi. Bila menyebut perkataan *desperado* ini, saya rasa dalam *blog*, kita mungkin apabila bercakap di Parlimen ini, bila bercakap dengan politikus-politikus ataupun orang-orang yang terlibat dengan politik..., *blog* yang mereka nampak ialah *blog-blog* politik tetapi bila kita bercakap tentang orang yang terlibat dengan hiburan, *blog* yang akan mereka layari ialah *blog-blog* hiburan. Sama juga kalaulah orang kita bercakap itu adalah orang yang minat kepada agama, mungkin *blog-blog* yang akan ditengok, yang dia akan nampak tidak bertanggungjawab adalah *blog-blog* agama.

Jadi dalam isu *blog* ini, kadang-kadang kita bimbang, bila dia bercakap ataupun menulis melalui *blog* ini dia cuba menyembunyikan identiti. Jadi soal *desperado* atau tidak itu bergantung pada *blog* yang mereka masuki sebab ruang-ruang untuk kita bicarakan tentang pendapat kita ini perlu kita kenali.. Bukanlah bila orang itu bercakap soal politik, kita boleh anggap orang itu *desperate*, tidak semuanya itu *desperate* tetapi kadang-kadang benda yang dia kemukakan itu perlu kita perhatikan, kaji sama ada betul atau salah tetapi kalau melanggar batas dalam mana undang-undang pun, melanggar batas perlu pada tindakan.

Kita pun lihat juga bagaimana semalam ...

■1510

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat belum habis ayat, “janganlah kerana seekor nyamuk”, kemudian disambung?

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya. “Janganlah kerana nyamuk seekor, kelambu dibakar”. Jangan kerana marahkan seorang *bloggers*, kita akan hentam ataupun tutup semua *blog* sebab banyak perkara yang baik yang boleh kita pelajari daripada *blog* ini. Jadi saya bersetuju dah dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang lain yang mengatakan bahawa kita tidaklah *anti-blog*, tetapi *blog* yang tidak bertanggungjawab itu, kita kena ambil tindakan. Itu saja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada satu sedikit kesangsian. Mungkinkah *blog* yang menghasut atau apa-apa perbuatan yang menghasut, bebas dari motif politik? *Is would any Seditious Act be a political. Could any Seditious Act be a political?*

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Dari segi menghasut, saya rasa banyak motif mungkin diniatkan oleh orang yang membuat ataupun menulis dalam *blog* itu. Kalau dia terlibat dengan politik, mungkinlah dia mempunyai unsur-unsur politik, tapi kalau dari segi contohnya tadi *blog* murtad, dia mempunyai unsur-unsur lain.

Tuan Yang di-Pertua: Kiranya menghasut. Adakah, mungkin kah menghasut itu tidak mempunyai motif politik? *Would a Seditious Act or could a Seditious Act be a political? A very interesting philosophical question.*

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya tak berani nak jawablah Tuan Yang di-Pertua, nanti silap pula... [*Ketawa*] Tapi bagi pandangan saya, apa pun, di pihak mana pun, kalau yang benar itu benar, yang salah itu salah. Itu yang kita perjuangkan sebagai ahli politik dan juga sebagai peguam. Dari segi sebelum ini dalam beberapa rang undang-undang, ada rakan-rakan Yang Berhormat menyatakan bahawa terdapat perkara yang mungkin agak ganjil bila mana ada akta yang kami sokong sebagai wakil pembangkang di Parlimen, ada yang kami tak sokong. Semalam ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Puad bahawa ISA pun disokong oleh Dr. Zulkifli pada tahun 1990.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memperjelaskan bahawa dalam usaha kita memastikan negara kita berjalan dengan baik, apa usaha yang baik oleh pihak kerajaan atau pembangkang seharusnya mendapat tempat yang sama. Pembangkang atau kerajaan, kedua-duanya adalah ahli politik yang sah. Mereka adalah negarawan yang bertindak, berkhidmat untuk kepentingan negara. Bila mana ISA itu diluluskan untuk membanteras komunis yang bersenjata, sokongan terhadap perkara itu tidak harus kita mempertikaikan kerana pada tahap itu, memang betul. Akan tetapi tidak bolehlah kita mengguna pakai sewenang-wenangnya mana-mana pun peruntukan undang-undang untuk kita menghentam bila mana kita tidak berpuas hati kepada mana-mana orang. Itu adalah perkara yang tidak ada etika dalam mana-mana agama ataupun bangsa.

Ketiga, bercakap juga tentang rang undang-undang aktiviti kerajaan elektronik ini, saya juga ingin menyeru kepada pihak kerajaan khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan bagaimana *sense of accountability* ataupun rasa kebertanggungjawaban ini hendaklah dipertingkatkan bila mana kita melancarkan atau meluluskan aktiviti kerajaan elektronik. Kita bimbang alasan-alasan yang kita terima selalunya di bank bila kita hadir beratur lama-lama, sampai di bank dia akan kata tak ada elektrik ataupun ada masalah dengan komputer. Jadi, kita bimbang kalau perkara ini berlaku di semua agensi kerajaan, bagaimanakah kita sebenarnya boleh mengesahkan memang betul ada masalah dengan komputer ataupun pegawai yang mengendalikan itu tidak hendak melayan perkara yang kita minta.

Jadi perkara ini perlu kepada rasa bertanggungjawab yang tinggi di semua peringkat. Di peringkat paling bawah, peringkat pertengahan mahupun peringkat pemantau. Begitu juga dengan identiti. Bila kita berurusan melalui komputer, melalui elektronik, kita tidak boleh melihat identiti pihak di sebelah satu lagi. Jadi kalaulah usaha kita untuk tidak melahirkan lebih ramai usahawan Ali Baba ataupun macam-macam nama yang kita letakkan. Apabila kita menjalankan aktiviti kerajaan

elektronik, perkara ini bagaimana pula kita harus pantau supaya perkara ini tidak menjadi satu tabiat ataupun *habit* yang buruk kerana kita tak tahu...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan Yang Berhormat. Memang betul sebab itu kerajaan pun sebenarnya bukan nak sewenang-wenangnya menggunakan ISA untuk tujuan politik. Sebab itu apa yang berlaku yang kena tahan ISA sekarang ini pun kerana kes senjata api, kerana mereka ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti bersenjata yang boleh mengancam keselamatan negara tapi kerana kalau ditangkap itu kerana dia itu penyokong pembangkang, tak timbul. Mungkin oleh kerana dia itu ahli pembangkang, maka dikatakan ini *very political*. Sebab itu *Seditious Act* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia juga boleh menjadi terlalu *political* sebab apa yang mereka buat itu sebenarnya hanyalah untuk mengapi-apikan yang tujuannya bertujuan politik. Bagi mereka, paling mudah untuk menjatuhkan seseorang pemimpin atau satu parti politik yang memerintah ialah membuat tuduhan-tuduhan yang berbentuk *seditious* kepada pemimpin itu supaya akhirnya orang benci kepada parti yang di dokongnya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud tidak pernah dalam negara ini, seseorang ditangkap kerana dia pembangkang?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Seseorang itu hanya ditangkap kerana dia melanggar undang-undang.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, sebab itu ada juga orang daripada yang memerintah ditangkap di bawah ISA. Ini satu perkara yang pernah berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Baiklah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dr. Puad kerana mencelah. Berkaitan dengan ISA, saya rasa kalau kita bincang satu hari pun tak selesai. Apabila pembangkang bercakap dengan kerajaan tentang ISA ini tak selesai. Cuma dari segi yang diminta oleh semua pihak ialah bila bercakap tentang mana-mana kesalahan ialah pembuktian. Mereka hendak melihat bukti, mereka hendak tahu apakah kesalahan secara spesifik.

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga senator yang dicalonkan oleh parti pembangkang yang berbahas bersama kita, ya Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mungkin. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan rasa bertanggungjawab oleh pihak petugas yang bertugas di mana-mana jabatan. Jadi kalaulah kita mempertikaikan soal PTK, kita mempertikaikan soal gaji. Kita bimbang berlaku ataupun berulang perkara-perkara yang kita mungkin boleh anggap sengaja dijadikan alasan untuk mereka melambatkan tugas sekalipun pada masa tersebut, telah pun ada sistem ataupun yang dipanggil sistem elektronik ini. Kita tidak mahu alasan-alasan dikemukakan kerana di pihak pelanggan ataupun orang yang mendapatkan khidmat daripada kerajaan, mereka tidak boleh melihat adakah betul di sebelah sana itu komputer menjalankan

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk mencelah sikit. Saya merasakan bahawa kita ada terdapat sedikit kekeliruan mengenai dengan penggunaan e-

government ini ya, penggunaan elektronik. Sebenarnya sebagai seorang yang mempunyai syarikat IT sendiri yang menyelenggarakan tugas-tugas kerajaan *online*, manusia itu tidak lagi perlu untuk menyelenggarakan komputer itu sendiri. Sebab data-data sudah pun dimasukkan di dalam server di dalam komputer, maka tidak timbul masalah seseorang itu tidak mahu melayani seseorang yang memohon maklumat melalui komputer.

Jadi saya rasakan mungkin Yang Berhormat Mumtaz akan bersetuju dengan saya, sebenarnya *e-government* atau *electronic government* ini bertujuan khususnya untuk mengelak dari timbulnya rasa sangsi ataupun rasa *bias* seseorang pegawai kerajaan untuk melayani seseorang yang mungkin dia tidak suka. Sebab komputer itu tidak mengenali sesiapa pun. Ia tidak mengenali sama ada seseorang itu pembangkang, penyokong kerajaan, mukanya lawa atau mukanya tak lawa sebab datanya terdapat di dalam komputer. Ini sebenarnya adalah satu cara yang tidak *bias* kepada sesiapa. Ia tugas dia sebagai komputer ialah melayani segala pelanggan yang memohon informasi melalui *online*. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan perkara ini?

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Dr. Norraesah. Dari segi kepakaran tentang penggunaan IT, mungkin Dr. lebih memahami bagaimana benda ini akan dibuat. Walau bagaimanapun, sebagai peguam, saya nampak tidak semua data yang kita peroleh melalui aktiviti kerajaan elektronik adalah data automatik. Banyak juga data-data yang mungkin memerlukan petugas-petugas yang akan mengendalikan data-data ini.

Oleh yang demikian, satu peringatan yang saya kemukakan itu adalah untuk memberi peringatan kerana kita melihat kalau hanyalah setakat informasi tentang maklumat-maklumat umum, kemungkinan mereka tidak akan ada masalah. Ini kerana semua data telah dimasukkan, tetapi dalam hal-hal yang memerlukan respons segera ataupun tindakan, ianya mungkin memerlukan petugas yang akan mengendalikan komputer tersebut.

■ 1520

Yang seterusnya dari segi prasarana. Dari segi prasarana sebagaimana yang telah diujahkan sebelum ini, saya ingin menyentuh tentang bilamana kita menjalankan aktiviti kerajaan elektronik ini, bagaimana standard ataupun persiapan khususnya berkaitan dengan TNB dari segi cara mereka untuk menghadapi saat-saat kontingensi supaya tidak timbul sebarang masalah.

Sebagai contohnya kita telah mengalami beberapa kali di mana elektrik terputus di seluruh negara. Bagaimana aktiviti kerajaan akan dijalankan pada masa begini dan bagaimanakah persiapan khususnya dari sudut TNB untuk memastikan ini tidak akan menjadi satu penghalang kepada lancarnya aktiviti kerajaan elektronik.

Yang seterusnya lagi dari sudut pembuktian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menghabiskan masa dalam empat minit. Selepas itu saya akan menjemput Dato' Yip Kum Fook dan saya akan menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung. Sebab selepas ini kita ada lagi empat rang undang-undang untuk diselesaikan oleh Dewan ini.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pembuktian, untuk aktiviti kerajaan elektronik ini, adakah pembuktian terhadap semua aktiviti kerajaan ini merupakan *strict liability*. Maknanya kalau kita terima mana-mana surat atau mesej daripada elektronik ini, ia terus menjadi satu perkara yang tidak boleh kita pertikai. Saya juga mohon untuk dapatkan penjelasan tentang perkara tersebut.

Bagaimanakah dari sudut kita mendapatkan sebarang maklumat ataupun *discovery*, saya tidak tahu untuk sebut sebagai apa. *Discovery* ini untuk kita dapat maklumat-maklumat daripada pihak kerajaan bilamana dokumen-dokumen itu didapati dalam bentuk maya. Adakah bila kita *print* dokumen itu, dokumen itu sudah mencukupi untuk kita kemukakan kepada mahkamah tanpa kita mendapatkan pengesahan daripada pihak kerajaan selagi mana kita boleh buktikan bahawa ianya diambil daripada laman kerajaan. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama Yang Berhormat. Silakan Dato' Yip Kum Fook.

3.44 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memang tepat pada masanya dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian di atas kejayaan membentangkan rang undang-undang ini. Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2001 telah melancarkan *e-government*. Jadi dari pengalaman di situ, saya ingin kemukakan sedikit pendapat untuk pandangan kementerian.

Kerajaan Negeri Selangor sangat mengutamakan *video conferencing* iaitu satu aspek dalam perkara rang undang-undang ini yang patut kita ambil perhatian, tetapi *video conferencing* hanya terhad antara pegawai kerajaan negeri Selangor dengan PBT iaitu kerajaan tempatan. Saya berharap supaya di masa hadapan *video conferencing* ini dapat diadakan di antara kerajaan di mana-mana peringkat dengan orang ramai. Ini kerana dengan adanya *video conferencing* ini, pegawai kerajaan tidak perlu keluar dari pejabat mereka dan mengadakan mesyuarat dengan kemudahan *video conferencing*, dengan izin. Ia juga boleh menjimatkan masa dan kewangan kerajaan.

Saya ingin mendapat penjelasan, adakah semua jabatan kerajaan akan dibekalkan dengan kemudahan tersebut. Untuk memasang kemudahan ini mungkin melibatkan kos yang tinggi, tapi penjimatan dalam masa jangka panjang adalah lebih daripada apa yang dibelanjakan pada mulanya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengeluarkan arahan bahawa panggilan telefon mesti dijawab pada nada dering yang ketiga. Saya sangat setuju dengan arahan ini kerana kita boleh rasa marah apabila panggilan kita tidak dijawab. Sekarang bila kita telefon memang banyak panggilan kita akan dijawab secara automatik, tetapi selepas itu kita akan dengar dalam satu Malaysia pun mempunyai jawapan yang sama iaitu, "*Terima kasih kerana memanggil jabatan ini..*" Dan seterusnya kamu semua sudah faham, "*Sila tekan 0 untuk bantuan telefonis*" Itu akhirnya. Selepas itu mesin pun

akan mengatakan, "*Sila tunggu sebentar, panggilan anda akan dilayan sebentar lagi*". Bila kita akan dilayan, kita pun kadang-kadang tidak tahu.

Lebih teruk lagi apabila banyak tempat yang menggunakan laman web untuk menjawab apabila e-mel dihantar. Mereka akan membalas semula, "*Terima kasih kerana memberitahu atau menghantar e-mel*"... tetapi...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan. Saya tertarik kepada Yang Berhormat yang mengatakan tentang telefon yang dijawab secara elektronik ini. Adakah setiap panggilan ini terpaksa ditanggung kos bilnya oleh pengguna ataupun orang yang menerima jawapan itu. Oleh kerana masa yang diambil untuk berhubung dengan orang yang betul-betul kita hendak berhubung, kadangkala melebihi lima hingga ke tujuh lapan minit. Jadi kos-kos bil ini kalau sudah kita pakai, siapa yang sepatutnya menanggung dari segi kos penjimatan yang hendak dilancarkan oleh pihak kerajaan ini akhirnya terpaksa ditanggung oleh pihak pengguna. Apa pandangan Yang Berhormat tentang pandangan ini?

Dato' Yip Kum Fook: Saya ingat soalan ini tidak perlu dijawab kerana semua orang tahu jawapannya iaitu orang yang memanggil itu perlu membayar. Cuma Yang Berhormat mungkin mahu tahu sama ada kerajaan patut memberi kemudahan untuk membayar panggilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan. Saya berharap mesin yang canggih tidak disalahgunakan dan 'kaki awam' mestilah lebih bertanggungjawab supaya bersama-sama dapat menjaga nama baik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kakitangan awam!

Dato' Yip Kum Fook: Maaf, kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua: "Kaki awam" itu lain maksudnya... [Ketawa]

Dato' Yip Kum Fook: Kakitangan awam, minta maaf. Mesin itu patut digunakan untuk membereskan kerja mereka dan bukan untuk mereka mengelak melayan panggilan telefon. Pihak kerajaan mesti memastikan bahawa segala peralatan elektronik digunakan dengan betul untuk urusan kerajaan dan bukan untuk peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faedah yang kita dapat untuk aktiviti kerajaan elektronik adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang terakhirlah yang ini?

Dato' Yip Kum Fook: Ya. Dengan adanya kerajaan elektronik ini, kita dapat mensifarkan surat yang disorok, surat jawapan yang hilang dan banyak lagi. Sekarang ini kita patut mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana pengalaman untuk pergi awal-awal ke mahkamah untuk mendapatkan Hari Sebutan, *to get another day* dengan izin, itu sahaja sudah membuang masa. Sekarang dengan adanya kerajaan elektronik ini, kita sudah dapat menjimatkan banyak masa. Pendek kata, rang undang-undang ini sangat baik dan patut menerima pujian. Sekian, terima kasih.

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung perbincangan.

3.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beberapa Ahli Dewan Negara yang telah berucap dan juga yang telah mencelah, memberi pandangan dan seterusnya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 pada hari semalam dan hari ini.

Dalam perbincangan ramai Ahli Dewan Negara telah membangkitkan berkenaan dengan perkara yang hari ini berlaku, di mana penggunaan *internet* yang menunjukkan iaitu bahawa sudah tidak ada kawalan sehinggalah banyak perkara yang sebelum ini tidak pernah diperkatakan di hadapan khalayak ramai telah pun begitu bebas dilempar dalam *internet* dan juga dalam *blog-blog* tertentu.

Ingin saya menyatakan di sini, iaitu bahawa kita tidak mempunyai satu pendirian bahawa kita tidak bersetuju dengan *blog*. Perkara *blog* dan *internet* ini semua merupakan perkara yang harus dengan izin, di *embrace* oleh kita demi untuk memajukan negara kita. Namun sehingga hari ini, kita lihat ada perkara-perkara yang tidak disenangi yang telah pun dilemparkan di dalam blog, yang telah pun mendatangkan perasaan tidak puas hati di kalangan golongan masyarakat yang tertentu dalam negara kita yang majmuk ini.

Sebagai permulaan saya ingin menyatakan iaitu bahawa sehingga Mei 2007, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia iaitu SKM telah memantau dan menerima 34 aduan mengenai penyalahgunaan *internet* untuk tujuan-tujuan yang menyalahi Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, ataupun lebih dikenali sebagai AKM 98.

Pada masa ini dianggarkan terdapat hampir 4 bilion laman-laman web ini, bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia. Jadi memandangkan terlalu banyak laman web yang boleh dilayari, adalah sukar pihak-pihak berkuasa untuk memantau secara terperinci dan konsisten. Walau bagaimanapun, Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa membuat pemantauan secara rambang dan berasaskan aduan terhadap laman-laman web yang disalahgunakan, serta mengambil tindakan sekiranya bertentangan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM). Tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi Multimedia Malaysia boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan *internet* dengan tujuan menyebarkan berita atau maklumat negatif, khabar angin dan diayah serta bersifat palsu, mengancam atau jelik.

Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali. Kalau sekiranya perkara yang disebarikan itu adalah perkara-perkara yang sensitif, termasuk tentang perkara-perkara

yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam, termasuk juga pada hari ini Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Muhammad bin Haji Muhammad Taib membangkitkan perkara-perkara yang disebar kan itu yang dianggap sensitif dan juga boleh mendatangkan kepada suasana menghasut dan akhirnya mungkin akan berlaku kemarahan oleh sesetengah pihak. Demi untuk menjagakan kestabilan dan ketenteraman di negara ini, kerajaan akan ambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 terhadap orang-orang seperti ini, kalau didapati bahawa apa yang telah dilayarkan itu, disebar kan itu merupakan perkara yang boleh disabitkan di bawah Akta Hasutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil tindakan.... [*Tepuk*] Dan juga Yang Berhormat, ISA, kita akan ambil tindakan di bawah ISA. Kalau sekiranya apa yang dibangkitkan seperti yang saya baca, malah waktu saya berucap ini pun saya merasa menggigil memandangkan apa yang saya baca, yang dibangkitkan dalam sesetengah layar mengatakan tentang agama Islam merupakan satu penipuan besar orang Arab terhadap umat negara ini dan dunia dengan menyatakan bahawa iaitu mereka, Arab telah menipu kita dengan meletakkan satu batu di tengah-tengah padang pasir dan menyuruh umat Islam menyembah batu. Saya rasa ini kurang ajar dan saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab juga kepada undang-undang saya hendak bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu bahawa kita tidak akan fikir dua kali untuk ambil tindakan termasuk ISA... [*Tepuk*]

Perkara yang seperti ini tidak menghormati perasaan sensitif orang-orang yang merupakan majoriti penduduk di negara kita ini terdiri daripada orang Islam, kalau perkara seperti ini tidak pernah kita lakukan, tidak pernah kita ungkapkan di khalayak ramai, tetapi pada hari ini ianya tersebar begitu luas dengan dimasukkan dengan layaran web - memang saya hendak bagi tahu kepada semua, iaitu bahawa kita tidak akan teragak-agak untuk menjaga kestabilan dan menghormati perkara-perkara sensitif terutamanya oleh kerana Islam itu merupakan agama Persekutuan negara kita. Saya tidak akan dengar apa yang Yang Berhormat cakap tentang pembuktian, bukti sudah ada, kita akan ambil tindakan termasuk ISA terhadap orang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jangan bagi tahu kepada kami, iaitu bahawa mereka hanya merupakan menyediakan *blog* untuk sesiapa yang hendak melayari *blog* nya itu memberi pandangan, tidak ada masalah untuk memberi pandangan, tetapi kalau memberi pandangan itu merupakan percakapan di antara dua orang yang tidak melibatkan masyarakat umum yang lebih besar, itu tidak mengapa, kerana hanya dua orang sahaja yang tahu tentang perkara itu, tetapi kalau perbincangan itu dibuat dalam *blog*, dan kita semua tahu iaitu bahawa *blog* itu boleh dilayari oleh orang ramai, maka itu serupalah juga seperti kita menghasut, menyebarkan dan menyakit hati orang-orang lain yang tidak mahu perkara ini dibangkitkan, kerana agama ataupun Raja-raja Melayu disebut sebagai, kalau ada raja sekarang ini gambarnya itu saya akan letak di belakang punggung, *and I will fart or berak*. Hati Melayu mana yang tidak terasa dalam perkara seperti ini.

■ 1540

Apakah kita membenarkan perkara ini berlaku? Kalau dia hendak buat secara dia berdua, itu dia punya pasal. Kalau dia mahu telanjang dalam bilik air, buatlah apa dia suka pun, dalam bilik dia itu dia punya pasal tetapi Yang Berhormat kalau dia telanjang di khalayak ramai dia melakukan satu kesalahan, *public offence, obscenity*. Begitu jugalah kalau perbincangan di dalam web kalau kita bincang dalam web itu bermakna bahawa kita tahu apa yang kita bincang itu akan dilayari oleh orang ramai dan sememangnya kita mahu supaya orang ramai tahu tentang apa fikir kita tentang agama Islam dan raja-raja Melayu kita.

Sebab itu kita kerajaan tidak mahu dilihat sebagai *impotent*, tidak bermaya, tidak boleh mengambil tindakan. Saya hendak bagi amaran kepada mereka ini semua iaitu masa sudah sampai untuk kita ambil tindakan terhadap orang-orang seperti ini... [*Tepuk*] Dalam apa-apa hal sekalipun Yang Berhormat selaku Tuan Yang di-Pertua jelas mengatakan semua orang tahu bahawa Senator kah, Ahli Dewan Rakyat kah kita bebas bercakap tetapi dalam kita punya standard prosedur, *Standing Orders*, kita tidak dibenarkan untuk mengungkapkan satu-satu perkataan yang boleh menyinggung perasaan ahli yang lain.

Maknanya Ahli Parlimen yang bebas, Dewan Negara, Dewan Rakyat bebas bercakap apa sahaja, ada juga peraturan yang menyekat mereka daripada mengeluarkan ungkapan yang boleh menyakitkan hati satu-satu kaum ataupun menyakit hati perasaan orang yang lain. Apa, *bloggers* ingat dia Ahli Parlimen kah? Seheinggakan dia boleh buat apa sahaja dia suka dan kita tidak boleh ambil tindakan, saya hendak beritahu kita akan ambil tindakan terhadap mereka. Jadi saya tidak peduli, saya mewakili kerajaan dan kita ada hak, kita boleh lakukan, kita telah banyak sabar sebenarnya memikirkan itu supaya mereka yang dapat mengguna teknologi ini juga merupakan orang yang pemikirannya tinggi, *world class, first class* tetapi cumanya infra sahaja *first class* tetapi mentaliti *bloggers* merupakan *fifth, sixth class*, saya hendak beritahu... [*Tepuk*]

Jangan ingat kerajaan tidak boleh ambil tindakan, kita telah banyak bersabar, kita telah memberikan ruang begitu banyak supaya mereka menyedari iaitu bahawa segala pembaharuan, kemudahan yang kita bawa ialah untuk kemajuan negara kita, dengan harapan itu supaya pengguna juga merupakan orang yang mahu memajukan diri mereka tetapi seperti mana yang saya telah sebut sebentar tadi, kalau mereka telah pun melakukan perkara ini begitu berleluasa dan kerajaan bersabar, itu bukan bermakna bahawa kerajaan tidak akan ambil tindakan.

Saya bagi jaminan di sini iaitu bahawa masa sudah sampai untuk kita ambil tindakan sama ada di bawah Akta Hasutan ataupun Kanun Keseksan seksyen 121B, kesalahan terhadap kuasa Yang di-Pertuan Agong, raja atau Yang di-Pertua Negeri. Ini semua perkara yang kita tidak boleh sentuh, kalau kita sentuh bermakna bahawa kita sudah tidak sensitif tentang perkara yang telah pun dipersetujui sebelum kita merdeka dahulu, ada benda-benda yang tertentu itu tidak perlu lagi kita bahas dan kita sentuh dan kita harus menghormati negara yang berbilang kaum. Perkara-perkara

yang sensitif yang boleh disebut itu boleh mencetus perbalahan kaum sebab itu kita ada akta-akta seperti Akta Hasutan 1948.

Ini bukan orang Melayu yang memikirkan tentang perkara ini, ini sembilan tahun sebelum kita merdeka, bermakna penjajah Inggeris pun sudah faham bahawa ini sebuah negara yang berbilang kaum, banyak sensitiviti yang harus dihormati oleh semua kaum, Melayu kena hormat Cina, Melayu hormat India, India hormat Melayu, Cina hormat Melayu, Cina hormat India, ini negara berbilang kaum. Sebab itu orang putih sudah fikirkan tentang Akta Hasutan ini tahun 1948, ini bukan tahun 1958 waktu UMNO sudah pun memerintah menerusi PERIKATAN. Ini difikirkan oleh penjajah sembilan tahun sebelum kita merdeka.

Penjajah sudah tahu iaitu bahawa untuk menjamin supaya negara ini merdeka, aman, makmur, mesti menghormati perkara-perkara yang sensitif. Sebab itulah Akta Hasutan ini ada pada tahun 1948. Hukuman yang akan kita kenakan kepada mereka yang didapati bersalah di bawah Kanun Keseksaan, kita boleh penjara dia seumur hidup, Tuan Yang di-Pertua dan kita juga boleh kenakan denda. Seksyen 499 Kanun Keseksaan berhubung kesalahan fitnah, hukuman seksyen 500 penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda-denda atau kedua-duanya sekali. Kita tidak usah cakap banyaklah ini bukan masa untuk kita bercakap lagi ini masa untuk kita ambil tindakan... [*Tepuk*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ada undang-undang yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu 121B ataupun Akta Hasutan 1948, tetapi adakah kerajaan tidak bercadang juga untuk membuat ataupun menggubal satu undang-undang untuk mengawal *bloggers-bloggers* ini iaitu sekurang-kurangnya ada satu akta yang menyebabkan mereka mesti mendaftar, memperkenalkan diri dan kita tahu siapa mereka sebenarnya untuk lebih memudahkan untuk mengawal dan mengambil tindakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puad. Ya, kita jangka iaitu bahawa setelah perkara ini berlaku berleluasa, sudah sampai masanya juga supaya kemungkinan ada kesalahan yang lain yang tidak boleh disabitkan di bawah Akta Hasutan 1948 ataupun Akta Keseksaan, mungkin ada perkara-perkara lain yang tidak termasuk di bawah itu tetapi merupakan penyalahgunaan oleh *bloggers*. Kita sedang merancang untuk mewujudkan satu akta yang baru yang boleh kita memantau tentang *blog-blog* ini. Ini bukan tujuan untuk hendak menghapuskan kebebasan bersuara, tetapi ini untuk kita hendak menghapuskan kebebasan menipu, memfitnah, menyakitkan hati.

Oleh sebab itu kita akan fikirkan supaya kita mahu *blog* ini menjadi bersih, akan menjadi tempat orang melayari untuk mendapat maklumat yang betul sebagai satu tempat, sumber untuk kita mendapat perkara-perkara lain yang difikirkan ianya merupakan pandangan yang ikhlas, ini yang kita mahu. Bukan untuk menjadi tempat maki hamun, tempat untuk hendak meluahkan perasaan, bercakap bodoh tentang 1907 lah, saya pun tidak faham, macam budak-budak sampai hendak

mencabar Senator kita, marah. Dia kata orang boleh, orang buat aduan polis marah dan yang paling kita sedih sekali ialah kerana orang dapat layari kebudak-budakan seorang *blogger* yang sebenarnya menunjukkan satu budaya yang cukup rendah, sebenarnya dengkel pemikiran budaya yang rendah memberi cabaran seperti budak-budak saya tengok.

Kalau betul-betul merasakan bahawa dia perlu hendak membuat sesuatu, beranikan diri, bertandinglah dalam pilihan raya. Boleh pergi ke Padang Rengas saya tunggu di sana... [*Tepuk*] Ya, mahu betul-betul hendak lawan, hendak tukar, lawan. Macam PAS dia lawan betul-betul tetapi tiga penggal saya bertanding Padang Rengas tidak berani lawan saya apa hal? Lawanlah hari-hari datang kawasan saya bantai siapa Nazri, kita hendak mendedahkan siapa Nazri, telanjang Nazri tetapi yang lawan saya KeADILan, apa hal? Lawan kita tidak ada masalah betul Yang Berhormat lawan tidak ada masalah, demokrasi tetapi dalam *blog*, apa ini? Bermakna bahawa ini merupakan perbuatan kebudak-budakan itu sahaja.

▪ 1550

Memalukan kita, pengecut! Kalau betul banyak parti yang lawan kita, hendak masuk DAP, masuk DAP. Hendak masuk PAS pun boleh. Lawan saya di Padang Rengas. Tan Sri macam mana kah? Cari lawan kot mana, Tan Sri... [*Ketawa*] Banyak di kalangan kita. Kalau tidak setuju di kalangan kita, banyak menteri pergi pilih yang mana satu, lawan, baru jantan. Saya tidak minat dengan *blogger*s, sebab itu saya tidak peduli apa mereka tulis pun. Tidak ada masa sebab kita ada banyak kerja lain. Banyak kerja lain lagi. Mereka tidak ada kerja, mereka punya pasallah. Dok buat itu, dia tidak ada benda lain. Itu kerja dia. Saya tidak ada masa.

Saya percaya ramai di kalangan kita pun juga tidak ada masa. Sebab itu yang paling baik sekali ialah kalau betul tidak bersetuju....

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Jadi seorang jantan, tahu pilihan raya bila, mana-mana calon yang hendak dilawan, lawan! Itu baru jantan, saya hendak beritahu... [*Tepuk*]

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Boleh tidak kita anggap bahawa penulisan dalam *blogger*s ini boleh meracun dan merosakkan pemikiran anak-anak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah tentu! Sudah tentu sebab orang yang suka dengan IT, kita tengok bukannya orang tua. Budak-budak kita umur sepuluh tahun, sembilan tahun, sudah macam mengajar mereka berenang, macam itik berenang. Dia tahu, dia tekan di mana. Saya pun tidak tahu, hendak buat macam mana?.. [*Ketawa*] Saya buat *law*. *Law* ini dia suka pergi ke *library*, tengok buku, dia seronoklah, ambil satu buat *reference*. Itu saya punya *culture*. Budaya saya daripada saya muda, saya susah, tetapi yang banyak menggunakan IT ini adalah anak-anak muda.

Apabila mereka menekan, membaca, pada fikiran mereka, yang itu *is okay*. *You* hendak bantai Sultan, okey! *You* hendak bantai Perdana Menteri, okey, tidak ada masalah. *You* hendak

fitnah orang, okey, *no problem* sebab hari-hari disajikan dengan fitnah. Apakah budaya yang hendak diajar kepada anak-anak muda kita? Sebab itu Tan Sri betul, ia boleh meracun pemikiran dan oleh kerana itulah ini merupakan satu faktor yang cukup kuat bagi kerajaan memikirkan, sesuatu mesti dilakukan untuk mengelak *bloggers* yang tidak bertanggungjawab melempar fitnah dan membuat tuduhan yang liar di dalam *blogs* ini. Saya hendak sebut sekali lagi, kalau *you* rasa *you* hebat sangat, apa yang kita buat semua tidak betul, lawanlah kita. Ini kerajaan dipilih.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Mohon laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sila Senator... [Ketawa]

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya ialah begini, kalau kita berbicara tentang ahli politik senang, dia boleh lawan, tetapi kalau yang ahli *blog* yang bukan ahli politik ini macam mana pula cadangan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dukacita saya. Saya ingat dia kata hendak umum berlawan dengan saya di Padang Rengas... [Ketawa] Ya, betul, Yang Berhormat. Kalau *bloggers* yang bukan ahli politik, begitulah juga fahamnya iaitu bahawa kalau mereka bukan ahli politik, kononnya mereka ini neutral. Neutral apa? Budak kecil pun faham apa yang diperkatakan itu memang hentam terhadap kerajaan. Politiklah itu... [Disampuk] Ya. Mana ada neutralnya? Tidak ada neutral. Dia buat *blog* itu bukan kerana untuk memberikan pandangan yang seimbang kah, apakah, tetapi sebenarnya dia membuat perbuatan politik kerana dia menyentuh orang politik, dia kata orang politik itu dan ini, ini politiklah.

Saya rasa kalau *bloggers* itu minta Dato' Nazri supaya lepas ini simpan rambut pasal nampak botak, nampak tidak *handsome*, itu tidak politiklah kan?... [Ketawa] Saya boleh jawab balik, terima kasih. Cuma sebab rambut saya sudah tidak tumbuh... [Ketawa] Sebelum saya botak, biarlah saya nampak botak. Itu kita boleh tahu, politik kah tidak politik. Sudah tentulah, tetapi maknanya kalau bukan isu politik seperti kata menggunakan *blog* ataupun *internet* macam kata piramid tadi, itu tidak politik. Kita ambil tindakan juga sebab dia mengumpul wang daripada orang ramai menerusi *internet*, boleh dapat keuntungan cepat. Itu bukan politik tetapi kerana menipu rakyat, kita tetap ambil tindakan juga. Serupa sahaja.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat berhubung dengan pengendali-pengendali *blog*, adakah mereka ini mendapat pembiayaan ataupun sumbangan kewangan daripada mana-mana pihak dalam dan luar negara? Kalau yang luar negara ini mahu melihat perpecahan berlaku pada negara kita, tetapi yang dalam negara ini, saya rasa ia menjadi *tendency* ataupun kecenderungan sudah dekat pilihan raya dan tahu *bloggers* ini, dia tahu ruang ini akan dibaca oleh kakitangan kerajaan dan juga pengundi-pengundi, mereka sengaja buat untuk pastikan bahawa sekurang-kurangnya peralihan sokongan itu akan beralih kepada mereka berdasarkan kepada isu-isu negara yang ada pada masa kini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa mungkin juga sebab 24 jam dia *blog*. Mana dia dapat duit? Dia 24 jam. Pukul tiga pagi pun ada. Jadi kalau orang yang boleh *blogging* 24 jam, kita tanya juga, mana mari duit untuk hendak *suru* pagi besok? Ya, akan kita tanya sebab dia tidak ada kerja lain. Dia tidak ada kerja lain. Kerja dia maki hamun dalam *blog*. Sudah tentu kalau dia tidak ada pekerjaan lain, mungkin ada orang yang membiayainya. Sebab itu kerja dia *blog* sahaja, *blog, blog, blog, blog*, tidak ada kerja lain.

Kalau orang main golf, kita faham juga. Dia main golf 24 jam, satu hari, tujuh hari satu minggu, 30 hari satu bulan, kita faham walaupun dia main golf 24 jam, dia boleh cari duit atas padang.... [Ketawa] Tetapi *blogging* dia, cari duit di mana ini kalau tidak dibiayai? Saya rasa bahawa kemungkinan orang-orang ini mendapat bantuan daripada luar. Saya rasa itu merupakan kemungkinan yang cukup besar. Saya tidak menuduh tetapi saya merasa hairan macam mana kalau dia tidak ada pekerjaan, dia boleh membiayai, menyara hidup dia dengan *blogging*.

Jadi saya rasa kemungkinan besarlah saya ingat mesti ada dapat wang, saya bukan hendak menuduh, saya tidak tahu, tetapi kemungkinan berasaskan kepada fakta-fakta yang ada di hadapan kita kerana dia *blog* 24 jam, dia tidak ada kerja, dia boleh hidup, ada kemungkinan dia telah dibiayai oleh sesuatu pihak tetapi itulah, kalau buat untuk hendak... Apa perlu hendak merosakkan negara? Kita mengamalkan demokrasi. Kalau ada tidak puas hati, bersuaralah perkara yang betul. Kata itu tidak betul, ini tidak betul, tetapi sampai fitnah dan saya tidak boleh terima, Tuan Yang di-Pertua, apa yang keluar dalam...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, orang-orang macam ini, Yang Berhormat, sudah tidak setia kepada negara ini dan kalaulah betul dia menggunakan negara luar untuk menghancurkan negara kita, apakah tidak ada undang-undang untuk melucutkan kerakyatan orang ini supaya diusir daripada Malaysia sebab ini begitu bahaya sekali, boleh menggugatkan perpaduan negara ini. Jadi apa penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi perasaan dengan Yang Berhormat, tetapi oleh kerana negara ini negara yang menegakkan *the rule of law*, setiap tindak tanduk kita, kita kena ikut apa yang telah ditentukan oleh undang-undang dan Perlembagaan iaitu undang-undang yang ditubuhkan di negara kita, tetapi kita akan carilah. Saya akan cari. Selepas ini saya hendak minta pegawai-pegawai saya duduk, kita cari dalam undang-undang kita ini, di mana perbuatan seperti ini boleh ke kita hendak buang dia kah, kita hendak lucut kewarganegaraan dia kah? Kita akan *jail*, kita akan carilah tengok apa yang ada dalam undang-undang ini supaya hukuman yang setimpal dengan apa yang dilakukan itu boleh kita kenakan terhadap *bloggers* ini. Saya akan minta pegawai saya untuk mengkaji semua undang-undang supaya kita boleh mengambil tindakan yang memuaskan hati kita di atas perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

■ 1600

Kita bukan anti *blog*. Kita mahu *blog* ini bersih, *blog* ini tempat orang bertukar fikiran, *blog* ini tempat orang boleh rujuk sebagai sumber yang boleh dipercayai. Itu yang kita mahu tapi *bloggers* yang menipu, fitnah mereka juga adalah rakyat Malaysia yang boleh dikenakan hukuman mengikut undang-undang dalam negara kita.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sila.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Pada hari semalam saya bangkitkan Yang Berhormat, tentang Tian Chua daripada Keadilan yang dengan bangganya mengaku bahawa beliau yang memutarbelitkan gambar Timbalan Perdana Menteri dalam *blog*. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, tidak bolehkah kita gunakan ISA menunjukkan kerajaan tegas kepada mereka yang angkuh, yang berani mengaku tetapi masih lagi tidak diambil tindakan? Apa pandangan Yang Berhormat?

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sebuah negara yang mahu pergi kepada sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Jadi untuk pergi ke negara maju ini ada perkara yang harus dilakukan oleh rakyat yang boleh menampakkan negara kita ini maju dan ada juga perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan. Kita cuba mengimbangkan seboleh-bolehnya iaitu bahawa kalau ada akta yang perlu tapi dianggap sebagai *draconian* mungkin kerana hendak menyelamatkan keadaan kita cuba seberapa yang boleh untuk tidak menggunakan akta-akta ini, yang mungkin boleh disalah tafsir sebagai kita mengguna terhadap orang yang membangkang kita.

Namun begitu, setiap kerajaan juga ada tahap kesabarannya, tahap menggunakan budi bicaranya tetapi kalau sekiranya mana-mana warga yang dengan sengaja mencabar kerajaan untuk supaya ambil tindakan, kita akan mengkaji semula berkenaan dengan kes-kes tertentu dengan mengambil kira suasana yang ada dalam negara kita. Kita tahu siapa Tian Chua - Keadilan. Kononnya hendak jadi matalah tapi kerajaan bukan bodoh, kerajaan cerdik. Dia menganggapkan bahawa pilihan raya sudah dekat.

Jadi dia cabar kerajaan saya yang buat, saya mengaku, saya tak akan minta maaf dan dia memang harap untuk kita tangkap dia supaya pilihan raya dekat. Jadi Keadilan yang tidak adil ini, bukan adil pun Keadilan ini, dengan harapan iaitu supaya akan mendatangkan perasaan kemarahan rakyat yang mungkin tidak tahu hal sebenarnya, tangkap dia, dia orang politik, pilihan raya dekat maka inilah yang akan di jaja di seluruh dunia, menceritakan iaitu bahawa inilah kerajaan yang kata bahawa dia akan menggunakan ISA terhadap orang-orang politik ataupun lawan dia. Inilah guna ISA tangkap Tian Chua, Ketua Penerangan Keadilan. Inilah yang dia mahu tapi kerajaan bukan bodoh. Kita tidak akan cepat...

Puan Mumtaz binti Md Naw: Mohon laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat jangan bimbang. Kita tidak akan cepat melompat, kita ada perkiraan-perkiraan lain yang kita fikirkan, *timing*, masa tapi saya hendak bagi tahu di sini, Tian Chua jangan fikirlah awak boleh bebas buat apa awak suka, suka hati...[*Tepuk*]

Kita ada undang-undang di negara kita. Bila? Itu terpulanglah kepada pihak yang bertanggungjawab tentang keamanan negara kita. Pihak polis kalau mereka merasakan keadaan, suasana itu sudah menjadi sukar untuk dikawal, ini terpulang kepada pihak polis kerana mereka menjaga keamanan negara kita tapi daripada segi kita, kita tahu kita matang politik. Tidak ada cara lain yang mereka hendak menang pilihan raya ini dengan membuat sesuatu yang boleh menggambarkan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang zalim, yang tangkap orang yang mempunyai pandangan politik yang berbeza dengan mereka terutama pula dekat-dekat pilihan raya, kononnya mungkin rasa nak kalah tangkap orang ini. Kita bukan bodoh Tuan Yang di-Pertua.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada pengalaman Yang Berhormat, saya ingin meminta pandangan adakah di peringkat antarabangsa pihak *United Nations* mempunyai sebarang konvensyen ataupun undang-undang yang dicadangkan untuk mengawal perkara-perkara berkaitan dengan jenayah siber ini dalam usaha untuk kita mengawal kestabilan mana-mana negara kerana kita percaya dalam hal yang melibatkan siber ini ia merentasi batas agama, politik dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Yang Berhormat belum ada lagi. Tidak macam kata *human trafficking* yang melibatkan manusia yang diperdagangkan, yang tidak berdosa yang merupakan perkara *concern* atau keprihatinan dunia. Itu mereka mempunyai bimbingan dan *guideline* yang tertentu tentang negara yang menandatangani harus melakukan pertamanya, mesti mempunyai akta anti *human trafficking* dan macam-macamlah tapi yang siber ini, belum lagi Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, ini yang saya tahulah, tapi saya akan membuat rujukan, *check* dengan pegawai supaya saya akan dapat memberikan jawapan yang tepat kepada celahan Yang Berhormat sebentar tadi. Boleh saya pergi ke tajuk lain?

Beberapa Ahli: Boleh!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik, terima kasih banyak. Yang Berhormat Dr. Puad bercakap tentang Malaysia sekarang berada di kedudukan 26 dalam *ranking world competitiveness* tetapi ada masalah di dalam pelaksanaan kerajaan elektronik, infrastruktur tidak cukup, jenayah siber dan lain-lain. Jawapan di sini ialah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) amat peka mengenai keperluan menyediakan rangkaian *internet* dan jalur lebar telekomunikasi secara menyeluruh ke seluruh negara baik di bandar mahupun di luar bandar.

Berdasarkan keperluan tersebut Pelan Jalur Lebar Negara telah diperkenalkan pada akhir tahun 2004 yang merupakan satu strategi untuk meningkatkan penyediaan infrastruktur *internet*

berkapasiti tinggi atau jalur lebar di negara ini. Tumpuan utama pelan tersebut adalah untuk mewujudkan paras kritikal dengan kadar penetrasi isi rumah bagi jalur lebar sebanyak 50% pada tahun 2008. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan di bawah Projek Pemberian Sejangat, Kementerian ini telah membekalkan infrastruktur komunikasi asas kepada 1,089 lokasi di seluruh negara di mana 510 lokasi merupakan perpustakaan desa manakala 359 lokasi adalah di klinik kesihatan dan desa.

Di bawah Program Pusat *Internet* Desa pula Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad telah membangunkan pusat-pusat *internet* desa menggunakan bangunan tambahan di setiap pejabat pos terpilih. Sehingga kini sejumlah 42 lokasi PID telah beroperasi di seluruh negara. Selain itu melalui Projek Rangkaian *School Net* di mana rangkaian ini telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk menyediakan rangkaian *internet* kepada 10,000 lokasi sama ada sekolah bantuan kerajaan ataupun institusi pendidikan yang dipilih seperti maktab perguruan, pusat kegiatan guru dan sebagainya. Kemudahan jalur lebar akan memberi peluang kepada murid-murid sekolah terutama di luar kawasan bandar untuk mendapat akses kepada sumber-sumber maklumat yang disediakan oleh *school net* serta sumber-sumber lain yang terdapat dalam *internet*.

Sehingga kini jumlah sekolah yang telah dikenal pasti adalah sebanyak 9,715. Manakala sekolah yang telah siap dipasang dengan rangkaian *school net* ialah sebanyak 9,346 di seluruh negara. Kerajaan di lokasi-lokasi yang berkenaan pelbagai aplikasi yang ada secara atas talian, *online* oleh kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta juga telah mendorong pelbagai lapisan komuniti menggunakan kemudahan peralatan ICT dan talian *internet*. Jumlah penggunaan keseluruhan sehingga Julai 2007 telah menjangkau sehingga 2.2 juta orang. Adalah diharapkan projek-projek sedemikian dapat diteruskan dalam usaha untuk meningkatkan kadar celik IT khususnya penduduk luar bandar dan pedalaman.

■ 1610

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai jawapan yang banyak di sini. Semuanya dijawablah, cuma saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh, oleh kerana perkara yang penting yang hendak kita bahaskan telah pun dijawab sebentar tadi. Jadi, untuk menjimatkan masa yang kalau di kalangan Yang Berhormat bersetuju saya memberikan jawapan bertulis kepada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan.

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.14 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan huraian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi enam fasal.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan melalui warta satu tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 rang undang-undang memperkatakan pindaan kepada seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958 iaitu untuk memasukkan tarif baru pusat mengundi dan meminda tarif tempat mengundi.

Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan tarif baru bagi pusat mengundi dimasukkan untuk membezakan di antara pusat mengundi dengan tempat mengundi kerana tarif asal tempat mengundi merujuk kepada dua tempat yang berbeza iaitu bangunan keseluruhan dan juga bilik saluran yang digunakan dalam bangunan tersebut.

Cadangan untuk menggantikan tarif tempat mengundi dengan tarif yang baru, adalah bertujuan untuk memberi penjelasan sebenar apa yang dimaksudkan dengan tempat mengundi iaitu mana-mana bilik atau ruangan yang dikenali juga sebagai saluran yang disediakan oleh SPR dalam pusat mengundi.

Fasal 3 rang undang-undang memperkatakan pindaan rang undang-undang kepada seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1998. Pindaan ini adalah pindaan berbangkit daripada pindaan kepada tarif pusat mengundi dan tempat mengundi di bawah seksyen 2. Ini dibuat bagi menyelaraskan istilah yang lebih tepat dan selari dengan cadangan tarif pusat mengundi dan tempat mengundi.

Fasal 4 rang undang-undang memperkatakan pindaan kepada seksyen 8 Akta Pilihan Raya 1998. Fasal 4(1) menggantikan seksyen 8(1) dengan subseksyen yang baru iaitu berkaitan pelantikan pegawai oleh SPR. Di bawah peruntukan yang baru ini, SPR mencadangkan supaya struktur pegawai untuk urusan pendaftaran pemilih diperkemas dengan melantik seorang timbalan ketua pendaftar pemilih bagi Malaysia, seorang pendaftar pemilih bagi setiap negeri, seorang timbalan pendaftar pemilih bagi setiap negeri dan apa-apa bilangan penolong pendaftar pemilih sebagaimana yang difikirkan perlu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan yang dicadangkan tersebut adalah bertujuan untuk memperkemas urusan pendaftaran pemilih. Ini kerana pelantikan timbalan ketua pendaftar pemilih yang diperuntukkan di bawah seksyen 8(1)(b) yang asal adalah bagi negeri-negeri. Ini menimbulkan masalah kerana semasa ketiadaan ketua pendaftar pemilih, tugas-tugas ketua pendaftar pemilih tidak dapat dilaksanakan kerana tiada timbalan ketua pendaftar pemilih yang beroperasi di ibu pejabat. Contohnya, tugas-tugas yang boleh dilaksanakan oleh timbalan ketua pendaftar pemilih ialah seperti menandatangani semua dokumen-dokumen yang berkaitan pendaftaran pemilih dan juga dokumen-dokumen yang berkaitan pendaftaran pemilih yang perlu diwartakan, yang mana peruntukan undang-undang meletakkan tempoh masa yang singkat.

Fasal 4(1)(c) rang undang-undang pula mencadangkan agar seorang pendaftar pemilih dilantik bagi setiap negeri dan fasal 4(1)(d) pula mencadangkan pelantikan timbalan pendaftar pemilih bagi setiap negeri. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, setiap negeri akan mempunyai pendaftar pemilih dan seorang timbalan pendaftar pemilih bagi melaksanakan tugas-tugas dalam urusan pendaftaran pemilih di negeri mereka dilantik.

Selain daripada itu, fasal 4(1)(e) rang undang-undang juga mencadangkan agar SPR melantik apa-apa bilangan penolong-penolong pendaftar pemilih sebagaimana yang difikirkan perlu. Pelantikan ini diharapkan dapat membantu SPR dalam usaha untuk meningkatkan lagi jumlah pemilih pendaftar yang baru. Fasal 4(3) adalah bertujuan untuk menyelaraskan dengan pindaan di bawah fasal 4(1) manakala fasal 4(4), fasal 4(4A) dan fasal 4(5) adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi menjelaskan fungsi dan kuasa pegawai-pegawai yang telah dilantik.

Fasal 5 dan 6 rang undang-undang telah memperkatakan pindaan undang-undang kepada seksyen 14 dan seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958. Pindaan-pindaan ini adalah pindaan yang berbangkit daripada pindaan kepada tarif pusat mengundi dan tempat mengundi di bawah seksyen 2. Ini dibuat bagi menyelaraskan istilah yang lebih tepat dan selari dengan cadangan tarif pusat mengundi dan tempat mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 2, seksyen 7, seksyen 8, seksyen 14 dan seksyen 16, Akta Pilihan Raya 1998 merupakan pindaan-pindaan yang bertujuan bagi memperkukuhkan peruntukan sedia ada supaya lebih kemas dan teratur dan selari dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Dato' Haji Rizuan.

■1620

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pilihan raya Tahun 2007. Terima kasih kerana bagi peluang awal kepada saya, kerana kalau kita bercakap lewat nanti banyak perkara yang tidak boleh disampaikan.

Pertama sekali saya hendak sentuh fasal-fasal yang telah dibincangkan tadi, yang disebutkan tadi. Fasal 2, mengenai seksyen 2, Akta Pilihan Raya 1958. Takrifan baru 'pusat mengundi' bagi meminda takrif 'tempat mengundi'. Pusat mengundi yang kita tahu adalah seperti mana yang kita biasa dalam pilihan raya. Saya telah pun mengalami tujuh kali pilihan raya, satu kali mengundi dan enam kali jadi pengurus atau pun pengarah pilihan raya di kawasan saya.

Jadi yang menjadi masalah sekarang ini yang kita tahu, pusat mengundi ialah sekolah. Sekolah untuk mengundi dan atau pun di kampung-kampung dipanggil dewan orang ramai atau pun pusat komuniti. Tempat mengundi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah bilik darjah atau pun saluran-saluran di dalam bilik darjah tersebut atau pun di dalam dewan orang ramai atau pun dalam pusat komuniti.

Satu daerah mengundi, wujud satu pusat mengundi. Dalam pusat mengundi ada banyak tempat mengundi iaitu banyak saluran; satu, dua, tiga, empat, lima. Contohnya Parlimen di kawasan Wilayah Persekutuan, satu kawasan Parlimen mengandungi 13 daerah mengundi. Satu kawasan di kawasan lain di Wilayah Persekutuan, satu kawasan dewan undangan negeri, mengandungi misalnya sepuluh daerah mengundi atau tiga atau empat kawasan undangan dewan negeri, mewujudkan satu kawasan Parlimen.

Permasalahannya, kenapa selalu timbul pusat mengundi atau sekolah sesak, jam, beratur, berbaris panjang berjela-jela. Sistem sekarang ini tidak begitu efisien. Komputer kalau kita kata SPR hebat tetapi kalau kita pergi kalau ingat pilihan raya tahun 2004, komputer rosak. Di negeri Selangor terpaksa dilanjutkan sampai dua jam. Jalan masuk kawasan tempat mengundi atau kawasan sekolah ini *jam*. Kemudian pengundi-pengundi tercari-cari bilik darjah, betul tak? Tercari kah sana ke mari. Sebab itu saya rasa sistem yang ada ini perlu diperbetulkan.

Kenapa sudah tahu tahun pilihan raya yang lalu, ada setengah itu mengundi di sekolah 'A'. Kemudian tahun ini pula, pilihan raya tahun ini pula mengundi di sekolah 'B'. Jadi mereka tercari-cari. Mengapa tidak maklum di peringkat awal. Kenapa selalu berubah-ubah. Ini sebab rakyat selalu merungut. Orang malas hendak keluar mengundi kerana pergi, menyusahkan. Hujan malas hendak

keluar mengundi. Itu satu daripadanya. Kemudian parti politik macam UMNO terpaksa bekerja keras kerana hendak membawa mereka ke tempat mengundi dari rumah ke rumah. Ini kerana kita tahu parti kita ini parti hebat. Kita tahu sebelum pilihan raya kita sudah tahu sekolah mana hendak mengundi. Sekolah 'A' berapa orang, orang kita. Jadi kita pergi ambil. Supaya kita mahu menang dalam pilihan raya.

Jadi kenapa sistem sekarang ini tidak dipermudahkan. Sekolah iaitu sebagai pusat mengundi. Saya kira sekolah yang telah wujud 10, 20 tahun, masih digunakan untuk pusat mengundi di sekolah yang sama. Sedangkan kalau kita lihat sekolah, macam-macam sekolah menengah, sekolah kebangsaan tetapi masih menggunakan sekolah lama. Satu pusat mengundi menerima tempat mengundi, dua, tiga, empat, lima daerah mengundi. Sekarang ini di *standardize* sebanyak 3,000 hingga 4,000 satu daerah mengundi.

Saya hendak beri contoh yang saya sendiri alami iaitu di Parlimen Kepong. Kita dulu ada 18 daerah mengundi. Sekarang ditambah tiga lagi menjadikan 21. Sekolah dahulu kita ada 10, sekarang ini sudah menjadi 12 tetapi yang baru-baru ini sudah naik sudah jadi 15 tetapi masih digunakan 15 sekolah. Kenapa SPR tidak peka? Ini saya minta dijawablah.

Kenapa masih menggunakan satu daerah mengundi atau satu tempat mengundi satu sekolah, menggunakan empat daerah mengundi? Kenapa tidak mempermudah satu daerah mengundi, satu pusat mengundi atau pun kalau terlalu banyak satu daerah mengundi dua pusat mengundi, ia lebih senang. Tidak *jam*, tidak sesak. Masalah kedudukan daerah mengundi dan sempadan kawasan pilihan raya. Ini saya hendak sentuh kerana saya telah kehilangan sebanyak 1,000 orang pengundi. Ini kerana hendak menentukan kawasan dan sempadan pilihan raya, kerana bila sempadan pilihan raya di tengah-tengah ada satu taman. Taman itu, Taman sebelah sana Kepong, sebelah sini Batu. Oleh sebab taman di sebelah Kepong itu tidak ada sekolah, maka orang-orang-orang Kepong kena pergi Batu, kena pergi mengundi di Batu.

Sekarang kawasan sebelah Kepong itu sudah ada sekolah. Tiga sekolah. Kenapa SPR tidak peka? 1,000 orang ini perlu di bawa balik ke Kepong untuk mengundi di sekolah yang sudah ada. Kenapa SPR duk tunggu laporan daripada orang ramai, laporan daripada PBT, kenapa tidak sensitif? Sepatutnya mereka menyedari hal ini, mereka tahu sempadan ini, taman ini telah masuk ke Kepong, mereka kena tukar. Tukar supaya pengundi ini mengundi di Kepong, tetapi hendak tukar sekarang ini kena tunggu tahun 2014, ya Yang Berhormat? Kena tunggu persempadanan semula, baru boleh tukar. Kalau tidak orang Batu akan bantah kerana mereka dapat 1,000 pengundi. Bila kali ini pilihan raya 2008 atau 2009, 1,000 pengundi itu hilang masuk Kepong, tidak boleh.

Jadi perlulah Yang Berhormat fikir bagaimana hendak sistem SPR ini boleh efisien untuk supaya mereka tidak pergi kawasan yang terlalu ramai atau pun orang Kepong akan hilang. Saya tengoklah, saya tengok sejarah di Kepong, tahun 1995, kita kalah 5,000. Tahun 1999 kita kalah 1,799. Tahun 2004 kita kalah 1,554. Makin menurun kalah, tetapi kalau masuk 1,000 pengundi ini, saya menang. Kepong tidak lagi akan dikongkong oleh pembangkang. Pembangkang bukan tahu

buat apa. DAP tidak ada peruntukan. Cakap dengan gigi dengan lidah sahaja. Tidak ada peruntukan, duit tidak ada tetapi oleh kerana popular Tan Seng Giaw, kerana 1,000 pengundi saya hilang maka orang mengundi di sana.

Saya percaya bila wujud kawasan perumahan di bandar raya seperti kawasan perumahan rakyat PPR, cukup banyak blok selama ini dan bagaimana SPR hendak menentukan bahawa orang kawasan blok PPR ini, kalau sempadan yang terkena macam saya ini, hendak mengundi di Batu atau hendak mengundi di Kepong atau hendak mengundi di Selayang?

Jadi inilah satu perkara yang saya hendak utarakan supaya perkara ini harus dilihat secara mendalam. Bukan hanya duduk, pakai keputusan atas kertas. Tengok pelan, masuk kertas. Batu, Kepong, bukan begitu. Kita kena turun di bawah. Turun tanya parti-parti politik, parti pembangkang ke, parti kerajaan, tanya. Sebab itu kita harus adil bagi semua pihak.

Sebagai contoh saya hendak bagi tahu di kawasan saya ada satu taman. Taman Intan Baiduri. Di kawasan ini ada sedikit kawasan Kepong, ada sedikit kawasan Batu dan di Taman Intan Baiduri ini sudah ada tiga sekolah. Sekolah St. Mary yang pindah daripada belakang kompleks kewangan itu, Sekolah Menengah St. Mary, Sekolah Rendah St. Mary, masuk ke kawasan Kepong dan Sekolah Kebangsaan Taman Intan Baiduri.

Jadi orang-orang ini, orang Intan Baiduri sekarang ini, sepatutnya mereka ini mengundi di Kepong tetapi mereka terpaksa mengundi di Sekolah Seri Murni yang di kawasan Batu. Jadi saya mintalah kalau boleh, akan datang ini tahun 2008 memang saya tidak ada rezekilah, tetapi tahun 2014 saya hendak lihat bahawa Barisan Nasional Kepong akan menawan, akan mengalahkan DAP... [Tepuk].

Keduanya, saya juga terbaca *statement* daripada pengerusi SPR Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dan juga *statement* daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

■1630

Cadangan menggunakan sistem biometrik seperti Jabatan Imigresen untuk memudahkan kerana yang pertamanya hendak mengelakkan pengundi hantu yang disebutkan oleh parti pembangkang, ini caranya. Kenapa SPR minta tambahan RM40 juta? Kerana ada 25,000 daerah pengundi, tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ada 330,000 yang masih menggunakan IC biru iaitu IC lama dan mereka ini terdiri daripada 330,000 dan terdiri daripada 11 juta pengundi. Cuba bayangkan, 330,000 dengan *balance* nya 10.7 juta. Jikalau kita menggunakan sistem biometrik ini, menggunakan MyKad dan pengimbas jari, 10.7 juta boleh menggunakan sistem biometrik. 330,000 pengundi gunakan sistem lama dalam buku daftar pemilih, apa salahnya.

Kenapa payah sangat hendak luluskan RM40 juta? Saya ingat kalau pergi jual banyak Nuri yang tersadai dan yang tidak boleh pakai itu, sudah boleh *cover* RM40 juta itu. Betul atau tidak? Jadi saya fikir sistem biometrik ini, sistem yang telus, sistem yang moden, cepat dan tidak menyusahkan orang ramai. Jadi tidak timbullah soal pengundi-pengundi hantu yang disebutkan oleh rakan-rakan pembangkang saya kerana SPR tahu hari ini ada 22,433 pengundi yang tidak tahu status

warganegaranya. Mereka akan putus hari ini, hari ini hari Selasa ikut *statement* ini. Hari Selasa akan diputuskan, hari ini.

Jadi selepas ini tidak akan wujud lagi pengundi hantu yang disebutkan oleh parti pembangkang. Selain daripada itu, saya juga ingin mengutarakan masalah kurang koordinasi di antara SPR dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Kadang-kadang SPR salahkan JPN dan JPN salahkan SPR. Hari ini saya percaya mereka kena duduk semeja untuk mengatasi masalah ini. Nombor kad pengenalan lama yang tidak ada dalam senarai *database* JPN. Walaupun mereka ini telah mengundi lama, mereka dipertikaikan tetapi SPR kata mereka masih boleh mengundi kerana kad pengenalan biru yang lama ini dikeluarkan pada tahun 1990. Ada kita punya orang kampung, tok-tok yang berumur 60 hingga 70 tahun, macam mana dia hendak pergi tukar? Siapa yang hendak membawa mereka ini pergi ke pejabat pos? Jadi mereka ini harus dibenarkan untuk mengundi.

Yang keduanya, masalah kadang-kadang kita dengar JPN ini failnya hilang, bangunannya di PJ terbakar beberapa kali, betul atau tidak? Ada yang sabotaj, bawa lari fail itu. Saya percaya JPN pun kena lihat, kena teliti dan kena ada *back-up* sepertimana kalau hilang fail itu. Sekarang ini ada, kalau ada hilang dalam komputer ini, ada dalam komputer lain yang menyimpan data-data ini. Ini penting. Kalau data ini ada dalam SPR tetapi tiada dalam JPN, satu masalah lagi timbul. Sebab itu SPR sekarang menggunakan dua sistem. Satu sistem...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, kalau berdasarkan hujah Yang Berhormat itu tadi tentang koordinasi di antara SPR dengan Jabatan Pendaftaran Negara, apakah Yang Berhormat setuju bahawa kalau begitu untuk memudahkan, kita gunakan sistem yang dipanggil sebagai Sistem Automatik Layak Mengundi ini. Mereka itu secara automatik apabila berumur 21 tahun, maka dia berdaftar secara automatik sebagai pengundi. Jadi tidak perlu lagi sekarang ini kita hendak suruh buat kempen daftar sebagai pemilih dan sebagainya. Jadi maksudnya secara automatik Jabatan Pendaftaran Negara bila dah *confirm* orang itu berumur 21 tahun, maka dia secara automatik dia itu adalah pemilih.

Jadi tidak perlu lagi membuat kempen dan sebagainya. Jadi tidak timbul soal pengundi hantu dan ini sebenarnya dilaksanakan di negara lain. Dengan cara ini juga, kita boleh melaksanakan seperti apa yang dibuat di Australia iaitu pengundian wajib. Semestinya wajib orang itu mengundi, sebab dia secara automatik sudah didaftarkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Satu lagi Yang Berhormat, barangkali juga dengan cara ini sebenarnya kita lebih efisien iaitu menggunakan sistem *e-voting* iaitu mengundi menggunakan secara bukan maksud saya *internet*, tetapi elektronik. Sebab kalau di Amerika mengundi secara elektronik, maka pengiraan undi juga mudah. Tidak payah hendak kira satu-satu lagi iaitu ia terus di *verified* dengan komputer dan sebab itulah keputusannya lebih mudah, lebih cepat dan lebih efisien sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, bab yang pertama tadi saya memang setuju dari dahulu, tetapi masalahnya kalau kita gunakan secara sistem automatik ini, ada pihak-pihak yang memikirkan dia ada keuntungan ataupun ada pihak yang mengatakan dia kerugian. Jadi ada sesetengah orang remaja 21 tahun ini, dia peduli apa pergi mengundi? Masalah itulah. Jadi kalau daftar nama dia pun dia kata, "Ah! Saya tidak minatlah mengundi". Jadi apa perlu dia pergi mengundi? Kita pula hendak terkocoh-kocoh hendak pergi kempen, hendak bawa mereka pergi mengundi. Lebih baik orang yang minat mengundi ini dia 21 tahun, dia pergi daftar sebab dia minat mengundi, tetapi kalau dia tidak minat mengundi *you* taruhlah automatik macam mana pun dia tidak akan pergi mengundi. Lagi satu parti-parti yang ada di dalam Malaysia ini, dia ada tengok ada *disadvantage* dan ada *advantage*. Jadi ini menyebabkan kerajaan berfikir. Cadangan itu memang bagus, tetapi terpulanglah kepada kerajaan.

Yang keduanya undi secara elektronik. Saya ingat sistem ini kalau kita cuba di Malaysia memang hebat, tetapi belum sampai masanya lagi, tetapi Yang Berhormat boleh cadanglah, Menteri boleh jawab selepas ini.

Saya hendak teruskan, cadangan SPR untuk tukar kotak mengundi. Ini satu cadangan yang baik. Hendak tukar kotak undi, berapa nak belanja? RM100 juta. Saya setuju RM100 juta, tak mengapa. Lepas jual Nuri nak jual apa pula? Jual kapal selam satu. Dapat RM100 juta. Jadi duit ini digunakan untuk tukar kotak undi yang boleh nampak, *transparent*, bukan kotak undi hitam. Kotak undi hitam, Nuri yang jatuh tak pakai kotak hitam, lima hari tak jumpa. Yang pakai kotak hitam ini baru jumpa, tetapi dalam SPR ini, dalam pengundian ini kena pakai kotak yang dicadangkan iaitu kotak *transparent, see-through*, banyak *advantage* nya. Letak di depan, orang pergi mengundi, dia akan masuk nampak kotak undi di dalam. Jadi tidak timbul, dia pergi mengundi, dia protes, dia bubuh dalam poket...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, silakan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang bersetuju nak tukar kotak undi itu kerana kita nak bagi nampak kertas mengundi kah jatuh dalam itu kah? Okey, terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Bukan itu sahaja, ada macam-macam lagi saya nak cerita ini. Bukan itu sahaja, satu kotak apabila masuk, dia masuk ke dalam. Jadi kita nampak orang yang tipu ini, dia pergi dan dia protes. Dia kata, "Ah! Saya tak nak biar hilanglah". Dia menyusahkan kerajaan, bila kira undi, tengok-tengok tidak *tally*. Hendak menyusahkan kitalah itu, sebab dia masukkan kertas undi dalam poket, dia pergi. Jadi kita tidak nampak, tapi bila depan ketua tempat mengundi, dia masukkan dalam kotak ini, ketua tempat mengundi nampak dia masukkannya. Jadi kata kawan ini, "Eh tipu, tidak masuk, bawa balik sini. Dalam poket ada itu".

Jadi yang selain daripada itu, senang bila hendak kira undi, kotak itu dibawa ke bilik darjah tempat mengira undi. Maka tengoklah, yang ini penuh, yang ini penuh, yang ini penuh. Jadi

semuanya penuh, tidak timbul soal kata kotak ini tipu - yang dibawa daripada luar, kosong ataupun separuh. Jadi apabila kira undi, dituang, semua kotak kosong dia akan letak di tepi. Semuanya dikira di atas meja itu yang ada banyak mangkuk ataupun raga yang mana kertas undi akan diisi di dalamnya. Jadi tidak timbul soal yang mana satu telah kita kira kotak. Yang kosong itulah yang kita telah kira. Jadi tengok yang kosong, ada melekat tidak. Tidak ada melekat dan kalau kotak hitam, hendak kena buka kotak hitam kalau berlaku tidak *tally*, buka lagi, rongkah lagi kotak itu, tengok ada yang terlekat kah undi. Bukankah ini menyusahkan? Inilah *advantage*. Jadi saya percaya kerajaan carilah duit RM100 juta ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan sekali lagi.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat merasakan bahawa ini bermakna SPR sekarang ini sistemnya *outdated*, ketinggalan.

■ 1640

Saya mengambil contoh tentang perkataan, ayat, borang yang perlu diisi oleh calon, contohnya iaitu bahawa pencadang ataupun penyokong mestilah mengundi di bahagian tersebut. Orang salah faham mereka ingatkan bahagian UMNO ataupun sebagainya sedangkan bahagian itu maksudnya ialah DUN. Patut tukarlah perkataan “Bahagian” kepada “DUN” ataupun “Parlimen” senang orang hendak faham. Ini kita pun tak faham kenapa digunakan perkataan “Bahagian”. Itu yang PAS menang percuma itu.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Soalan Yang Berhormat ini ada hubungan dengan kotak undi kah? Tak ada pun. Tak ada, tak apalah jawab kemudianlah itu. Sebenarnya saya setuju.

Sebenarnya bukan kerajaan tidak bersetuju ataupun tidak ada cukup peruntukan RM100 juta, sudah ada pun dan perkara ini akan dilaksanakan untuk pilihan raya akan datang. Ini suatu perkara yang baik. SPR memang *up-to-date* yang ini. Sebab itu saya percaya dengan adanya kotak undi yang *transparent* ini banyak membantu kita menyelesaikan masalah.

Seterusnya saya juga hendak sentuh tentang nombor siri dalam kertas undi. Macam duit, kertas undi, duit pun ada nombor siri jadi senang hendak kira, tetapi puak-puak pembangkang ini dia bantah. Dia kata kerajaan ambil kesempatan. Tujuannya dia kata dia boleh tahu nombor siri orang ini, ini pengundi ‘A’. Nombor siri ini, ini pengundi ‘B’. Bukan itu, itulah sebab saya kata mereka ini fikiran kadang-kadang jauh sangat tidak betul, prejudis.

Yang kerajaan buat sekarang ini, kerajaan kita maha adil. Walaupun SPR bebas, parti PAS, parti DAP atau Keadilan membantah, sekarang ini tidak akan ada lagi nombor siri. Ini cukup baik dan kalau sesuatu tempat, katakanlah BN hendak menang hantamlah nombor kertas ada siri, tidak ada siri pun BN menang jugalah. Kalau kawasan di Kelantan, kawasan itu PAS hendak menang, menang jugalah PAS. Tidak kira nombor siri ini. Soal nombor siri ini tidak timbul.

Seterusnya saya hendak memperkatakan tentang undi pos. Ini cadangan pembangkang juga. Kalau boleh undi pos ini dihapuskan kerana undi pos ini banyak memihak kepada Barisan

Nasional, pihak kerajaan, polis dengan tentera mereka perlu undi Barisan Nasional. Kalau tidak undi Barisan Nasional, periuk nasi dia hangus. Tidak betul. Kadang-kadang kita lihat mereka ini sebenarnya kalau disuruh pergi mengundi, mereka tengah bertugas di sempadan, macam mana hendak pergi? Mereka bertugas di sempadan sebab itu kerajaan kita maha adil. Sebab itu kita adakan undi pos dan orang kata pula, pangkah di hadapan ketua dia.

Cuba tengok pilihan raya tahun 1999, kenapa di Bukit Bintang sebanyak 5,000 pengundi pos bagi kepada pembangkang, kenapa? Tahun 2004 hampir-hampir menang Bukit Bintang cuma kalah 304 undi sebab pertolongan daripada undi pos, jadi kita hendak mempertikaikan undi pos ini tidak betul. Kalau selera mereka, polis dan tentera ini hendak sokong kerajaan dia sokonglah. Kalau selera dia tidak menyokong kerajaan, dia tidak akan sokong, jadi tidak timbul hendak hapuskan pengundi pos.

Satu perkara lagi saya ingin sentuh di sini tentang pusat mengundi ini ataupun pusat penamaan calon yang baru-baru ini kita ada *Ijok by-election*, Pilihanraya Kecil Ijok. Saya lihat budaya bergaduh, gengsterisme, baling batu, baling botol, baling payung, baling kayu bendera, ini masih lagi menjadi satu budaya yang saya ingat budaya yang merosakkanlah.

Parti Barisan Nasional ini kalau kita berarak kita cukup disiplin, tetapi parti pembangkang ini dia sudah tahu dia hendak kalah. Dia sudah tahu dia kalah, dia buat hal supaya kalau dapat keputusan boleh membatalkan keputusan pilihan raya itu. Saya lihat di Ijok, saya sendiri pergi dan pada waktu paginya semua orang beratur, pembangkang sana, Barisan Nasional di sebelah sini tetapi puak-puak Keadilan ini tidak ikut perintah. Dia ikut suka hati dia sahaja sebab dia tahu dia ada agenda dia. Kalau boleh dia hendak langgar peraturan yang ditetapkan oleh SPR dan polis. Dia pergi masuk jalan yang salah, jadi bertembunglah dengan orang kita. Maka tendang menendang, terajang menerajang dan kenapa pihak polis tengok sahaja tidak ambil tindakan langsung, tengok sahaja orang terajang menerajang ini. Ini pun satu tidak betul.

Yang keduanya bila pergi beratur, saya tengok ada masa, kita lagi sepuluh hari hendak adakan hari penamaan calon, ada masa cukup panjang. Dia boleh letak ini *barrier* untuk BN, ini *barrier* untuk pembangkang, sepuluh kaki jarak dia. Ini hendak cari nahaslah. Kenapa tidak boleh buat 50 kaki. Kalau hendak baling batu pun tidak kena. Kalau hendak baling payung pun tidak kena, ini bila kita tengok dalam TV, bukan sahaja batu, payung tetapi batang bendera itu dipotong dua jadi tajam dibaling, kalau kena orang boleh mati macam mana? Ini kesilapan pihak polis dan SPR.

Saya dengar SPR telah mencadangkan supaya kita gubal satu undang-undang, buat satu peraturan baru menghadkan penyokong-penyokong pergi ke hari penamaan calon. Ini tidak betul. Ini kesilapan mereka, apa pasal hendak hadkan. Kalau Barisan Nasional ada penyokong ramai, hantarliah 10,000, tak apa. Parti pembangkang, dia bukan ada orang. Orang tempatan ada 500, dia import orang luar banyak.

Soal ini tidak timbul, perarakan kalau kita buat kena ikut peraturan, polis dan SPR kena jaga, kena tahu kerana keselamatan. Mereka bercakap buat undang-undang, macam-macam undang-

undang tetapi kadang-kadang apa dia kata, jawatankuasa pemantauan, pemantauan apa kalau dah baling kayu, baling botol air, baling batu. Ini suatu perkara yang harus dilihat supaya kita hendak menentukan pilihan raya akan datang ini bersih daripada gengsterisme, bergaduh dan juga bertumbuk dan kadang-kadang buat laporan polis, bukan ambil tindakan pun. Kadang-kadang laporan polis biar begitu bertahun-tahun baru ambil tindakan. Kadang-kadang tidak ambil pun.

Seterusnya saya hendak sentuh di sini mengenai pondok panas atau barung SPR. Kita dahulu selalu pakai barung atau pondok panas Barisan Nasional, lebih mudah. Kita pasang kita ikut peraturan. Dia kata 50 meter, 50 meterlah kita buat. Dulu tak apa dekat-dekat dengan pintu pagar, sekarang dia kata 50 meter, kita buatlah 50 meter, tetapi yang menjadi masalah setengah-setengah kawasan 50 meter pun dia tak bagi. Dia suruh buang, kemudian dia kata kalau boleh buat setelah diumumkan pilihan raya, hari ini juga kena buat 50 meter itu. Kalau buat satu hari sebelum pilihan raya tidak boleh, kena buang. Undang-undang apa macam ini, menyusahkan sedangkan orang ramai kalau datang dia pergi ke barung, penuh barung Barisan Nasional, barung PAS, barung DAP kosong tidak ada orang jadi memudahkan sebab kita parti kerajaan, kita menggunakan banyak kemudahan kita dan kita menarik banyak pengundi.

Sebab itu saya percaya barung yang digunakan oleh SPR di dalam kawasan sekolah itu, barung itu amat sesak. Satu barung, dua barung pun amat sesak, jadi orang sudah tidak pergi kawasan di luar, orang pergi di dalam kawasan sebab barung di luar tidak dibenarkan, mereka terpaksa masuk barung SPR yang terlalu sesak, maka terjadilah katalah komputer rosak, seperti yang saya sebutkan tadi, lagi kacau.

Orang balik begitu, ramai orang marah, pilihan raya 2004 orang cukup marah dengan kerajaan dan SPR dan bila marah dengan kerajaan, marah dengan parti Barisan Nasional. Ini yang tidak betul. Saya fikir inilah yang patut dilakukan oleh SPR membenarkan barung itu dibina kalau 50 meter dalam peraturan, benarkanlah parti politik bina 50 meter, jangan kita buat sebelum hari mengundi besok kita tengok pihak polis datang roboh, tak betul.

Bab yang terakhir yang saya ingin menyentuh pada petang ini ialah mengenai pindaan seksyen 8, fasal 4. Saya lihat di sini Suruhanjaya telah mencadangkan untuk melantik seorang Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia. Saya tidak tahu sama ada Pengerusi ataupun Setiausaha SPR. Ini harus diperjelaskan kerana kita tidak ada Ketua Pengarah SPR, kita ada Pengerusi dan Setiausaha SPR sahaja, jadi yang mana satu yang betul.

Perkara (b), melantik seorang Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia. Kita tidak ada Timbalan Setiausaha SPR, kalau tidak silap saya kalau ada perlulah Timbalan Setiausaha SPR ini menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pemilih bagi Malaysia.

■ 1650

Dan (c) pula, seorang pendaftar pemilih bagi setiap negeri, ini semua orang tahulah. Kalau pendaftar pemilih setiap negeri mesti Pengarah SPR.

Yang keduanya, jawatan Timbalan Pendaftar Pemilih bagi setiap negeri. Kita tahu di negeri ini memang tidak ada Timbalan Pengarah SPR negeri, tidak ada. Adakah ini jawatan baru? Atau pun kita kena pilih orang lain atau pegawai kerajaan? Saya difahamkan pegawai kerajaan pun boleh jadi Timbalan Pendaftar Pemilih bagi negeri tersebut.

Yang terakhir, bilangan Penolong Pendaftar Pemilih pun akan diwujudkan jika perlu. Saya ingat ini telah pun dilaksanakan di mana parti-parti politik seperti UMNO, MCA, GERAKAN, PAS, DAP boleh menamakan. Ini satu perkara yang baik, yang adil, mereka pun boleh dinamakan sebagai penolong pendaftar pemilih. Seterusnya disebut di sini, seorang pegawai pengadil, macam main bola pula ni. Pengadil apa ni? Jadi saya minta dijelaskanlah kalau boleh.

Seterusnya saya juga hendak sentuh bagi bab-bab yang terakhir ini mengenai pegawai pengurus pilihan raya. Iaitu dalam bahasa Inggeris dipanggil *Returning Officer* yang terdiri daripada *DO-DO*, yang terdiri daripada pengarah-pengarah jabatan kerajaan dan pegawai, penolong pegawai yang terdiri daripada *Assistant DO* dan juga penolong-penolong pengarah di jabatan-jabatan dan juga ada petugas-petugas SPR. Saya lihat dan saya dapat laporan sebagai setiausaha Barisan Nasional Wilayah Persekutuan, saya dapat laporan ada di kalangan yang dilantik ini, mereka terang-terang kerja dengan kerajaan, sedih saya tengok. Kerja dengan kerajaan, makan gaji dengan kerajaan tetapi di belakangnya tulis itu pelekat Keadilan. Mereka ini dilantik menjadi *RO*, dilantik menjadi *Assistant RO*, apakah SPR tidak tapis? Saya tengok ini satu perkara yang perlu bagi SPR melihat bahawa kalau orang macam ini, buat apa? Buat apa kita hendak lantik orang ini kerana orang ini sudah tentu akan *bias*.

Kalau di Kelantan, kita fahamlah, dia lantik orang Kelantan sebab parti PAS memerintah. Dia tulis belakang Keadilan ataupun PAS tidak apalah di Kelantan, tetapi kalau di negeri-negeri lain, kalau tulis perkataan parti pembangkang dilekat di belakang kereta dia, kemudian dia jadi *DO*, sudah tentu dia akan memihak sebelah parti pembangkang. Ini tidak adil jadi saya tidak setuju sama sekali. Harus ada tapisan, jangan biar begitu sahaja. Di Kelantan pun kalau boleh kita kena berkecuali, sebenarnya pegawai-pegawai yang dilantik harus diadakan kursus. Memang ada kursus pun tetapi mereka ini telah diberitahu supaya berkecuali, jangan taruk lambang apa pun di kereta, lambang PAS kah, lambang Barisan Nasional kah, lambang DAP, jangan taruk langsung. Ini telah pun diberitahu tetapi ada puak-puak yang semangat Keadilan yang cukup tinggi, letak juga, yang ini yang saya sedih ini, patut mereka ini disingkirkan daripada awal.

Jadi saya rasa banyak dah yang telah pun saya sampaikan. Jadi saya mintalah kalau soalan-soalan itu minta menteri yang bertanggungjawab untuk menjawabnya supaya kita dapat *clear*, dapat satu penjelasan yang terperinci daripada menteri berkenaan. Jadi sekali lagi saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lima lagi Yang Berhormat yang hendak ucap. Saya beri laluan kepada Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin, selepas itu Dato' Gooi, Puan Siw Chun, Tuan Munusamy dan Dato' Saripah Aminah.

4.54 ptg.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958. Selain daripada istilah tempat mengundi pada seksyen 2 dan 7 Akta Ibu dengan menggantikan perkataan "tempat" kepada "pusat mengundi". Tempat mengundi satu tempat yang dikhususkan pusat mengundi biasanya mempunyai banyak tempat-tempat mengundi atau saluran. Jadi pindaan ini amat perlu bagi memperjelaskan keadaan sebenarnya di pusat-pusat mengundi.

Berikutnya ialah pindaan-pindaan yang timbul daripada seksyen tersebut dan selain dari itu saya ingin bertanya adakah SPR mempunyai syarat-syarat atau peraturan-peraturan tertentu mengenai perkara-perkara seperti salah satu daripadanya ialah saiz poster. Selainnya telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Rizuan tadi. Saiz poster, *banner*, logo dan bendera selalunya apabila ada pilihan raya bendera-bendera yang digunakan atau logo yang digunakan itu melebihi saiz yang dibenarkan oleh SPR. Kalau peraturan-peraturan yang ada saya pernah pergi kepada beberapa pilihan raya dan satu poster yang diletakkan hingga menutupi segala-galanya, terlalu besar. Jadi itu untuk menarik perhatian daripada pengundi-pengundi sedangkan yang lainnya tidak berbuat demikian. Jadi itu satu perkara.

Kedua, logo ataupun bendera ini juga kadang-kadang dipasang tempat-tempat yang terlalu dekat dengan pusat mengundi. Jadi kita harus ingin bertanya adakah ia mengikut Akta Pilihan Raya? Jadi oleh sebab itu perkara-perkara yang seperti ini juga terkandung di dalamnya, kalau sekiranya ia bertentangan dengan Akta Pilihan Raya maka tentulah pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan tetapi berlaku kadang-kadang saya pergi saya tengok sendiri, tidak pernah diambil tindakan.

Kemudian yang kedua ialah isi kandungan yang terkandung pada poster, *banner* berunsur fitnah dan peribadi. Kita lihat selalu berunsur fitnah di dalam poster ataupun *banner* yang digantung ini. Dan ini juga haruslah kita melihat bahawa dia boleh mempengaruhi pengundi-pengundi kerana fitnah ini membawa kita kepada sesuatu yang boleh kalau dalam agama sama seperti orang yang membunuh seseorang. Jadi bererti dia bunuh orang kerana ia merupakan satu fitnah. Kadang-kadang ditulisnya itu sebagai contoh ada pernah saya lihat satu contoh dia tulis di situ yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan juga Islam. Dia tulis di situ "*Badawi di negeri Arab jaga unta, Badawi di negeri ini jaga babi*". Jadi ini sesuatu yang sangat memalukan.

Jadi perkara-perkara seperti ini sebagai contoh yang tidak patut ada pada poster atau *banner* yang telah dipasang. Kita tulislah undilah parti *whatever* tetapi tidaklah sepatutnya mengenakan perkataan-perkataan yang seperti itu terkandung pada poster dan *banner-banner* ini berunsur fitnah ini akan membawa sesuatu yang tidak baik.

Perkara yang ketiga ialah tempat-tempat yang dipasang *banner* ini juga dan poster ini juga kadang-kadang boleh menjejaskan kerana ada di antaranya ia mengganggu pengundi-pengundi atau orang-orang ramai terlalu dekat dengan pusat mengundi, ia pernah berlaku. Dan apa yang berlaku

juga ialah penyokong-penyokong parti ada kalanya mengganggu pengundi-pengundi yang masuk ke pusat-pusat mengundi dengan masuk ke pusat-pusat mengundi terlalu dekat dengan kawasan-kawasan mengundi. Mereka kadang-kadang menyekat pengundi-pengundi yang masuk duduk di pintu itu dan di situ mereka pula mengambil kesempatan dan berkempen di situ. Sedangkan pada hari itu sudah tamat malam jam 12 tidak boleh berkempen lagi tapi mereka tarik di sebelah itu dan dia berkempen lagi suruh itu suruh ini. Kadang-kadang seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Rizuan tadi juga memakai lencana sebab dalam peraturan pilihan raya tidak dibenarkan memakai apa-apa pun lencana mana-mana parti politik untuk berada di pagar atau di kawasan mengundi.

Jadi ini perkara-perkara yang harus kita lihat bahawa pihak SPR dapat memantau perkara ini supaya ia tidak terus berlaku. Jadi pengundi-pengundi yang masuk ini kadang-kadang dia seolah-olah macam memaksa. Jadi ini tidak ada kebebasan kepada pengundi kerana pengundi ini harus diberi kebebasan untuk mengundi dan kita boleh berkempen sebelumnya sudah ada sembilan hari, sekurang-kurangnya berkempen untuk parti kita tetapi tidak semestinya pada hari mengundi itu kita lakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan kelancaran pilihan raya.

Dan kedua telah disebutkan tadi warung, saya sebut di sini gerai atau warung, sama sahaja. Semakan pengundi, mereka berebut-rebut menarik, kadang-kadang memaksa pengundi-pengundi untuk datang ke gerai mereka dan kadang-kadang dipaksanya dan ada berlaku pergaduhan-pergaduhan seperti ini.

- 1700

Jadi ini yang saya ingin mencadangkan, adakah pihak pilihan raya mempunyai peraturan ataupun undang-undang atau peraturan yang membolehkan pihak pegawai pilihan raya dapat berada di tempat-tempat ini supaya melihat apa yang berlaku supaya dapat mengawalinya. Adakah Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai kuasa untuk menghalang kejadian-kejadian seperti ini selain daripada polis bagi melancarkan perjalanan pilihan raya. Benda ini selalunya berlaku perkara yang tidak diingini berlaku seperti mana yang kita dengar tadi, ada yang balik kayu, baling botol kerana marah dan ini semua boleh berlaku dan bertengkar, maki hamun menggunakan kata-kata yang kesat yang tidak sepatutnya terkeluar daripada mereka dan berunsur fitnah dan berbagai-bagai lagi.

Saya tidak perlu sebutkan satu persatu, kita semua tahu dan saya ingin bertanya sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai peraturan yang saya sebutkan tadi untuk meletakkan seorang pegawai di sana bagi mengawal perkara-perkara yang demikian supaya tidak berlaku. Jadi kalau kita lihat lagi satu ialah dari pindaan seksyen 8, kita lihat banyak pegawai baru yang akan dipilih dan dilantik dan fasal 4(a), subseksyen 8(1) ini ada apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih sebagaimana yang difikirkan perlu.

Jadi, kalau tidak ini barangkali boleh digunakan mereka yang dilantik ini untuk mengawasi perkara ini kerana dia amat perlu bagi mengawal keadaan yang sedang berlaku dan kadang-kadang kita boleh menjejaskan kelancaran pilihan raya. Kemudian, adakah nama-nama dari kementerian yang telah semak berapa ramai kah pekerja mereka yang belum berdaftar kerana kadang-kadang

kita lihat kementerian-kementerian juga ada di antara kementerian-kementerian, pekerja dan juga pegawai mereka yang tidak berdaftar pun dengan pilihan raya. Jadi, amatlah merugikan. Kalau kita lihat di dalam statistik yang ada, hampir 70,000 yang tidak berdaftar dengan pilihan raya. Jadi kita amat rugi kerana tidak berdaftar, tidak boleh mengundi. Apabila tidak boleh mengundi, kita tidak dapat menggunakan kuasa yang ada pada kita sebagai pengundi untuk memilih pemimpin kita.

Seterusnya kakitangan awam juga yang berdaftar semuanya, sudah kah semua kakitangan awam yang berdaftar, adakah ini tugas dan tanggungjawab SPR untuk memantau setiap kakitangan awam melalui jabatan-jabatan tertentu untuk melihat sama ada mereka sudah berdaftar dengan pilihan raya, dengan SPR. Jadi, satu lagi perkara yang selalu saya lihat dan saya terlibat secara langsung selalunya pada pilihan raya, kereta-kereta yang membawa pengundi tidak terkawal. Kadang-kadang keterlaluan banyaknya tidak dihadkan. Satu-satu tempat mengundi itu kita tahu kadang-kadang tempat itu amat sukar, sempit, jalannya juga sempit, tempatnya amat terhad apatah lagi apabila ada pilihan raya terlalu banyak. Jadi apabila dibenarkan terlalu banyak kereta untuk membawa pengundi-pengundi, maka ada di antara pengundi-pengundi yang tidak sempat dan tidak sampai ke tempat mengundi kerana dihalang oleh kereta-kereta yang membawa pengundi-pengundi dari parti-parti yang bertanding.

Jadi, barangkali ada satu peraturan sepatutnya berapa banyak kereta yang boleh dibenarkan untuk masuk ke sana membawa pengundi dengan memantau keadaan tempat itu, kita tahu tempat itu boleh masuk 50 kereta, kalau lebih memang *jam*. Kita harus ada pemantauan. Barangkali pihak JPJ ataupun polis dapat memberikan pandangan ini kerana kita tahu dia boleh menyebabkan beberapa kesesakan jalan raya. Sebab saya pergi, ada satu tempat saya tak mahu sebut, ada di antara pengundi tak sampai ke tempat itu, waktu pun dah habis pukul lima kerana terlalu banyak, dia bawa dengan kereta, nak pergi tak boleh jadi orang terpaksa jalan kaki. Turun dan berjalan, akhirnya tak sampai ke tempat mengundi.

Jadi ini semua merugikan kerana mereka telah membawa pengundi-pengundi dan ada di antaranya juga berebut-rebut untuk mengambil pengundi-pengundi ini dan mereka tidak ada had dan tentulah apabila tempat mengundi itu di kawasan itu, penduduk-penduduk di kawasan itu akan menggunakan segala kenderaan yang ada di kawasan itu untuk membawa pengundi di kawasan itu dan apabila ada pengundi dari luar nak masuk, tak dapat kerana dia terlalu banyak dan perkara ini juga haruslah dipantau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi kita melihat semula bahawa perkara ini dapat kita atasi dan saya mencadangkan supaya perlulah dihadkan untuk mengawal keselamatan dan kesesakan di pusat mengundi kerana dia merupakan sesuatu yang amat sukar bagi kita untuk mengawal pada ketika itu. Dan dengan itu saya melihat bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi ada lagi beberapa perkara yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Rizuan tadi, kerana itu saya tidak berhajat untuk melanjutkannya dan saya dengan ini mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Gooi Hoe Hin.

5.05 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih sekali lagi saya ucapkan dan suka cita saya kerana berkesempatan serta berpeluang untuk menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihan Raya walaupun pindaan-pindaan bagi pandangan saya berhasrat untuk menambah baik dan mengemas kini proses pilihan raya seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat menteri tadi. Namun amat penting dan asas ialah pilihan raya merupakan tonggak pada menegakkan demokrasi yang melambangkan kuasa rakyat dalam menentukan hak mereka demi memilih sebuah kerajaan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang senantiasa memastikan rang undang-undang pilihan raya lengkap, teratur dan sempurna sejajar dengan moto SPR iaitu Cekap dan Telus.

Seperti kebiasaan, saya tidak akan berhujah tentang pindaan-pindaan tertentu tetapi lebih eloknya dalam membuat huraian sedemikian, saya lebih cenderung melihat dalam kaca mata secara dasar dan umum dan prinsip-prinsip pilihan raya. Apabila menyebut sahaja pilihan raya, mulanya terfikir tentang demokrasi. Kini di dunia terdapat lebih kurang 192 negara berperlembagaan seperti negara kita dan kesemuanya menyatakan mereka adalah demokratik. Malaysia sebaliknya merupakan sebuah negara yang masih cukup muda dan sistem demokrasi berparlimen mengikut corak *Westminster*.

Kita, Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan yang mulia ini juga merupakan sebahagian demokrasi yang dicorakkan acuan dalam Malaysia. Walaupun diwarisi konsep *Westminster*, Malaysia sebuah negara yang cukup-cukup amat unik. Dalam laman web SPR, negara kita mempunyai 27 parti-parti yang didaftarkan dengan SPR. 15 di Semenanjung, 7 di Sabah dan 5 di Sarawak. Namun, kita berlainan konsep dan prinsip kongsi kuasa yang diasaskan oleh kepimpinan kita, pengasas kita Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Mendiang Tun Tan Cheng Lock, Mendiang Tun VT Sambathan sesuatu yang amat-amat luar biasa dalam dunia demokrasi yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedia maklum, kita berpakat dahulu, kita bergabung, kita terikat sebagai satu keluarga barulah kita bertanding untuk dipilih dan dihakimi oleh rakyat.

Keluarga ini dari alliances dan kini Barisan Nasional. Kita semua harus ingat-ingat, kita tidak sepatutnya begitu senang lupa sahaja tetapi permuafakatan *consensus* ini saya ingin menekankan iaitu permuafakatan tiang agama dan kita semua hayati kepercayaan kepada Tuhan.

■ 1710

Permuafakatan tentang bahasa dan kita semua menerima bahasa Melayu dan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Permuafakatan tentang hak istimewa atau kita semuanya hormat dan memahami perlunya bantuan istimewa diberikan kepada kaum Melayu yang pada hemat saya, dalam hati sanubari saya yang sekian lama ini benar-benar menjadi tunjang, maka kita semua sebagai satu keluarga menikmati keamanan, keharmonian, perpaduan dan seterusnya pembangunan yang juga sama-sama memperoleh nikmat kemakmuran negara yang kita semua cintai dan sayangi.

Mungkin perasaan saya tergelincir yang mengakibatkan fikiran saya terkabur mencatitkan penglihatan namun saya harap ini adalah silap dan tidak betul. Walau bagaimanapun kita sama-sama harus bertekad supaya permuafakatan yang saya sebutkan perlu disanjung tinggi oleh semua pihak yang mencintai negara ini.

Berbalik kepada pilihan raya, SPR sejak tertubuhnya pada tahun 1957 telah pun dapat mengendalikan sebanyak 11 kali pilihan raya umum iaitu pada tahun 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999 dan terakhir 2004 dengan baik, sempurna dan jayanya seperti kehendak Perlembagaan Persekutuan, Perkara 113.

Pindaan-pindaan ini hanya dibuat hanya supaya proses pilihan raya dimantapkan lagi. Ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini, SPR dengan motonya 'Cekap dan Telus' telah pun menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan sempurna. Walaupun kadangkala kita mendapati sedikit sebanyak ada kelemahan serta kekurangan namun pada keseluruhannya adalah okey. Kita harus menghadapi kenyataan bahawa tentunya ada pihak-pihak yang berkenaan akan sentiasa dengan izin, *complaint, criticize and condemn* atau dalam 3C - bermakna tiga mati.

Pengalaman saya yang sekian lama dalam proses pilihan raya umum sejak melibatkan diri mulai tahun 1978 adalah didapati SPR telah membuat banyak perubahan demi memastikan proses pilihan raya diurus serta dijalankan dengan lincin, baik dan sempurna. Syabas dan tahniah harus dihulurkan kepada SPR tentang usaha gigih mereka bekerjasama dengan semua pihak mahupun dengan kerajaan ataupun pembangkang tetapi yang penting sekali ialah rakyat khususnya. Kini terdapat lebih kurang 10,322,956 pemilih di 222 kawasan Parlimen dan 576 kawasan Undangan Negeri.

Saya juga difahamkan untuk mengurus proses pilihan raya, SPR telah menetapkan seperti yang diumumkan oleh pengerusi sendiri ialah sebanyak 55,000 daerah mengundi. Semua ini menunjukkan perlunya tenaga manusia dan alat-alat perkakas, khususnya komputer dan sebagainya dalam urus tadbir proses pilihan raya kelak supaya ia nanti menjadi cekap dan telus.

Untuk melatih seramai 200,000 pekerja bukannya senang kerana pada pendapat saya ia diadakan lima tahun sekali. Kebanyakannya bukan kakitangan SPR yang sepenuh masa. Biasanya bila pilihan raya datang dia lupa, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Namun pada hakikatnya, memang ada ruang-ruang yang masih boleh diperbaiki lagi.

Pada tahun 2004, pilihan raya umum yang pertama kali undang-undang baru yang dipinda diguna pakai. Saya dapati pegawai-pegawai pilihan raya kurang pasti peranan serta tugas tanggungjawabnya. Tidaklah perlu saya huraikan di Dewan yang mulia ini kerana saya faham timbulnya masalah ini. Namun saya harap pada pilihan raya umum akan datang, SPR, saya percaya akan atau telah memberi latihan yang secukup-cukupnya kepada pegawai-pegawai yang ditauliahkan untuk menguruskan proses pilihan raya.

Sepertimana yang telah diumumkan oleh Pengerusi SPR baru-baru ini, bajet yang diperuntukkan bagi menguruskan pilihan raya umum akan datang ialah RM223 juta dan SPR telah

meminta tambahan pula sebanyak RM100 juta bagi maksud pembelian peralatan. Memandangkan permohonan ini agak besar, 50% lebih dari jumlah peruntukan asal, bolehkah SPR memaklumkan di Dewan yang mulia ini secara ringkas jika tidak keberatan, peralatan yang diperlukan agar SPR tidak sia-sia melakukan pembelian yang tidak ada gunanya.

Tuan Yang di-Pertua, sementara proses pilihan raya itu merupakan suatu tugas utama SPR, izinkan saya juga menyentuh tentang prinsip, “*one-man-one vote*” dalam menegakkan demokrasi berparlimen. Saya tahu dan saya faham di seluruh dunia yang mengamalkan demokrasi melalui pilihan raya tidak mempraktikkan secara 100% atau secara tulen prinsip ini. Namun sekurang-kurangnya, hampir-hampir dekat berpegang dengan prinsip “Satu orang satu undi”.

SPR sebaliknya dalam urusan ini, saya memahami iaitu berpegang kepada lunas undang-undang iaitu Perlembagaan Persekutuan, Jadual Ketiga Belas yang dibantu oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Perangkaan serta pejabat Peguam Negara apabila menentukan bahagian pilihan raya semasa membuat kajian dan persempadanan semula.

Kajian dan persempadanan semula terakhir yang telah ditetapkan ialah pada tahun 2003, dan kalau saya tidak silap kajian yang datang ialah pada tahun 2011 selepas lapan tahun mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan. Dalam urusan ini SPR perlu mematuhi setakat yang boleh prinsip-prinsip seperti yang digariskan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan yang mana tidak perlu saya huraikan, tetapi sebagai panduan saya ikuti Laporan Pilihan Raya Umum 2004 yang dikeluarkan oleh SPR.

Di Semenanjung, E109 Kapar, daftar pemilihnya 104,185 pengundi; yang kecil sekali E125 Putrajaya, pemilihnya 5,079; di Sabah, E172, Kota Kinabalu terdapat 43,121 pengundi; E182 Pensiangan - 18,075 pengundi; Sarawak E217 Miri - 74,266 pengundi; dan sementara P218 Baram - 11,970 undi. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang begitu ketara. Saya faham.

■ 1720

Sehubungan ini, izinkan saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa dahulunya apabila merdeka, Malaya dan selepas itu Malaysia, pembangunannya berbeza-beza di antara negeri dan negeri, tetapi saya ingat selepas 50 tahun merdeka, semuanya telah tukar. Ini jelas dan petunjuk-petunjuk yang saya dapat rujuk seperti terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, beberapa indeks seperti kadar perbandaran ini telah mencapai 63 peratus pada tahun 2005. Pembangunan jalan raya telah mencapai 77,673.4 kilometer dan lain-lain lagi. Bermakna perbezaan di antara negeri ke negeri, perbezaan di antara bandar dan desa telah kian rapat. Tidak ada lagi perbezaan yang ketara.

Oleh yang demikian, pernah saya bangkitkan agar SPR dalam kajian persempadanan ini pada tahun 2011, kaedah-kaedah agar sekurang-kurangnya atau hampir-hampir dekat agar prinsip perwakilan satu orang, satu undi dipakai agar mungkin perbezaan kawasan pemilih tidak akan begitu besar, mungkin 15 persen, mungkin 5,000 undi. Bermakna ini lebih menunjukkan satu perwakilan

yang munasabah. Sesungguhnya sukar dilaksanakan, namun saya berpendapat ia boleh dilakukan agar demokrasi berparlimen yang kini kita praktik akan menjadi lebih bermakna lagi.

Dengan kata-kata itu, saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Siw Chun.

17.22 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran dan peluang yang diberi kepada saya bagi mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia ataupun SPR yang telah menjayakan sebelas kali pilihan raya bagi negara kita dengan begitu cekap, telus dan adil berasaskan Malaysia sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua sedia maklum, SPR melaksanakan fungsi dan kuasanya mengikut kerangka undang-undang yang ada iaitu Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang pilihan raya yang berkaitan bagi memastikan setiap urusan pilihan raya dijalankan dengan telus dan adil bagi menjamin sistem demokrasi terus wujud di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penelitian dan pemahaman saya, hanya ada dua isu yang berkaitan dengan pindaan rang undang-undang pada hari ini, iaitu pertama fasal 3 rang undang-undang memperkatakan pindaan rang undang-undang kepada seksyen 7, Akta Pilihan Raya 1958 yang berbangkit daripada pindaan kepada takrif pusat mengundi dan tempat mengundi bagi membezakan di antara pusat dan tempat mengundi. Kerana takrif asal iaitu tempat mengundi merujuk kepada dua tempat berbeza iaitu bangunan keseluruhannya dan juga bilik ataupun ruang yang digunakan di dalam bangunan tersebut.

Isu yang kedua ialah pindaan kepada seksyen 8, Akta Pilihan Raya 1958 Fasal 4(a) menggantikan subseksyen 8(1) dengan subseksyen yang baru iaitu berkaitan struktur pegawai untuk urusan pendaftaran pemilih diperkemas dengan mewujudkan beberapa jawatan dan penambahan pegawai dan kakitangan bersesuaian atau berlandaskan kerangka undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 113, iaitu fungsi-fungsi SPR yang berbunyi seperti berikut:-

- (i) menjalankan urusan pendaftaran pemilih;
- (ii) menjalankan pilihan raya; dan
- (iii) mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan sentuh pindaan fasal 4 seksyen 8 akta '19'58 sahaja di mana Suruhanjaya Pilihan raya atau SPR boleh melantik seorang Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia, seorang Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia, seorang Pendaftar Pemilih bagi setiap negeri, seorang Timbalan Pendaftar Pemilih bagi setiap negeri, apa-apa bilangan Penolong

Pendaftar Pemilih sebagaimana yang difikirkannya perlu dan seorang pegawai pendaftar pengadil bagi setiap kawasan pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan menyokong penuh dengan pindaan kepada rang undang-undang ini. Dengan pewujudan jawatan-jawatan dan penambahan pegawai-pegawai ataupun kakitangan, saya amat yakin dan percaya bahawa SPR boleh memperkukuhkan peruntukan sedia ada, supaya lebih kemas, teratur dan selari dengan perkembangan semasa sejajar dengan SPR adalah satu badan yang bertanggungjawab dalam hal pendaftaran pengundi-pengundi khususnya pengundi baru. Cuma satu penjelasan yang ingin saya tahu, berapakah amaun pembabitan dari segi kewangan dalam pewujudan jawatan dan penambahan pegawai ataupun kakitangan di SPR selepas pindaan rang undang-undang ini diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, dengan pewujudan jawatan dan penambahan pegawai ataupun kakitangan, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak SPR, apakah perancangan yang telah diatur dan langkah-langkah diambil bagi menggalakkan seramai 3.8 juta di kalangan rakyat Malaysia yang layak mengundi, tetapi belum mendaftar sebagai daftar pemilih dan bagaimanakah caranya bagi mengemaskinikan 900,000 pengundi-pengundi yang tidak tahu di manakah kawasan yang harus mereka mengundi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *floating voters*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan beberapa cadangan kepada SPR, kemungkinan ia akan dapat membantu pihak SPR dalam melaksanakan tanggungjawab kepada salah satu fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu menjalankan urusan pendaftaran pemilih khususnya pendaftaran baru. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pertama saya ialah saya ingin menyarankan supaya SPR menjalinkan perhubungan dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang tertentu dalam membantu SPR bagi menjalankan urusan khususnya pendaftaran baru. Jabatan dan agensi kerajaan yang lain yang boleh membantu SPR yang saya maksudkan ialah seperti JPJ, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin dan percaya bahawa generasi baru ini boleh dikatakan 95 peratus memiliki lesen memandu, setidak-tidaknya lesen memandu motosikal. Bermakna, segala data ataupun maklumat generasi muda ini telah terkumpul di JPJ. Maka SPR bolehlah dapatkan semua maklumat generasi muda ini dari JPJ apabila mereka memperbaharui lesen memandu mereka pada peringkat genap 21 tahun dan sekali gus boleh mendaftarkan mereka sebagai daftar pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen juga boleh membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih khususnya pendaftaran baru. Seperti mana kita ketahui, had umur bagi seseorang warga negara bagi memiliki pasport antarabangsa apabila umurnya genap 21 tahun. Bermakna umurnya adalah bersesuaian dengan bagi seseorang itu layak berdaftar sebagai pengundi. Saya ingin mengesyorkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara mengendalikan sistem penukaran kad pengenalan apabila umur cukup genap 21 tahun supaya SPR boleh kenal pasti

bilangan rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk berdaftar sebagai daftar pemilih dan sekali gus minta mereka daftar sebagai pengundi semasa urusan penukaran kad pengenalan berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin dapatkan penjelasan daripada pihak SPR, adakah sudah sampai masanya kita melaksanakan pendaftaran melalui *internet*? Adakah SPR buat kajian sama ada ianya sesuai dan keberkesanannya sekiranya pendaftaran melalui *internet* dilaksanakan di negara kita?

■ 1730

Perlu kah SPR wujudkan laman web yang menerangkan tanggungjawab setiap warganegara bagi berdaftar sebagai pengundi dan prosedur-prosedur yang berkaitan. Sediakan borang 'A' iaitu borang pendaftaran bersama-sama dengan keterangan cara-cara bagi mengisi borang tersebut. Maka generasi muda yang cukup genap 21 tahun, boleh melayari laman tersebut dan terus mendaftar dirinya sebagai pengundi. Pegawai SPR hanya perlu monitor dan mengumpulkan data-data setiap pendaftar sama ada di ibu pejabat SPR ataupun pejabat-pejabat SPR di peringkat negeri, sekali gus boleh memaklumkan kepada pendaftar di mana harus mereka pergi mengundi bagi pilihan raya yang akan diadakan seterusnya.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya dengan cara sedemikian mudah-mudahan kalau diizinkan Tuhan, SPR akan berjaya mendaftarkan lebih ramai lagi pendaftar-pendaftar pemilih baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan pindaan ini, saya juga ingin mencadangkan supaya SPR mewujudkan satu unit bergerak, untuk bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar bagi memberi perkhidmatan ataupun kemudahan kepada penduduk-penduduk luar bandar untuk berdaftar sebagai daftar pemilih. Dengan kaedah sedemikian, saya yakin bahawa lebih ramai lagi warga negara kita yang berada di luar bandar akan berdaftar sebagai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya akur dan memahami fungsi-fungsi SPR di bawah perkara 113 yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Salah satu daripadanya adalah mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya pihak SPR haruslah berbincang secara serius dengan kepimpinan negeri iaitu dengan menteri-menteri besar terdahulu dengan mengambil kira pendapat kepimpinan di akar umbi. Ini kerana kepimpinan di akar umbilah yang akan bertungkus-lumus, bekerja kuat bagi menjalankan tugas sebagai peraih undi bagi memastikan semua pengundi keluar mengundi bagi menjayakan satu-satu pilihan raya. Jangan pandang rendah terhadap pandangan dan tidak dengar pendapat kepimpinan akar umbi ini. Anggaphlah kumpulan ini menjadi satu komponen yang amat penting bagi menjayakan pilihan raya dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa masalah yang timbul di kawasan saya sendiri semasa SPR mewujudkan persempadanan baru di negeri Perlis. Di mana ianya telah mengelirukan

pengundi-pengundi di kawasan saya, yang mana majoritinya adalah pengundi-pengundi warga negara keturunan Siam yang memang taat dan setia kepada kerajaan Barisan Nasional dari dulu, kini dan selama-lamanya.

Saya beri satu contoh di mana berlaku dalam keluarga saya sendiri. Dalam keluarga saya ada sepuluh orang pengundi di mana daripada dulu lagi mengundi di kawasan Tambun Tulang, Parlimen Arau. Setelah berlakunya persempadanan baru yang ditetapkan oleh SPR, mulalah berlaku kekecohan. Alamat yang sama, rumah yang sama tetapi empat orang daripada ahli keluarga saya telah dipindah namanya dan kena pergi mengundi kawasan Sena, Parlimen Kangar. Kenapa perkara ini boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini, maka saya ingin menyarankan supaya SPR meneliti dan mengkaji balik tentang persempadanan baru yang berlaku di kawasan saya dan merayu supaya sesiapa sahaja di mana alamat yang tertera dalam kad pengenalannya seperti contohnya Chun a/p Elok, alamat 003 Kampung Padang petani, 02600 Arau, Perlis...

Tuan Yang di-Pertua: Apa?

Puan Siw Chun a/p Eam: Chun a/p Elok!

Tuan Yang di-Pertua: 'Cun' anak perempuan Elok? Makna elok, 'elok' anak perempuan elok ya?

Puan Siw Chun a/p Eam: Memang ada nama ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan alamat terteranya 02600 Arau, Perlis, biarlah orang ini mengundi di kawasan Parlimen Arau. Contoh yang kedua, Don a/l Kodek. Alamatnya 007, Jalan Jejawi Permatang, 02600 Kangar, Perlis. Biarkan pengundi ini mengundi di bahagian Kangar.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Don Kodek itu ialah sebenarnya Abdul Khadir.

Puan Siw Chun a/p Eam: Jadi contoh-contoh yang berikan tadi itu saya menyeru supaya SPR ambil perhatian. SPR haruslah meneliti perkara ini dengan lebih serius dan mendalam supaya pilihan raya selanjutnya akan berjalan dengan lebih teratur dan bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ataupun SPR. Adakah sesuai sekiranya SPR tubuhkan satu unit penguatkuasaan dan mengenakan denda kepada sesiapa yang layak menjadi pemilih, tetapi ingkar mendaftar apabila cukup genap 21 tahun? Sebagaimana sudah pun dilaksanakan di sesetengah negara barat. Contohnya RM30 setahun, kalau 10 tahun mereka ingkar berdaftar maksudnya RM300 dikenakan denda. Dengan cara sedemikian, adakah ianya sesuai dan boleh mendidik rakyat Malaysia supaya lebih ramai menganggap bahawa daftar sebagai pemilih adalah salah satu tanggungjawab bagi seseorang warganegara dan kepentingan mereka bagi menentukan dalam pemilihan pemerintahan negara yang boleh menjamin kesejahteraan masa depan anak cucu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dengan lulusnya pindaan rang undang-undang ini, dengan perwujudan jawatan dan penambahan pegawai ataupun kakitangan, SPR bolehlah berfungsi dengan

lebih berkesan dan efisien lagi. Maka saya ingin menyarankan supaya SPR mengemaskinikanlah data-data pengundi dengan keluarkan nama pengundi yang telah mati ataupun meninggal dunia dari senarai pengundi supaya pilihan raya selanjutnya akan berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga SPR haruslah berperanan lebih mesra rakyat, mengadakan majlis-majlis yang mesra rakyat. Ini kerana SPR adalah satu agensi ataupun satu badan kerajaan yang secara langsung dengan izin, *dealing* dengan rakyat jelata. Mengaturkan majlis bersama ibu bapa supaya ibu bapa juga memainkan peranan penting bagi menggalakkan anak-anak mereka berdaftar sebagai daftar pemilih apabila cukup genap 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata dan cadangan-cadangan dan pandangan saya itu, maka saya menyokong penuh pindaan undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy

5.38 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958.

Tuan Yang di-Pertua, sistem mengundi yang diamalkan sekarang adalah adil, cekap dan tulus. Sebarang langkah penambahbaikan sistem perlu mengikut peredaran masa dan bukan beralih kepada cara yang ketinggalan zaman. Sebarang langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memperbaiki sistem ada mesti menggunakan teknologi terkini. Oleh itu, saya meminta SPR tidak akan tunduk kepada permintaan pembangkang untuk menggunakan cara yang sudah ketinggalan zaman iaitu menggunakan dakwat untuk menghalang pemilih daripada mengundi lebih daripada sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masa di mana pihak SPR harus mengintegrasikan maklumat-maklumat pemilih dengan MyKad. Maknanya seorang pemilih hanya perlu menggunakan MyKad untuk memeriksa nama mereka di pusat pengundi berbanding dengan cara sekarang. Tujuan saya adalah untuk menambahkan aplikasi di mana dalam mikrochip boleh dimasukkan informasi berkenaan dengan pusat pengundi, kawasan Parlimen mengundi dan sebagainya. Ini sudah tentu akan mempercepatkan proses pilihan raya dan mengelakkan orang ramai beratur begitu lama di pusat pengundian tertentu seperti yang disebutkan Yang Berhormat tadi.

■ 1740

Saya ingin juga menarik perhatian terhadap insiden-insiden yang berlaku antara penyokong-penyokong parti yang bertanding di pusat-pusat pengundian. Caci-mencaci, laung-melaung dan baling-membaling objek di kalangan pengikut parti-parti yang bertanding, kemudian diikuti dengan laporan polis harus dielakkan sama sekali. Kalau keadaan sedemikian dibiarkan tanpa kawalan, sudah pasti kekecohan akan berlaku sebab masing-masing beremosi dan terdesak mahukan kemenangan. Pihak SPR harus mengambil tindakan ke atas provokasi sedemikian supaya proses demokrasi dan pilihan raya adalah terpelihara. Melihat apa yang berlaku di pilihan raya-pilihan raya

kecil tahun ini, timbul tanda tanya sejauh mana kawalan oleh pasukan polis terhadap proses pilihan raya kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang berlaku itu seharusnya dijadikan iktibar oleh semua pihak dan terutamanya pihak polis. Dari perkembangan itu, pihak polis mesti mengambil langkah-langkah berhati-hati dan lebih ketat lagi bagi memastikan proses kempen dan hari mengundi berjalan lancar kerana media antarabangsa yang hadir akan menggambarkan seolah-olah berlaku rusuhan di negara kita semasa perjalanan pilihan raya. Polis tidak harus membenarkan poster dan slogan yang menghina pimpinan sesuatu parti ini kawasan pusat pengundian ataupun pada hari penamaan calon. Pihak polis harus merangka strategik untuk mengetatkan kawalan keselamatan sepanjang kempen pilihan raya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini khasnya budaya samseng mesti dihalang sama sekali demi menjamin kedaulatan proses pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya ingin menggesa SPR untuk melihat secara serius soal keselamatan di pusat pengundian supaya insiden-insiden di Ijok dan Lunas tidak berulang kembali. Walaupun kekecohan itu tidak sampai menggagalkan proses pilihan raya, tetapi insiden yang berlaku memalukan. Ia mencacatkan proses demokrasi negara ini dan secara tidak langsung juga menunjukkan kelemahan dan ketidakcekapan pihak polis dan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam mengendalikan pilihan raya itu. Memaki hamun pimpinan dan penyokong Barisan Nasional dan bertindak dengan menahan beberapa bas yang membawa penyokong Barisan Nasional dari luar. Malahan, memaksa penumpang-penumpang dalam bas terbabit supaya mengeluarkan kad pengenalan untuk diperiksa. Insiden sedemikian ini tidak harus dibiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang melahirkan kebimbangan dengan sikap agresif penyokong parti pembangkang dan menasihatkan calon dan parti yang bertanding supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan ketegangan dan perbalahan sepanjang tempoh berkempen.

Menurutnya, ada pihak mungkin dengan sengaja mahu mencetuskan kekacauan supaya pihak berkuasa mengambil tindakan dan menggunakannya untuk mendakwa kerajaan gunakan kekerasan dan menyalahgunakan kuasa. Satu lagi taktik yang kotor bagi pembangkang. Saya rasa ini sahajalah satu dua perkara yang saya ingin menyuarakan, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Hajah Saripah Aminah dan akhir sekali Puan Mumtaz.

5.44 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas bagi tujuan meminda Akta Pilihan Raya 1958. Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita mendengar akan tohmahan-tohmahan dari sesetengah pihak termasuk pihak *non-government organization* atau NGO, dengan izin, yang secara terbuka membuat kritikan berkenaan apa yang didakwa mereka sebagai tidak ketidaktelusan sistem pilihan

raya yang ada di negara kita. Pelbagai bentuk tohmahan dan fitnah bermotif politik telah dilontar kepada pihak kerajaan khususnya seolah-olah pilihan raya kita telah dirancang, dimanipulasikan dan keputusannya dikatakan tidak telus.

Contoh yang boleh diketengahkan di sini Tuan Yang di-Pertua, di mana *bloggers* dengan izin, telah diberi lesen untuk beroperasi tetapi telah menyalahgunakan lesen tersebut untuk menghentam kerajaan. Pelbagai perkara yang tidak betul disebar kepada rakyat, tohmahan-tohmahan terhadap pemimpin-pemimpin kita begitu ketara sekali, kes-kes mahkamah yang tidak kena-mengena dimanipulasikan dan diberi gambaran seolah-olah kerajaan melindungi seseorang dan cuba dengan izin, *cover-up* bagi menyelamatkan individu-individu tertentu. NGO seperti BERSIH yang mendakwa memperjuangkan keadilan dan kebersihan serta transparansi sesuatu pilihan raya baru-baru ini telah membuat cadangan supaya membatalkan konsep undi pos kerana menurutnya undi pos sudah tidak relevan lagi pada zaman sains dan teknologi.

Pelbagai kemudahan dalam IT atau juga teknologi telah dijadikan undi pos telah menjadikan undi pos sebagai ketinggalan zaman dan boleh dipertikaikan. Ini telah disokong oleh sesetengah pihak yang mendakwa mereka selalunya kalah jika didatangi oleh undi pos. Suatu contoh Tuan Yang di-Pertua, kritikan dari pihak pembangkang di mana kemenangan telah berada di depan mata, tetapi beberapa karung undi pos yang dibawa masuk ke saat-saat akhir telah menyebabkan kekalahan atau telah mengurangkan majoriti kemenangan mereka.

Ingin saya tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, sistem undi pos masih relevan dan masih perlu diwujudkan bagi memberi peluang kepada warganegara kita yang bertugas, bermastautin dan berkhidmat di seluruh pelosok ceruk rantau supaya berpeluang mengundi dan menggunakan kelebihan sebagai warganegara untuk memilih bakal pemimpin mereka sendiri. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penambahbaikan, kerajaan perlu memikirkan suatu bentuk atau mekanisme terbaik bagi mengurangkan kritikan pihak pembangkang ini seperti menjadikan undi pos lebih telus, menyenaraikan secara umum nama-nama bakal pengundi yang akan mengundi melalui kaedah undi pos. Kawalan keselamatan yang ketat ke atas proses mengundi supaya pembangkang tidak ada lagi alasan. Juga dicadangkan supaya wakil-wakil parti yang bertanding boleh menghadiri proses pembuangan undi pos secara langsung di pusat mengundi itu sendiri supaya mereka lebih berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini izinkan saya menyentuh berkenaan dengan kebebasan Suruhanjaya Pilihan Raya atau SPR. Jika dikaji dan dibuat perbandingan kasar dengan negara-negara lain, SPR kita adalah satu badan bebas dan tidak berpihak sama ada kepada kerajaan ataupun mana-mana parti politik termasuklah parti kerajaan mahupun pembangkang, tetapi kita lihat di negara kita, pihak pembangkang sering membuat dakwaan bahawa tidak adanya kebebasan dan ketelusan di dalam sistem pilihan raya negara ini.

Tuduhan seperti keputusan yang diatur, pengundi hantu, ketidaktelusan di dalam proses pengiraan semula dan sabotaj jentera pilihan raya, politik wang dan macam-macam tohmahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidaklah benar seperti apa yang telah diheboh-hebohkan oleh pihak pembangkang. Memang kita akui tidak adanya *perfectionist* dengan izin atau dalam kata lain kesempurnaan 100%, tetapi sistem pilihan raya kita adalah antara yang terbaik, bebas dan diakui oleh antarabangsa. Kita sentiasa mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa khas yang diwakili oleh wakil-wakil parti politik yang bertanding bagi mencari kaedah terbaik, bagi lebih menjadikan ia sempurna atau yang terbaik. *Post-mortem* dengan izin, yang dilakukan setiap kali berakhirnya pilihan raya.

■ 1750

Sebarang kekurangan akan cuba diatasi sebaik mungkin. Pemerhati antarabangsa sentiasa dialu-alukan untuk tujuan memantau dalam perjalanan pilihan raya kita. Jadi saya di sini ingin menegaskan bahawa dakwaan sesetengah pihak ini tiada berasas dan sekadar mencari mangsa untuk dituduh di atas kelemahan parti dan kekalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mencadangkan di sini agar SPR lebih mengambil inisiatif agar data yang disimpan dikemaskinikan dari segi pendaftaran pemilih. Mungkin jumlah pemilih yang tinggi menyebabkan berlakunya sedikit kelewatan untuk petugas-petugas memasukkan dan mengemaskinikan data, tetapi saya difahamkan yang SPR telah pun melantik hampir 190,000 petugas keseluruhannya yang bakal bertugas di sepanjang perjalanan pilihan raya ini. Sudah pasti jumlah petugas yang besar ini akan mempercepatkan proses kemasukan data dan memudahkan orang ramai membuat semakan menjelang pilihan raya yang ke-12, yang diramalkan tidak lama lagi. Saya dengar persiapan telah berjalan, harap ianya berjalan lancar dan menjadikan proses pilihan raya kali ini sebagai satu *benchmark*, dengan izin bagi membuktikan kepada pemantau-pemantau antarabangsa dan juga pihak pembangkang kita yang tulus dalam kerja-kerja pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, isu politik wang sebenarnya adalah isu yang lapuk yang lama telah menjadi seperti duri dalam daging, tetapi kepada pembangkang isu ini dilihat sebagai isu yang hanya melibatkan pihak kerajaan sahaja. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya kita adalah bersifat telus dan adil. Ingin saya tekankan di sini iaitu tiadanya isu politik wang seperti yang digembargemburkan oleh sesetengah pihak. Mereka sudah tewas lalu menuduh kita sebagai pengamal politik wang. Bagaimana kes jika mereka menang? PAS mengambil alih Kelantan sejak 1990, PAS juga pernah memerintah Terengganu, DAP menguasai beberapa kerusi di Pulau Pinang, Perak dan beberapa negeri lain, kita tidak pula menuduh mereka mengamalkan politik wang.

Sebenarnya pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) sendiri telah mengambil langkah proaktif bagi membanteras perkara ini. Sebarang syak wasangka dengan disertai bukti lengkap, sesiapa sahaja sebagai warganegara yang prihatin boleh melaporkan aktiviti ini terus kepada pihak BPR. Saya berkeyakinan bahawa pihak BPR telus dan menjalankan siasatan mereka dan juga mengalu-alukan sebarang aduan yang dibuat. SPR sendiri sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pilihan raya amat memandang serius perkara ini.

Jika mendapat sokongan ingin saya mencadangkan suatu penubuhan atau penambahbaikan satu jawatankuasa integriti di bawah SPR bagi memantau isu khususnya seperti politik wang ini. Ada cadangan bagi memastikan proses membuang undi dapat dijalankan dengan lebih berkesan, suatu konsep guna pakai *indelible ink*, dengan izin diwujudkan. Ini adalah suatu mekanisme dakwat yang digunakan di jari semasa membuang undi. Cadangan ini telah kedengaran beberapa kali. Saya mengambil kesempatan ini untuk berhujah dan menghuraikan beberapa isu di sebalik penggunaan dakwat ini.

Perlu diberi perhatian kepada OKU, Orang Kurang Upaya yang tidak memiliki jari atau tangan atau dalam istilah lain yang kudung tangannya. Bagaimana perlu ditangani hal ini? Juga kepada suri rumah yang banyak membuat kerja rumah seperti membasuh kain dan pinggan mangkuk, jika dilihat jari mereka selalunya merekah dan sukar untuk diambil cap jari. Dalam hal ini saya berpendapat iaitu Majlis Fatwa juga perlu campur tangan kerana dakwat ini adalah bersifat kekal atau hanya bersifat sementara sahaja. Ini adalah hal hukum agama yang perlu dipertimbangkan sehalus-halusnya sebelum diluluskan, kerana dikhuatiri akan memudaratkan umat Islam yang hendak menunaikan ibadah sembahyang selepas membuang undi. Bolehkah dakwat ditanggalkan dengan hanya membasuh dengan air atau perlu digunakan sabun. Saya harap cadangan ini akan mendapat perhatian dari pihak sewajarnya sebelum ianya diguna pakai.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berkenaan pendaftaran automatik. Seperti mana yang disebutkan oleh Setiausaha Pilihan Raya baru-baru ini, masih ada begitu ramai jumlah yang tidak mendaftar, yang sepatutnya mereka ini telah pun boleh mengundi. Adakah dengan penambahan pegawai dan kakitangan ini mereka yakin akan dapat mendaftarkan semua pengundi ataupun remaja kita yang telah cukup umur 21 tahun dalam masa yang singkat ini.

Isu ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ialah jika dilihat sekarang ini dalam keadaan kita tidak pakai *internet* iaitu pendaftaran secara *manual*, dengan izin pun kita sudah ada masalah. Saya rasa kalau sekiranya kita menggunakan *internet* lagi banyak masalah yang akan kita hadapi, yang akan mendedahkan lagi kepada penyelewengan. Lebih baiklah dalam keadaan sekarang ini supaya kita boleh mengawasi dengan lebih ketat iaitu dalam erti kata lain mengawal secara manual, lebih berkesan dari pengawalan secara *internet*. Secara *manual*, dengan izin sudah cukup dan terbukti keberkesanannya.

Untuk makluman sehingga Mac 2007, maklumat yang didapati dari data Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mencatatkan rekod warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas, yang berpangkalan data di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) didapati masih terdapat seramai 4,789,685 orang warganegara Malaysia yang berkeelayakan, tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih. Maka persoalan yang timbul di sini kenapa begitu ramai golongan muda yang berumur 21 tahun yang tidak berdaftar, mengapa tiada pendaftaran secara automatik, dengan izin di mana seseorang

warganegara yang mencapai umur 21 tahun secara automatik akan menjadi pengundi berdaftar dikuatkuasakan.

Bagaimana dari segi undang-undang, bolehkah pendaftaran automatik dilaksanakan. Bagaimana pula isu hak asasi manusia yang berhak memilih sama ada mengundi ataupun tidak. Kajian mendalam perlu dijalankan sebelum dilaksanakan isu ini. Satu lagi isu berbangkit ialah jumlah pengundi tidak berdaftar. SPR mempunyai maklumat ialah seramai 941,622 orang, adakah perlu diadakan satu mekanisme oleh SPR menentukan lokaliti mereka ini. Masalah yang timbul dari pendaftaran para pengundi lama yang hendak menukar alamat tempat mengundi menghadapi kesukaran untuk berdaftar, kerana mereka tidak dibekalkan kemudahan laman *web* dan *roll* dari pemilih sedia ada.

Mereka dikehendaki pergi ke pejabat pos berdekatan untuk menyemak dan membuat pertukaran alamat. Ini pasti menyusahkan pemilih bila mana anak-anak mereka boleh mendaftar dengan pegawai pendaftar yang dilantik oleh parti, sedangkan mereka tidak membuat pertukaran alamat dan perlu pergi ke pejabat pos dan pejabat SPR berdekatan. Di pejabat pos pula kadangkala mesin SPR tidak boleh diakses kerana *server down* dan sebagainya, menyulitkan pada pengundi lama terpaksa menunggu atau datang pula pada hari yang lain, maka sekali lagi timbullah kesusahan atau ketidakselesaian para pengundi bagi menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pemilih.

Namun dengan semua masalah yang telah dibangkitkan tadi saya mengucapkan tahniah juga kepada SPR dan kakitangannya yang telah mengelolakan pilihan raya sejak kemerdekaan lagi dan dengan kata-kata itu saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz.

5.58 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut membenarkan saya membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958. Bila mana kita menyebut tentang pilihan raya yang diinginkan oleh semua pihak ialah satu pilihan raya yang bersih dan adil. Ini adalah satu matlamat yang pasti diinginkan oleh semua pihak yang bertanding, kerana pilihan raya merupakan satu-satunya wadah untuk rakyat menghantar wakil yang mereka sukai atau senangi bagi mengendalikan seterusnya menjadi sebuah kerajaan.

Oleh yang demikian, bila mana sahaja dibicarakan tentang pindaan Akta Pilihan Raya, saya akan mengemukakan beberapa cadangan untuk dijawab oleh pihak kerajaan bagi memastikan agar proses pilihan raya di negara kita ini akan berjalan dengan lebih baik.

Yang pertama, sebagaimana yang dimaklumi selepas pilihan raya umum pada bulan Mac 2004 yang lalu, pelbagai dakwaan penyelewengan dan kontroversi yang serius terhadap pilihan raya-pilihan raya telah pun dilaporkan.

■ 1800

Maka, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa beliau merasakan perlu dan setuju dengan tuntutan awam untuk menjalankan penyiasatan bebas. Namun sehingga kini penyiasatan bebas tersebut masih belum lagi dijalankan.

Yang kedua, adalah perlu untuk memperkenalkan satu sistem yang menyenaraikan semua perwakilan parti supaya jumlah minimum 30% perwakilan wanita di Parlimen terjamin oleh semua parti yang bertanding.

Yang ketiga, memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan hak pemerhati-pemerhati antarabangsa dan tempatan bagi memantau proses-proses pilihan raya yang berlaku di negara kita.

Yang keempat, membincangkan dan mengurangkan wang deposit pilihan raya kerana didapati wang deposit pilihan raya negara kita adalah yang tertinggi di dunia yang secara langsung telah menghalang penyertaan warga Malaysia yang kurang sumber kewangannya.

Yang satu lagi mengenai kempen pilihan raya, kami juga mencadangkan dan memohon agar pihak kerajaan mempertimbangkan agar satu tempoh berkempen wajib yang jauh lebih panjang daripada tempoh lapan hari diperkenalkan supaya ianya dapat memberi kesempatan kepada parti-parti yang bertanding supaya dapat berkempen dalam masa yang dibenarkan tersebut.

Yang seterusnya, dari segi media, membuat satu peruntukan undang-undang yang membolehkan semua parti politik mendapat akses dan cara yang percuma kepada TV dan radio awam serta akses secara adil sama ada percuma atau berbayar kepada media swasta dan memperuntukkan juga undang-undang bagi menjamin hak semua parti politik dan calon untuk menjawab segala bentuk tuduhan dan kritikan ke atas mereka menerusi media.

Saya juga bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah tadi berkenaan dengan kewujudan wakil-wakil pembangkang bila mana proses pengundian secara undi pos diperkenalkan demi untuk memastikan kedua-dua pihak yang bertanding ataupun ketiga-tiga pihak yang bertanding berpuas hati dengan keseluruhan proses ketelusan pilihan raya tersebut.

Yang seterusnya, saya ingin mendapatkan maklumat daripada pihak kerajaan, berapakah jumlah bantahan yang telah diterima oleh pihak kerajaan dan berapakah fi yang telah dikutip oleh pihak SPR daripada pilihan raya-pilihan raya sebelum ini kerana kita difahamkan sebagaimana keadaan yang berlaku di Kelantan, yang terbaru daripada bantahan-bantahan yang dibuat, sebanyak 298 bantahan telah dikemukakan di mana 249 bantahan telah diterima, manakala 49 bantahan ditolak. Jadi kita ingin mendapatkan maklumat daripada pihak kerajaan, berapakah kes bantahan yang sebenarnya dibuat di seluruh negara.

Perkara lain juga, oleh kerana bilangan warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas dan layak mengundi meningkat setiap suku tahun dan dengan bilangan mereka yang tidak mendaftar terus juga meningkat. Saya juga turut bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam

kerajaan kita menjalankan aktiviti elektronik ini mencadangkan supaya pihak kerajaan menimbangkan sekali lagi untuk melaksanakan pendaftaran secara automatik bagi memastikan pihak yang baru cukup umur ini layak untuk mendaftar.

Berkaitan dengan pilihan raya juga, saya juga ingin mendapatkan pandangan dan seterusnya meminta pihak kerajaan untuk mempertimbangkan agar meringankan ataupun meminda Akta Undang-undang Kolej dan Universiti di semua universiti bagi memberi peluang kepada belia-belia dan pelajar-pelajar yang berada di pusat pengajian tinggi untuk lebih terlibat dalam dunia politik kerana kita bimbang sebarang sekatan ataupun tiada galakan daripada pihak kerajaan akan menyebabkan kurangnya rasa ingin berpolitik di kalangan anak-anak muda, seterusnya membawa kepada perangkaan-perangkaan sebagaimana yang dilaporkan di mana pada Pilihan Raya Umum Yang Ke-10, bagi kawasan Parlimen sebanyak 196,065 kertas undi telah ditolak di mana untuk Dewan Undangan Negeri pula 137,210 kertas undi ditolak, manakala kertas undi yang tidak dikembalikan ialah 74,613 dan untuk Dewan Undangan Negeri 617,004 kertas undi.

Untuk Pilihan Raya Umum Yang Ke-11, di kawasan Parlimen 165,018 kertas undi telah ditolak manakala kertas undi yang tidak dikembalikan di kawasan Parlimen ialah 35,345 kertas undi. Untuk Dewan Undangan Negeri 134,058 kertas undi, manakala kertas undi yang tidak dikembalikan di kawasan Dewan Undangan Negeri adalah 30,848.

Daripada data-data yang telah saya kemukakan ini, kita boleh melihat suatu pola yang menunjukkan bahawa terdapat undi protes yang mungkin cuba dibayangkan oleh sebahagian daripada rakyat yang kita kira tidak mungkin mereka ini tidak memahami bagaimana proses pengundian itu hendaklah dijalankan. Ini kalau kita melihat dari sudut kenapa mereka ini tidak mahu ataupun tidak ingin untuk memangkah dengan cara yang betul. Ia merupakan satu protes kepada pihak yang terlibat dalam pilihan raya ataupun kepada pihak SPR sendiri agar seluruh proses pilihan raya itu boleh dijalankan dengan cara yang benar-benar telus bagi memastikan kita dapat memuaskan hati semua pihak yang bertanding.

Seterusnya, saya juga memohon agar keanggotaan walaupun kita lihat hari ini bagaimana banyak media memperkatakan tentang konsep sifar pembangkang. Ini merupakan satu konsep yang tidak sihat kerana dalam mana-mana negara demokrasi, kewujudan pembangkang yang boleh memberikan satu kritikan yang membina itu adalah perlu bagi menjamin proses *check and balance* itu seimbang dalam pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab dan menggulung.

6.06 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan, memberi pandangan dan seterusnya memberi sokongan kepada rang undang-undang ini.

Pertamanya, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid bercakap berkenaan dengan 50 meter. Sebenarnya kerana 50 meter inilah yang kita pinda beberapa takrif kerana sebelum ini pusat mengundi dan tempat mengundi. Pusat mengundi ini termasuk dua-dua, tempat kita membuang undi pun pusat mengundi, jadi 50 meter itu daripada mana. Daripada pusat itu ke atau daripada tempat saluran kita mengundi. Jadi untuk memberikan penjelasan yang lebih tepat, itulah yang kita masukkan pindaan ini, membezakan di antara pusat mengundi dengan tempat mengundi.

Jadi zon larangan 50 meter di pusat mengundi ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, undang-undang telah menetapkan zon larangan 50 meter dari pusat mengundi. Ketetapan zon ini berdasarkan kepada kesesuaian pusat mengundi berkenaan. Jika pusat mengundi berpagar, zon larangan bermula sama ada dari pintu pagar atau hujung pagar pusat mengundi. Jika pusat mengundi yang tidak berpagar, maka zon larangan bermula dari bangunan pusat mengundi tersebut. Dalam zon larangan ini adalah dilarang aktiviti-aktiviti berkempen, memakai atau membawa lambang, lencana atau simbol parti. Pejabat-pejabat parti boleh didirikan di luar zon tersebut untuk menyemak saluran mengundi oleh parti masing-masing.

Kesesakan di pusat mengundi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat mengundi disediakan bagi setiap daerah mengundi. Jika ada kemudahan pusat mengundi bagi daerah mengundi yang tiada kemudahan pusat mengundi, pengundi-pengundi terpaksa berkongsi pusat mengundi. Inilah yang mengakibatkan berlakunya kesesakan di pusat mengundi.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR telah menetapkan bahawa bagi setiap pusat mengundi tidak melebihi 3,850 orang yang mana saluran pertama adalah untuk warga emas yang mana pemilihnya kita tentukan antara 300 dengan 350, jadi tidaklah lambat sangat dia hendak mengundi, menunggu gilirannya. Manakala saluran yang lain tidak melebihi 700 orang pemilih. Pelaksana ini akan dibuat di dalam pilihan raya yang akan datang jika daerah mengundi berkenaan mempunyai kemudahan pusat mengundi.

Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan tadi saya faham sebab tidak banyak bangunan dalam kawasan Kepong kerana Kepong ini padat. Kawasan pilihan rayanya tidak luas walaupun pengundinya ramai. Jadi sebab oleh kerana kawasan fizikal pilihan raya itu kecil, maka itulah sebab masalah bangunan pusat-pusat mengundi itu terpaksa dikongsi dengan daerah mengundi yang lain. Itu sebabnya kerana kawasan itu kecil dan kurang bangunan yang sesuai untuk diguna sebagai pusat mengundi.

Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan pusat mengundi berubah-ubah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat mengundi mungkin berubah apabila SPR membuat persempadanan baru pada tahun 2003 dan perubahan juga mungkin berlaku apabila SPR mewujudkan pusat pengundi baru. Dalam hal ini sepatutnya pemilih-pemilih membuat semakan melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh SPR sama ada melalui laman web SPR,

khidmat pesanan ringkas (SMS) dan semakan melalui pejabat-pejabat pilihan raya negeri sebelum sesuatu pilihan raya dilaksanakan.

■ 1810

Ini kita kena *check*. Jangan tunggu dekat pilihan raya baru hendak beratur, tengok-tengok kita sudah berubah. Jadi kita kena ambil tindakan proaktif kita pergi *check* sekarang. Yang Berhormat Datuk Rizuan bercakap tentang menghadkan bilangan penyokong yang hadir pada hari penamaan calon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tiada cadangan untuk menghadkan bilangan penyokong parti untuk hadir pada hari penamaan calon. Bukan selalu, biarlah ramai-ramai seronok sedikit baru ada nampak pertandingan. Jadi tak usah jadi macam *bloggers*, mereka penakut. Ini orang yang hendak bertanding macam PAS okeylah. Kita panggillah ramai-ramai, bukan selalu Tuan Yang di-Pertua ya. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Pilihan raya macam hari raya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam rayalah, hari besar, pilihan besar. Tuan Yang di-Pertua, waktu itulah orang pun hendak keluar seronok. Kita tidak bercadang untuk menghadkan jumlah penyokong. Datuk Rizuan juga bertanya berkenaan zon larangan 50 meter di pusat penamaan calon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat undang-undang telah menetapkan bahawa diadakan zon larangan 50 meter di pusat penamaan calon bagi mengelakkan berlakunya pertembungan antara penyokong parti yang bertanding. Sepertimana Yang Berhormat rujuk bagi kes pilihan raya kecil di Ijok, penetapan zon telah pun dibuat dan begitu juga penyokong telah ditetapkan di tempat tertentu oleh pihak PDRM.

Walau bagaimanapun, difahamkan maklumat tersebut tidak disampaikan kepada penyokong parti masing-masing dan menyebabkan mereka memasuki kawasan berkenaan sesuka hati mereka. Ini menyebabkan penyokong-penyokong bertembung antara satu sama lain. Kadangkala kita tidak tahu waktu itu dia berjalan. Dia hendak pergi ke tempat dia terpaksa lalu di sebelah sini dahulu. Jadi inilah yang telah berlaku. walau bagaimanapun, saya percaya PDRM akan seberapa yang boleh menjalankan tugasnya untuk memastikan tidak bertembung di antara penyokong-penyokong parti.

Datuk Rizuan juga bertanyakan pindaan seksyen 8, siapakah Ketua Pendaftar Pemilih. Untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pendaftar Pemilih ialah jawatan yang diperuntukkan oleh undang-undang yang mana SPR dengan persetujuan Yang Dipertuan Agong boleh melantik mana-mana orang untuk menjawat jawatan tersebut. Walau bagaimanapun, buat masa ini jawatan tersebut dipegang oleh setiausaha SPR. Timbalan Pendaftar Pemilih juga boleh dilantik oleh SPR dengan kelulusan Yang Dipertuan Agong.

Buat masa ini tiada siapa memegang jawatan tersebut. Begitu juga Pendaftar Pemilih buat masa ini jawatan Pendaftar Pemilih adalah dipegang oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri. Pegawai Pengadil jawatan ini dipegang oleh pegawai daerah yang dilantik untuk mengendalikan siasatan

tempatan semasa urusan tuntutan oleh bantahan pendaftaran pemilih. Ini Pegawai Pengadil, DO - pegawai daerah.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin, sama ada SPR mempunyai apa-apa peraturan berhubung saiz poster, *banner* dan logo. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri tiada peruntukan atau peraturan yang menetapkan saiz sesuatu poster, *banner* ataupun logo. Walau bagaimanapun, calon atau agen perlu mematuhi undang-undang kerajaan tempatan yang juga terpakai semasa mereka hendak memasang poster atau bendera semasa sedang berkempen.

Yang Berhormat Tan Sri juga bertanya berkenaan orang masuk terlalu dekat mengganggu orang membuang undi. Untuk makluman Yang Berhormat, Peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981 mempunyai peraturan peruntukan yang mengawal kemasukan orang-orang ke dalam tempat mengundi. Hanya orang yang layak masuk sahaja dibenarkan. Ketua tempat mengundi mempunyai kuasa untuk menghalau orang-orang yang tidak berkenaan hadir ke dalam tempat mengundi.

Tan Sri juga bertanya berkenaan dengan isi kandungan poster, *banner* yang berunsur peribadi dan fitnah. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti kempen pilihan raya sama ada isu berkaitan poster dan sebagainya adalah dipantau oleh pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya yang mana mereka boleh menurunkan poster-poster berbentuk peribadi atau fitnah. Boleh Yang Berhormat ya? *Nobody is free to lie*, untuk menipu.

Masalah kereta-kereta yang membawa pengundi tidak terkawal, terlalu laju. Perkara ini adalah di bawah kawalan pihak polis yang sentiasa memantau keadaan keselamatan semasa pilihan raya. Undang-undang yang mengatakan bahawa di jalan kampung tidak boleh lebih daripada 90 atau 60 kilometer sejam tetap terpakai pada waktu pilihan raya. Dia tidak ada imuniti pada ketika itu.

Tan Sri juga bertanya adakah kementerian, jabatan kerajaan menyemak siapa yang belum mendaftar sebagai pemilih. Setakat ini tiada arahan untuk kementerian atau jabatan kerajaan menyemak pegawai-pegawai yang belum mendaftar sebagai pemilih.

Yang Berhormat Dr. Puad, cadangan pendaftaran automatik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat undang-undang tidak mewajibkan seseorang mendaftar sebagai pemilih dan juga mengundi semasa pilihan raya. Dalam hal ini SPR tidak bercadang untuk mendaftar warganegara yang berusia 21 tahun dan ke atas sebagai pemilih secara automatik. Pendaftaran secara automatik akan menimbulkan masalah walaupun warganegara telah didaftarkan keseluruhannya kerana kemungkinan pada hari mengundi mereka tidak keluar mengundi dan ini menyebabkan peratus pengundian akan menurun.

Di samping itu akan menimbulkan masalah kepada pengundi sendiri memandangkan pendaftaran adalah berdasarkan alamat pada kad pengenalan dan mereka ini tidak tinggal di alamat berkenaan. Ini akan menyusahkan mereka untuk keluar mengundi, tetapi Yang Berhormat apa yang lebih fundamental lagi ialah hak demokratik mereka kerana memilih untuk tidak mahu jadi pengundi pun itu merupakan pilihan. Begitu juga apabila kita mendaftar menjadi pengundi tidak keluar untuk hendak mengundi juga merupakan hak demokratik dia, tidak boleh paksa kerana dia tidak mahu

mengundi. Sebabnya, sebab dia fikir bahawa dia tidak setuju dengan calon yang bertanding. Jadi jangan paksa dia, dia tak mahu keluar.

Soal fundamental di sini ialah bukan soal mereka boleh mengundi ataupun tidak tapi yang penting ialah mereka mahu kah mengundi ataupun tidak. Kita tidak boleh paksa dan kita mahu supaya warga memahami bahawa menjadi tanggungjawab mereka. *It is their responsibility*. Sampai bila kita hendak *spoon feed* mereka ini sampaikan mereka sudah umur 21 tahun pun hendak mendaftar pun dia malas hendak mendaftar. Jadi soal pilihan raya soal kehendak. Jadi kita tidak boleh paksa orang. Jadi apa kehendak dia. Kehendak dia, "aku mahu mengambil bahagian dalam memilih kerajaan." Ha, pergilah daftar. *So, that is a choice*. So, kalau dia memilih tak mahu mendaftar maknanya dia tidak mahu mengambil bahagian dan kita tidak boleh paksa dia. Nanti kalau kita paksa, dia kata saya datang bukan kerana sukarela. Saya dipaksa. Lepas itu pula bukan sahaja dia didaftar sebagai pengundi di atas kerelaan dia, bila nama sudah ada besok *time* mengundi kita kata kepada dia, kenapa *you* tak keluar mengundi, saya tak minat hendak mengundi, apa pasal *you* daftar nama saya.

Jadi sebab itu dalam soal ini yang penting kita memahami, kita ada tanggungjawab, kita ada hak dan kalau kita dengan izin, mahu *exercise* hak kita maka kitalah pergi daftar. Kalau tidak kita menganggapkan bahawa mereka tidak berminat untuk mengambil bahagian di dalam memilih kerajaan pada tiap-tiap kali pilihan raya umum diadakan. *We leave it to them to have their own choice*. Selain daripada alasan yang saya beri sebab itu kita tidak buat secara automatik.

Dalam borang penamaan calon, Yang Berhormat Dr. Puad juga bertanya pencadang dan penyokong berada dalam Bahagian pilihan raya dan mengelirukan calon yang beranggapan Bahagian pilihan raya itu sebagai bahagian bagi cawangan parti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan 4(4)(b) peraturan-peraturan pilihan raya, Perjalanan Pilihan Raya 1981 telah pun menjelaskan bahawa nama dan nombor kad pengenalan pencadang dan penyokong yang nama mereka mestilah ada dalam daftar pemilih yang sedang dipakai bagi Bahagian pilihan raya yang baginya calon itu hendak dipilih.

■ 1820

Jadi saya ingat dalam hal ini calon Bahagian, pilihan raya Parlimen, pencadang dan penyokong adalah dalam bahagian pilihan raya Parlimen berkenaan. Manakala calon bahagian pilihan raya negeri, DUN pencadang dan penyokong berkenaan adalah dalam bahagian pilihan raya negeri berkenaan. Saya ingat kita boleh faham. Ini ada kena mengena dengan Senggarang. Saya ingat kalau tidak pandai hendak isi borang, tidak layak bertandinglah. Kita kena, kalau benda yang kita pun tidak faham tidak tahulah.

Senator Dato' Gooi bertanya berkenaan latihan kepada petugas pilihan raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan pilihan raya, SPR perlu melantik petugas-petugas di kalangan penjawat awam. Memandangkan mereka ini melaksanakan tugas lima kali setahun. "Lima kali setahun"? Tidak menunjukkan bahawa..., menteri walaupun dia membaca, tetapi

dia tahu di mana ayatnya tidak kena... [Ketawa] Jadi saya sudah tahu.... [Tepuk] Tetapi saya hendak supaya Senator sedar.... [Ketawa] Kalau tidak nanti Senator terima saja apa yang saya jawab, sebab itu saya berhenti sekejap. Jadi, saya nampak Senator semua tidak tidur... [Ketawa]

Mereka tahu melaksanakan tugasnya sekali dalam lima tahun. SPR perlu melatih mereka mengenai peranan dan tanggungjawab semasa menjalankan tugas. Bagi tujuan pilihan raya umum yang akan datang, SPR sedang melatih petugas-petugas pilihan raya yang bermula sejak awal bulan Julai 2007 dan akan berakhir pada pertengahan September 2007, di seluruh negara mengikut bahagian pilihan raya masing-masing. Latihan komprehensif ini akan membantu melicinkan pelaksanaan tugas oleh petugas-petugas pada hari mengundi. Ada orang kata kalau hendak tahu pilihan raya dekat kah tidak dekat, tengok dia orang kena *training* tak? Kalau *training* itu dekat la tu. Dia orang dah *train* dah? Dekatlah tu maknanya.

Yang Berhormat Siw Chun... [Berucap dalam bahasa Thai] Masuk ikut pintu, keluar ikut tingkap! Cadangan SPR mendengar ke akar umbi semasa urusan persempadanan. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR perlu mematuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan semasa menjalankan urusan persempadanan. SPR sentiasa menjalankan proses, ini berkenaan dengan cadangan SPR mengeluarkan pengundi yang telah mati dalam daftar pemilih.

Yang tadi Don a/l Kodek itu sudah meninggal, Yang Berhormat tahu? Jadi, terima kasihlah bagi tahu kepada SPR dalam Dewan menceritakan orang yang telah mati. Kalau tidak kalau dia masih lagi nama dia, dia pengundi hantulah. Dia sudah tidak ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR sentiasa menjalankan proses pembersihan daftar pemilih bagi memastikan pemilih-pemilih yang telah meninggal dunia atau hilang kelayakan tidak kekal di dalam daftar pemilih. Urusan-urusan ini adalah urusan berterusan. Pendaftaran menerusi *internet* untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini perlu dikaji secara teliti dan mendalam bagi memastikan kesesuaian pelaksanaannya di Malaysia.

Saya ingat dalam keadaan sekarang pun manual pun kita ada masalah. Kalau *internet* ini lagi ada banyak penyalahgunaan daripada segi mendaftar. Jadi, lebih baiklah kita buat secara yang kita ada pada hari ini, kerana *internet* ini pun belum lagi, orang kata apa telah pun sempurna. Jadi, lebih baiklah kita ikut proses yang sekarang.

Yang Berhormat juga membangkitkan pertanyaan, berapakah *amount* yang terlibat selepas pewujudan jawatan-jawatan selepas diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini jumlah perbelanjaan yang terlibat hanyalah melibatkan Penolong Pendaftar Pemilih sahaja, di mana SPR membayar sebanyak RM100 bagi setiap orang yang didaftarkan. Bagi jawatan-jawatan lain, tiada perbelanjaan dikeluarkan kerana tugas tersebut dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang sedia ada. Yang ini saja kita daftar, kita hendak bagi orang kata apa galakan untuk mereka cari lebih ramai lagi pengundi-pengundi baru, maka kita bagi RM100.

Penggunaan *indelible ink*, ini Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Sharipah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sedang membuat kajian penggunaan *indelible ink* kepada pengundi yang keluar mengundi sebagai bukti bahawa mereka telah mengundi dan tidak mengundi dua kali. SPR telah merujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan dari segi kesesuaian untuk diguna pakai bagi mereka yang beragama Islam. Perkara ini masih dalam penelitian Majlis Fatwa Kebangsaan, SPR akan mengambil kira kaedah penggunaannya kepada orang-orang kurang upaya sekiranya cadangan ini diluluskan.

Jadi, kita takut bila ambil air sembahyang, jadi dia tidak meresap ke badan kita, jadi mungkin tidak sah ambil air sembahyang itu dan dia pula tidak hilang sampai mungkin dua, tiga hari. Bermakna dua, tiga hari tidak boleh sembahyang. Saya bagi jawapan ini dalam Dewan Rakyat, tetapi ada Ahli Parlimen bukan Islam tidak faham. Dia merasa hairan. Jadi sebab itu tidak payah duduk bincang banyak tentang benda ini. Kalau saya kata saya rujuk kepada Majlis Fatwa, terima sajalah. Tidak payah duduk tanya apa pasal semua kerana ini merupakan soal keagamaan.

Bagi orang-orang yang beragama Islam, apabila Majlis Fatwa kata okey, okeylah tidak ada masalah. Sebab itu kepada kita orang Islam tatu itu tidak bolehlah sebab dia tidak mengena badan kita. Kalau tanya mengapa? Itu memang sudah menjadi hukum selama hari ini.

Masalah warganegara yang tidak mempunyai alamat mengikut Jabatan Pendaftaran Negara. Untuk makluman Yang Berhormat bagi warganegara yang tidak mempunyai alamat di JPN mereka boleh membuat permohonan pertukaran alamat di JPN sebelum mendaftar sebagai pemilih. Ini kerana SPR akan mendaftarkan mereka di bahagian pilihan raya mengikut alamat yang ditunjukkan di dalam kad pengenalannya. Ini warganegara yang tidak ada, tidak akanlah ada alamat langsung di sini. Emaknya duduk mana? Bapanya duduk mana? Warganegara dia, walaupun dia belajar di luar negeri kalau umurnya 21 tahun dia masih belajar, sudah tentunya ada alamat bapanya. Kalau tidak dia mengundi dekat mana tidak tahulah, atas awan kah, mana kah? Mesti ada alamat, *no excuse*. Kalau tidak ada alamat, bermakna dia bukan warganegara kitalah, itu sahaja. Ya, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Mumtaz Md Nawi, berapakah jumlah yang dikutip oleh kerajaan atas bantahan-bantahan yang diterima semasa pameran daftar pemilih? Untuk makluman Yang Berhormat, setiap bantahan yang dibuat pembantah perlu membayar *fee* sebanyak RM10. Yang Berhormat juga bertanya deposit pilihan raya dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang menetapkan deposit pilihan raya sebanyak RM10,000 bagi Parlimen dan RM5,000 bagi DUN. Wang deposit ini akan dikembalikan kepada calon jika calon memperoleh jumlah undi sebanyak 1/8 daripada jumlah undi yang diperoleh oleh semua calon.

Deposit ini juga bertujuan bagi memastikan calon yang akan bertanding betul-betul serius untuk bertanding dalam pilihan raya. Kalau tidak nanti, sekiranya tidak ada, kalau kata deposit RM200 Yang Berhormat ramai yang bertanding tu. Jadi kita bubuhlah RM10,000 Parlimen. Kalau

Yang Berhormat hendak bertanding Padang Rengas, saya bagi deposit RM10,000 ini, tetapi minta parti putus dululah. Kita tidak meletak deposit kerana hendak halang orang bertanding. Itu bukan tujuan kita. Tidak langsung itu merupakan tujuan mengapa kita meletakkan deposit sebanyak itu. Yang Berhormat juga mungkin pernah dengar Kempen Lapan Hari.

Sebenarnya Yang Berhormat, saya duduk tengok PAS duduk berkempen sepanjang tahun. Macam baru ini di kawasan saya Doktor Afta Ramli datang, kemudian apa itu Majlis Fatwa punya itu apa? Majlis Fatwa punya pengerusi kah, apa kah. Ustaz Awang Ngah kah apa? Ahmad Awang, dia pun datang.

■ 1830

Dia datang kempenlah tu, pilihan raya, Jadi sebenarnya, kempen pilihan raya ini bukan lapan hari itu. Lapan hari itu sebenarnya cuma untuk memenuhi kehendak dalam undang-undang SPR yang memerlukan waktu kempen. Itu sahaja. Sebenarnya kempen berjalan, saya rasa kempen telah pun berjalan semenjak kita habis pilihan raya yang dahulu. Hari-hari dia orang kempen. Jadi sebab itu saya ingat kempen lapan hari cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak pernah bertanding. Letih tahu. Biarlah kita...*[Ketawa]* Ya letih. Lepas ini Yang Berhormat bertanding kot, tak apalah. Letih, jangan main-main.

Walau bagaimanapun, sebenarnya kita bebas untuk berkempen bukan lapan hari, bukan sembilan hari tetapi sebenarnya sepanjang masa kita berkempen dan sememang itulah yang kita lakukan pada tiap-tiap tahun, ya. Jadi jangan kira lapan hari. Itu hanya memenuhi kehendak SPR sahaja lapan hari tetapi sebenarnya kita berkempen sepanjang masa.

Kemudian akses kepada media, radio, TV awam, ya. Kehadiran... yang ini saya ingat kita boleh...Saya pun tidak tahu tetapi kita bimbang juga Yang Berhormat perangai ahli-ahli politik ini macam di *blog* ini, apabila kita beri ruang nanti benda-benda yang tidak sepatut dibangkit, peribadi kah, apa kah dibangkit dalam ruang yang kita beri. Jadi sebab itu saya rasa ada lebih baik dalam soal ini saya rasa kita belum sampai pada tahap seperti di Amerika Syarikat, di mana kalau dua orang demokrat bercakap dengan diberi ruang, dia bercakap dia punya polisi, dasar dia, tetapi bila kita beri ini di Malaysia, saya rasa belum sampai ke tahap itu lagi.

Baru-baru ini, katalah macam di kawasan saya. Ahmad Awang kata saya bukan Melayu. Saya pun hairan. Itu sudah pun peribadi, semata-mata kerana saya kata dalam Dewan, saya kata saya mewakili kawasan pilihan raya majoriti Melayu 65%. Jadi dalam soal kerana pembangkang beritahu kepada saya, "Yang Berhormat, *you* menteri Malaysia, jadi Malaysia *you* kena dengar cakap semua bangsa". Saya kata, "Betullah".

Dalam kawasan parlimen saya 65% Melayu, 35% bukan Melayu. Kalau saya sokong bentuk *Interfaith Commission* ini, alamatnya saya hendak matilah bila pilihan raya akan datang. Sebab saya kata Melayu tidak bersetuju. Saya kata Melayu tidak bersetuju. Oleh kerana kenyataan saya kata Melayu tidak bersetuju dia kata, "Dato' Nazri bukan Melayulah". Apakah bodohnya, semata-mata kerana saya kata Melayu kerana saya mewakili majoriti Melayu dan Melayu tidak bersetuju untuk ada

IFC sebab itu walaupun saya menteri Malaysia, saya tidak boleh hendak sokong ini kerana pengundi saya 65% Melayu, undi saya, yang tidak mahu kepada IFC. Kalau Melayu tidak mahu kepada IFC macam mana saya hendak sokong IFC? Kenyataan itu dia bawa kampung saya dia kata, "Dato' Nazri merujuk kepada Melayu maka dia bukan Melayu". Inilah gilanya, kalau masuk dalam TV lagi orang gelak. Saya ingat tak usahlah, Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam hal ini akses sebenarnya orang ramai kenal, ya. Kenal siapa PAS, kenal siapa BN, DAP. Biarlah dia orang nilai.

Ada sesetengah tempat suka pada PAS, undilah PAS. Tidak ada masalah. Saya tidak ada masalah kalau pembangkang ada dalam Dewan. Kalau pembangkang tidak ada dalam Dewan saya hendak bedal siapa?... [Ketawa]. Ya, tetapi kita profesional Yang Berhormat, dalam Dewan sahaja. Dekat luar kita berkawan, minum kopi lepas ini ya. Cuma ini maknanya orang sudah kenal, orang sudah tahu dan mereka pilihan dia, dia hendak sama ada kita ada akses kah, kita tidak ada akses kepada media awam kah, dia tidak akan menentukan sama ada kita menang atau tidak kerana rakyat tahu siapa yang dia hendak.

Jadi Yang Berhormat tidak usah bimbanglah. Saya rasa macam mana pun ada juga di kawasan-kawasan yang akan pilih PAS juga. Tidak mungkin dalam pilihan raya, sifar pembangkang. Ini siapa bercakap ini, sifar pembangkang ini? Media massa dia bukan bertanding, dia tahu apa? Saya pun tak berapa hendak seronok, beritahu kepada orang Malaysia 100% wakil rakyat dalam Dewan semua orang kerajaan. Orang kata ini Malaysia macam Nigeria pula. Macam Gabon, macam Egypt, 100% semua undi, itu menipu itu! Adanya pembangkang dalam Dewan ini pun Yang Berhormat ada memberikan apa orang kata, memberikan *legality* ada...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *Adventure.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, *adventure?*... [Ketawa] Apa benda *adventure* ini?... [Ketawa] Tidak. Maknanya kita punya Dewan ini tulenlah. Kalau tidak, dia kita semuanya menipu. Katalah dalam Dewan Rakyat, kalau ada 219 Ahli Parlimen, 219 semua BN. Orang kata itu mesti ada penipuanlah, ada apalah, tetapi kalau ada, 19 tidak usah beri banyak sangat, 17, 18 cukuplah, usah beri banyak sangat. Cukuplah tu. Itu menunjukkan ada...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [Menyampuk].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha? Ha, dia orang tidak boleh *check* pun. Dia orang tidak tahu hendak *check* apa! Maknanya Parlimen itu *real* Parlimen, betullah. Ya, daripada Parlimen yang ada 100%, Ahlinya Parlimennya daripada BN. Siapa hendak percaya. Ini mesti tipu ini tetapi dengan adanya 19, bermakna pilihan raya kita itu betul sebab ada juga pembangkang yang dapat masuk tetapi pada umumnya rakyat sayang pada Barisan Nasional. Itu sahaja, baguslah. Ha, hendak buat macam mana? Hendak buat macam mana?

Tidak apa Yang Berhormat saya pun tidak bersetuju satu Parlimen yang kata tidak ada pembangkang, itu *untenable* lah saya ingat, ya. Sebab walaupun ada pembangkang kita kata okeylah, tetapi setakat 17 cukuplah. Sebab kalau kerajaan, kita mesti, *we must govern*, tidak boleh

ada kerajaan yang tidak boleh *govern*. Jadi sekarang ini Barisan Nasional mempunyai majoriti yang kuat membolehkan dia untuk *govern*. *Its very important for the government* dengan izin, *to govern*. Jangan jadi macam setengah kerajaan, tidak boleh hendak memerintah kerana bila hendak membuat sesuatu sahaja dapat bangkangan, bila mengundi tidak seimbang, tidak boleh.

Setiap masa rakyat kena beri majoriti yang tinggi kepada Barisan Nasional untuk kita memerintah dengan adil dan saksama dan itu pun telah berlaku selama sebelas kali pilihan raya, rakyat tengok walaupun ada cubaan daripada pihak pembangkang hendak cuba memburukkan kita tetapi rakyat tidak tertipu. Rakyat tahu ini kerajaan betul memerintah dan bukan satu kali, dua kali tetapi sebelas kali pilihan raya. Insya-Allah yang ke 12 kali ini pun akan memberi kemenangan majoriti yang besar kepada Barisan Nasional. Insya-Allah, ya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja, saya ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah ambil bahagian di dalam rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang; dan hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2007**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.40 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan huraianya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada 5 Julai 2006, Jemaah Menteri telah pun meluluskan cadangan jawatankuasa peringkat tertinggi yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Bursa Saham Malaysia, Bursa Malaysia Berhad, wakil daripada industri kewangan Islam bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa atau pun MIFC yang antara lainnya mengandungi lima matlamat utama seperti berikut:

- (i) Pusat kewangan Islam dalam aktiviti organisasi penerbitan dan urus niaga instrumen, pasaran modal Islam dan perbendaharaan, pengurusan dana dan kekayaan, perkhidmatan kewangan Islam dan urus niaga takaful dan takaful semula dalam mata wang antarabangsa;
- (ii) pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, perundingan dan penyelidikan dalam perbankan dan kewangan Islam;
- (iii) penjenamaan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam terulung;
- (iv) menyerlahkan penyertaan institusi kewangan Islam Malaysia di luar negara; dan
- (v) penubuhan mekanisme penyelarasan yang berkesan dan efisien di antara kementerian dan agensi terlibat dengan sokongan panel penasihat antarabangsa.

Salah satu daripada inisiatif yang telah dicadangkan, bagi mencapai matlamat yang tersebut adalah membenarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dijalankan dalam mata wang antarabangsa dari sebarang lokasi di Malaysia oleh pelbagai agensi kewangan domestik dan asing. Sehubungan dengan itu beberapa inisiatif dan langkah utama telah dikenal pasti. Antaranya:

- (i) membenarkan bank-bank Islam yang dikesan yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] dan pengendali-pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312] untuk menubuhkan unit perniagaan di dalam institusi masing-masing bagi menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa. Perniagaan yang dijalankan unit ini akan menikmati pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun, berkuat kuasa

dari tahun taksiran 2007. Unit perniagaan ini akan dikenali sebagai Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa ataupun *International Currency Business Unit* (ICBU);

- (ii) pengeluaran lesen di bawah Akta Bank Islam 1983 kepada institusi kewangan domestik atau asing yang layak bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam tetapi hanya dalam mata wang antarabangsa, menikmati insentif cukai seperti yang diberi kepada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa. Entiti ini akan dikenali sebagai Bank Islam Antarabangsa atau pun *International Islamic Bank*; dan
- (iii) pendaftaran bersyarat di bawah Akta Takaful 1984 bagi penanggung-penanggung insurans atau institusi-institusi kewangan domestik atau asing yang layak untuk menjalankan perniagaan takaful dalam mata wang antarabangsa dan menikmati insentif-insentif cukai yang diberi kepada bank dalam menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa. Entiti ini akan dikenali sebagai pengendali takaful antarabangsa atau pun *international takaful operator*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sesi kewangan asing yang memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam antarabangsa atau pun perniagaan takaful antarabangsa di Malaysia adalah dicadangkan agar mereka diberi pilihan untuk menubuhkan syarikat subsidiari yang dipadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau hanya menubuhkan cawangan mereka di Malaysia tanpa perlu diperbadankan atau pun *local incorporation*. Dengan kelonggaran ini adalah diharapkan Malaysia akan dapat menarik lebih banyak institusi kewangan antarabangsa untuk menubuhkan operasi mereka di sini.

Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang sedia ada menyekat institusi kewangan asing untuk mendapatkan lesen di bawah Akta Bank Islam 1953 atau pun didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 kecuali melalui penubuhan syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Pilihan operasi perniagaan menerusi cawangan oleh syarikat asing adalah lebih sesuai kerana ia tidak perlu mengeluarkan modal minimum dan boleh memanfaatkan modal syarikat induk untuk tujuan operasi di Malaysia.

Ia juga memberi fleksibiliti kepada institusi kewangan asing dalam menjalankan perniagaan mereka secara global. Struktur ini adalah selari dengan amalan pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti Singapura dan Dubai dalam menawarkan fleksibiliti operasi kepada peserta industri kewangan antarabangsa. Pelaksanaan ini memerlukan sokongan perundangan yang mantap bagi memudahkan institusi kewangan asing untuk datang dan menjalankan perniagaan perbankan Islam dan takaful di Malaysia selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai enam fasal untuk memperuntukkan rangka kerja perundangan yang khusus bagi pelesenan, pengawal seliaan dan pengawasan bank-bank Islam antarabangsa di Malaysia. Secara terperinci, fasal-fasal yang disarankan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan

Fasal 2 bertujuan memasukkan ungkapan tertentu ke dalam seksyen 2 Akta 276 iaitu bank Islam antarabangsa, "institusi asing", pejabat perniagaan bank Islam antarabangsa dan syarikat asing

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru mengenai rangka kerja 5(a) ke dalam Akta 276 untuk mengadakan undang-undang bagi pengawal seliaan institusi yang menjalankan perniagaan perbankan Islam antarabangsa seperti berikut:-

- (i) Seksyen baru 30A memperuntukkan mengenai larangan am ke atas mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan perbankan Islam antarabangsa melainkan jika kehendak yang disebut di dalamnya dipenuhi yang pelanggarannya merupakan satu kesalahan;
- (ii) seksyen baru 30B membenarkan suatu institusi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, institusi asing memohon mendapatkan lesen, untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam antarabangsa tertakluk kepada kehendak tertentu yang dinyatakan di dalam seksyen itu; seksyen baru 30C memberi Menteri kuasa atas syor Bank Negara Malaysia untuk mengubah atau membatalkan syarat sesuatu lesen;
- (iii) seksyen baru 30D mengadakan peruntukan mengenai kehendak wang modal minimum bagi bank Islam antarabangsa yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan kehendak wang kerja bersih minimum bagi bank Islam antarabangsa perlu disenggarakan olehnya pada setiap masa. Menteri diberi kuasa untuk menentukan amaun minimum itu atas syor Bank Negara Malaysia; dan
- (iv) seksyen baru 30E memperuntukkan bahawa Bank Islam hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta 276 berkenaan dengan perniagaan perbankan Islam antarabangsanya dan peruntukan Akta 276 yang terpakai bagi Bank Islam hendaklah juga terpakai bagi bank Islam antarabangsa.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 53 Akta 276 untuk memberi Bank Negara Malaysia kuasa dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengawalseliaan dan pengurusan bank Islam antarabangsa.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 53A ke dalam Akta 276 untuk memberi Menteri atau Bank Negara Malaysia kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling atau nota secara am atau berkenaan dengan mana-mana peruntukan akta ini.

Fasal 6 bertujuan untuk meminta seksyen 56 Akta 276 untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana bank Islam, bank Islam antarabangsa atau orang daripada semua atau mana-mana akta ini.

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007 ini akan membolehkan pelaksanaan dasar-dasar yang lebih fleksibel khususnya bagi pelesenan, pengawal seliaan dan pengawasan ke atas institusi yang menjalankan perniagaan perbankan Islam dalam mata wang antarabangsa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

■1850

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Dr. Haji Mohd. Puad.

6.51 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983. Malaysia sememangnya amat berpotensi untuk menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa dengan jumlah penduduk sebanyak 26 juta. Kita sehingga hari ini sudah pun memiliki lebih 14 bank Islam di negara kita dan tiga di antaranya ialah bank Islam daripada luar seperti *Kuwait Finance*, *Al-Rajhi Banking* dan satu lagi ialah *Asian Finance Bank*.

Dengan adanya akta ini yang memberikan lebih fleksibiliti dalam soal pemberian lesen dan sebagainya, saya yakin lebih banyak bank Islam daripada luar yang akan masuk dan menubuhkan cawangannya di negara kita. Bagi saya, oleh kerana Malaysia akan menjadi sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa dan sebelum ini pun kita sudah meluluskan suatu Akta Perbadanan Kewangan Islam, maka persoalan yang timbul pada kita ialah 14 bank Islam yang ada di negara ini sebab untuk bersaing dengan bank-bank Islam antarabangsa yang masuk ke tempat kita, maka sudah tentulah yang kita utamakan ialah tentang saiznya yang lebih besar dan bukan jumlah bank Islam itu sendiri.

Yang lebih bermasalah ialah kebanyakan bank-bank Islam yang ada di negara kita ini adalah subsidiari kepada bank-bank konvensional yang ada. Persoalannya ialah bolehkah kita menggabungkan 14 bank Islam ini yang merupakan subsidiari kepada bank-bank konvensional yang ada, sekurang-kurangnya menjadi dua ataupun tiga bank Islam yang mempunyai saiz yang besar.

Kita sekarang ini sudah ada sembilan bank dan saya dimaklumkan bahawa bank konvensional sendiri pun sekarang ini akan melalui fasa kedua penggabungan dan ada cadangan untuk dikurangkan kepada lima bank sahaja. Kalau bank Islam ada 14 bank yang datangnya daripada subsidiari sedangkan kita ingin menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa yang memerlukan saiz yang lebih besar, maka sudah tentulah kita perlu memikirkan bagaimana bank-bank ini dapat digabungkan ataupun sekurang-kurangnya satu daripada bank konvensional yang ada ini ditukar menjadi satu bank Islam yang baru supaya apa yang saya sebutkan tadi matlamat kita supaya kita mampu bersaing dengan kemasukan bank-bank Islam antarabangsa seperti *Kuwait Finance* yang sekarang ini saya melihat semakin agresif sebenarnya di negara kita. Maka sudah tentulah kita perlu memikirkan tentang kekuatan kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperkukuhkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam ini, maka sudah tentulah kita perlu memikirkan tentang produk-produk baru dari segi kewangan Islam ini iaitu apakah produk-produk baru yang boleh kita fikirkan supaya memang Malaysia ini menjadi pusat kewangan Islam. Kita sudah ada sistem insurans Islam, kita ada sistem pasaran modal Islam dan sebagainya tetapi baru-baru ini apabila kita melihat tentang kewujudan amanah pelaburan hartanah ataupun REIT, apakah kita boleh memikirkan juga apa yang disebut sebagai REIT Islam ini untuk dilaksanakan di negara kita sebab kita memang melihat bahawa Malaysia adalah berpotensi untuk menjadi sebagai pusat pembangunan hartanah antarabangsa ini terutamanya apabila dibuka beberapa koridor seperti di Wilayah Pembangunan Iskandar, Koridor Utara, Timur dan sebagainya. Maka sudah tentu ini memberi peluang iaitu REIT Islam ini diwujudkan di negara kita dan kerana ini akan melihatkan begitu banyak lagi produk-produk baru dalam sistem kewangan Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan perkara ini, kita tahu bahawa memang kita bersaing sebenarnya, sebab kalau berdasarkan kepada laporan Bank Dunia, nilai aset pasaran kewangan Islam sekitar dunia sekarang ini ialah sebanyak USD250 bilion. Ini adalah suatu jumlah yang cukup besar dan sebab itulah melihatkan kedudukan kita sebagai pusat kewangan Islam yang strategik, maka kita tidak boleh alpa dalam soal ini terutama kalau kita melihat negara jiran kita iaitu Singapura memang sekarang ini sedang menawarkan insentif-insentif untuk menjadikan Singapura juga sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Sebab itulah saya menyokong rang undang-undang ini yang dilihat lebih fleksibel dari segi pemberian lesen dan sebagainya, tetapi saya berharap kita memikirkan juga supaya bank Islam di negara kita ini lebih berdaya saing.

Saya cuma sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu ingin membangkitkan soal Jawatankuasa Penyiasat Syariah kerana ini penting sebenarnya. Ia mestilah suatu jawatankuasa yang *reliable* dan meyakini. Soalnya ialah apakah Jawatankuasa Penyiasat Syariah ini dipantau dari segi produk-produk kewangan Islam yang ada di negara kita sama ada dari segi pelaburan saham, insurans, pasaran kewangan Islam dan pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bangkitkan secara ringkas mengenai akta ini. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah.

6.57 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang bagi saya membahaskan sedikit tentang Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan perbankan Islam di negara ini adalah sesuatu yang dikagumi dunia. Saya dapat melihat semenjak ia mula ditubuhkan mengikut Akta Bank Islam 1983 dan dengan pembentukannya Bank Islam pada tahun 1985, perkembangan perbankan Islam di Malaysia mencapai satu tahap yang kita rasakan sebagai *meteoric* sebab dalam jangka masa 23 tahun sahaja, Malaysia sudah pun dijadikan tumpuan kepada dunia untuk melihat bagaimana *Islamic banking* iaitu perbankan Islam dapat mencapai kejayaan yang tidak pernah disangka.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihatkan pindaan pada hari ini kepada Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007 ini adalah satu proses yang natural, proses yang saya rasakan semula jadi yang harus dilakukan sekiranya kita benar-benar hendak memperkembangkan dan menjadikan Malaysia sebagai hab perbankan Islam dunia. Sekiranya kita hendak mencapai tahap ataupun sasaran yang telah pun dilakukan oleh kita di dalam *Islamic banking and finance master plan* iaitu untuk menentukan bahawa pada tahun 2010, jumlah aset perbankan yang datang daripada perbankan Islam ialah 20%.

Ini adalah suatu perkembangan yang harus berlaku, satu perkembangan yang amat sihat yang harus kita berikan sokongan yang kuat sekali. Untuk membolehkan *Islamic banking* ini berurusan dengan mata wang asing ialah sesuatu yang akan mengembangkan sistem perbankan Islam kita di Malaysia dan menjadikan ia satu proses yang menerajui, yang memasuki dunia yang lain. Ini akan meng *internationalize* kan dengan izin, perbankan Islam di Malaysia. Ia akan menggagahkan lagi sistem perbankan Islam yang ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbankan Islam berkembang bukan sahaja menerusi ataupun melalui pembentukan bank-bank seperti *Kuwait Finance House*, *Al-Rajhi Bank* dan Bank Rakyat jangan lupa kerana ia 100% bank Islam juga tetapi melalui apa yang kita katakan *Islamic windows* yang diadakan di syarikat-syarikat ataupun bank-bank konvensional.

■ 1900

Sungguhpun mereka ini merupakan *window* tetapi *window* ini, tingkap ini semakin berkembang dan ia sebenarnya sudah pun memberi satu sumbangan yang besar kepada perkembangan perbankan Islam. Kalaulah kita sudah pun mengucup *consolidate* kita punya sistem perbankan kepada sepuluh bank sekarang, kuncup kepada lima kalau pun diadakan, saya rasa tidak akan mengecilkan perbankan Islam di bawah sistem *window* dalam bank-bank konvensional. Bahkan kalau kita lihat perkembangan aset yang ada sekarang dalam perbankan Islam, ianya semakin meningkat. Dan penggunaan produk-produk pun adalah sesuatu yang digunakan bukan sahaja oleh orang Islam tetapi oleh bangsa-bangsa asing, beragama asing. Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam penggunaan perbankan Islam itu kian memuncak.

Dan ini adalah sesuatu yang harus kita beri tabiklah kepada Bank Negara dan kepada kerajaan, kerana sudah pun berjaya bukan sahaja apa yang saya katakan dengan izin, *the deepening of the products*, maknanya perkhidmatan dan produk-produk yang kita keluarkan itu adalah semakin banyak, tetapi semakin *performs* juga penggunaan produk-produk yang mungkin tidak terdapat di bank-bank asing yang lain, bukan sahaja yang bertempat di Malaysia tetapi juga yang terdapat di luar negara. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dahulunya saya bekerja dengan sebuah bank Perancis yang mempunyai juga *window* untuk perbankan Islam. Dan mereka juga ingin melihat kedatangan mereka di sini, ingin datang tetapi oleh sebab kita tidak *liberalize* lagi kita punya *banking sector*, dengan izin maka mereka sudah pun melihat kejayaan perbankan Islam. Bukan sahaja di Malaysia tetapi dapat juga ditumpukan di negara-negara lain, dikembangkan di negara lain dan Malaysia menjadi contoh.

Sekarang ini perkhidmatan dan juga produk yang dikeluarkan di bawah sistem perbankan Islam di Malaysia sudah pun menjangkau 40 produk dan perkhidmatan. Satu sahaja saya hendak menegur di sini, saya kehairanan dan saya rasa kita boleh menukar ini. 40 produk ini semuanya dalam bahasa Arab, Al-Tijari, Murabahah, Murabahah, nanti saya hendak baca, semuanya dalam bahasa Arab. Dan saya sendiri sungguh pun dulu bermula dengan Bank Rakyat, Murabahah, Murabahah, Al-Tijari itu dapat ingat tetapi yang lain-lainnya tidak dapat ingat. Istisna' yang teruk sekali ialah Bai' Bithaman Ajil iaitu *financing, bungalow lot financing* dan lain-lainnya. Dan komoditi Murabahah, Murabahah Tawaruk, persoalannya adakah kita harus mengguna perkataan Arab untuk menunjukkan ianya produk *Islamic banking*? Saya rasa bahasa Malaysia yang ada dengan kita cukup indah untuk kita guna pakai sebab di negara Arab umpamanya di negara Lebanon, namanya Yusof Hassan Al-Qardawi, tetapi dia bukan orang Islam, dia orang Kristian. Jadi nama Arab itu tidak melambangkan mutlak dengan hakikinya keislaman.

Jadi kenapakah kita menukarkan kedudukan di sini di Malaysia dengan penggunaan perkataan-perkataan Arab? Bai' Bithaman Ajil, Istisna', Musyarakah, Mudharabah, Hijarah, kalau pergi - kalau macam saya ini boleh juga hendak ingat-ingat. Kalau orang lainlah pergi bank, orang itu kata, ini tak boleh kita kena kata Isyiharah juga, dia tidak faham. Mungkin sebenarnya dia hendak meminta *loan* Muradhabah, dia dapat Al-Tijari, pada dia tidak ada perbezaan.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Hal perumahan, tidak. Saya rasakan Bank Negara boleh mencari jalan. Kalau dulu ya, jalan-jalan kita ialah Jalan Mountbatten, Jalan Jodie Foster, jalan apa-apa dijadikan Jalan Rahim Kajai, Jalan Tun Dr. Ismail, kenapa tidak kita Melayukan, kita Malaysiakan *term-term* produk-produk perbankan Islam? Sebab amat sukar, amat mengelirukan, yang pentingnya kita harus beri tekanan nama Arab itu tidak menentukan produk keislaman. Seperti juga nama yang cantik dan indah nama Islam, tidak semestinya orang itu orang Islam. Jadi kita harus *mindset* kita itu kita ubah sikitlah, yang kita kata *out of the box*, inilah dia. Kalau hendak ikut, macam pakai jubah, adakah kita Islam? Tidaklah, orang kadang-kadang pakai jubah, sebab dia suka

pakaian jubah itu tetapi bukan orang Islam. Jadi serupalah juga nama-nama, produk-produk dan perkhidmatan di bawah perbankan Islam.

Jadi kawan-kawan gelisah dan resah kerana masa semakin malam dan mereka sudah pun memberi *warning* kepada saya jangan cakap panjang-panjang, sebab kalau bercerita tentang perbankan Islam memang panjanglah hajat di hati, tetapi kerana sayangkan kawan, saya akan berhenti. Dan dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang bercadang untuk berbahas? Kalau tidak ada saya minta pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

7.06 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan juga Dato' Dr. Norraesah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Ini berbeza dengan Dewan Rakyat, Dewan Rakyat dulu tanpa bahas... [*Tepuk*] Mungkin kerana terlewat masa, itulah dah lewat dah.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan bahawa Malaysia sebagai potensi perbankan Islam. Ini memang benar, Malaysia sebenarnya kalau dari segi perbankan domestik, adalah yang paling ulung di dunia dari segi perbankan Islam domestik. Tetapi dari segi perbankan Islam antarabangsa ini, kita jatuh ke bawah sikitlah berbanding dengan Dubai kerana bank mereka lebih besar, maka perbankan Islam antarabangsa diterajui ataupun didahului oleh bank-bank di luar daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan tentang persaingan bank Islam. Sekarang bank Islam *local* adalah subsidiari, tidak ada bank Islam yang lain, Bank Islam, Bank Muamalat, apa lagi ada yang disebut di sini tiga bank. Yang itu bank yang agak kecil dan sebenarnya bila bank-bank sebagai subsidiari ditubuhkan, di belakangnya adalah bank besar, bank-bank komersial besar. Seperti yang disebut, kalau hendak digabungkan macam bank-bank yang lain, ini adalah terpulung kepada *market forces* Tuan Yang di-Pertua. Macam dulu bank komersial ada 54 bank, kemudian digabungkan menjadi sepuluh bank, sekarang mungkin dah jadi sembilan bank.

Itu berdasarkan kehendak-kehendak pasaran Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila bank ini menjadi besar, masalah timbul pula, masalah peniaga-peniaga kecil SME ini dia tidak dapat pembelaan yang sebaiknya. Bank besar lebih menumpukan perhatian mereka membantu orang yang lebih besar. Jadi kalau bank besar itu masalah jugalah bila bank jadi lebih besar. Tidak macam dulu, bila bank kecil, dia bantu orang yang kecil. Jadi hal ini berlaku masalah SME, peniaga-peniaga yang kecil ini tidak dapat pembelaan, tidak dapat pinjaman yang mudah daripada bank-bank yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadilah bahawa penggabungan bank-bank Islam ini adalah bergantung pada *market forces*. Tentang produk *rate* Islam memang sudah ada berjalan sebenarnya, ada dua tiga institusi termasuk ARB, Amanah Raya Berhad telah pun

mengeluarkan *rate Islam, Islamic rate* ya, sudah berjalan. Dan ini juga memenuhi syarat-syarat oleh penasihat syariah kita. Negara-negara lain seperti Singapura memang mereka juga ingin menjadi pusat perbankan Islam antarabangsa, tetapi setakat ini Singapura memang menawarkan pelbagai insentif tetapi mereka masih lagi terkebelakang berbanding dengan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam domestik yang paling ulung di Malaysia ini.

■ 1910

Dari segi jawatankuasa syariah, ini memang jawatankuasa yang diletak di bawah Bank Negara dan semua produk yang disebut oleh Dato' Dr. Norraesah, 40 produk semuanya dapat kelulusan daripada lembaga penasihat ini. Kalau tak dapat kelulusan, maka mereka tak boleh menjual ataupun mempromosikan produk-produk mereka. Ini kita amat-amat tegas dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Norraesah membangkitkan tentang memanglah matlamat kita hari ini perbankan Islam di Malaysia sebelum 2020, 20% daripada seluruh perbankan di Malaysia. Jadi setakat ini hampir 12%, lebih kurang RM135 bilion nilai perbankan, lebih kurang 12%, 11.7% sebenarnya ataupun 12%, *up-to-date* lah. Saya yakin dengan perkembangan semasa ini, saya yakin perbankan Islam akan dapat mencapai matlamat 20% ini dalam jangka masa tahun 2020 tak lama lagi.

Dulu seperti yang disebut oleh Dato' Dr. Norraesah, dulu *Islamic bank* menggunakan *windows* dalam pelbagai *commercial bank*, sekarang dah dibenarkan menebus subsidiari dah banyak subsidiari yang ditubuhkan seperti yang kita semua ketahuilah Hong Leong Islamic Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Affin Bank dan sebagainya tapi bank Malayan Banking masih lagi *window* Tuan Yang di-Pertua.

Tentang nama-nama produk, ini yalah saya pun kadang-kadang keliru juga bila disebut. Sampai sekarang saya tak boleh nak ingat pelbagai jenis pinjaman melalui perbankan Islam ini, saya sendiri sebenarnya *confused* dalam nama-nama ini. Cadangan adalah baik, *why not* kita tukarkan menjadi nama-nama Malaysia ini berdasarkan perbankan Islam tapi nama-nama menjadi nama lokal, nama Malaysia dan mudah-mudahan mungkin juga dituruti dan diikuti di peringkat internasional dan sebagainya.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagilah kepada kedua-dua Yang Berhormat kita yang telah mengambil bahagian dan saya yakin semuanya akan menyokong pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.11 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984 [Akta 312] dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan huraikan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada 5 Julai 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan jawatankuasa peringkat tertinggi yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Bursa Malaysia Berhad dan wakil dari institusi kewangan Islam bagi menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC) yang antara lainya mengandungi lima matlamat utama seperti berikut:

- (i) menjadi pusat kewangan Islam dalam aktiviti organisasi penerbitan dan urus niaga instrumen pasaran modal Islam dan perbendaharaan, pengurusan dana dan kekayaan, perkhidmatan kewangan Islam dan urus niaga takaful dan takaful semula dalam mata wang antarabangsa;
- (ii) menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, perundingan dan penyelidikan dalam perbankan dan kewangan Islam;
- (iii) penjenamaan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang terulung;
- (iv) menyerlahkan penyertaan institusi kewangan Islam Malaysia di luar negara; dan

- (v) penubuhan mekanisme penyelarasan yang berkesan dan efisien di antara kementerian dan agensi yang terlibat dengan sokongan panel penasihat antarabangsa.

Salah satu inisiatif-inisiatif yang telah dicadangkan bagi mencapai matlamat yang tersebut adalah membenarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam dijalankan dalam mata wang antarabangsa dari sebarang lokasi di Malaysia oleh pelbagai institusi kewangan domestik dan asing. Sehubungan dengan itu, beberapa insentif dan langkah utama telah dikenal pasti. Antaranya:

- (i) membenarkan bank-bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] dan pengendali-pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312] untuk menubuhkan unit perniagaan di dalam institusi masing-masing bagi menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa;
- (ii) perniagaan yang dijalankan dalam unit-unit ini akan menikmati pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun berkuat kuasa dari tarikh taksiran 2007. Unit perniagaan ini akan dikenali sebagai Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa ataupun *International Currency Business Unit*.
- (iii) pengeluaran lesen di bawah Akta Bank Islam 1983 kepada institusi kewangan domestik atau asing yang layak bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam tetapi hanya dalam mata wang antarabangsa dan menikmati insentif cukai seperti yang diberikan kepada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa. Entiti ini akan dikenali sebagai Bank Islam Antarabangsa ataupun *International Islamic Bank*; dan
- (iv) pendaftaran bersyarat di bawah Akta Takaful 1984 bagi penanggung-penanggung insurans ataupun institusi-institusi kewangan domestik atau asing yang layak untuk menjalankan perniagaan takaful dalam mata wang antarabangsa dan menikmati insentif cukai yang diberikan kepada bank dalam menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa. Entiti ini akan dikenali sebagai Pengendali Takaful Antarabangsa ataupun *International Takaful Operator*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi institusi kewangan asing yang memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam antarabangsa atau perniagaan takaful antarabangsa di Malaysia, adalah dicadangkan agar mereka diberi pilihan untuk menubuhkan syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 ataupun hanya menubuhkan cawangan mereka di Malaysia tanpa perlu diperbadankan. Dengan kelonggaran ini, adalah diharapkan Malaysia dapat menarik lebih banyak institusi kewangan antarabangsa untuk menubuhkan operasi mereka di sini. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang sedia ada menyekat institusi kewangan asing untuk mendapatkan lesen di bawah Akta Bank Islam 1983

ataupun didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 kecuali melalui penubuhan syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

■ 1920

Pilihan operasi perniagaan menerusi cawangan oleh syarikat asing adalah lebih sesuai kerana ia tidak perlu mengeluarkan modal minimum dan boleh memanfaatkan modal syarikat induk untuk tujuan operasi di Malaysia. Ia juga memberi fleksibiliti kepada institusi kewangan asing dalam menjalankan perniagaan mereka secara global. Struktur ini adalah selari dengan amalan pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti di Singapura dan Dubai dalam menawarkan fleksibiliti operasi kepada peserta industri kewangan antarabangsa. Pelaksanaan ini memerlukan sokongan perundangan yang mantap bagi memudahkan institusi kewangan asing untuk datang dan menjalankan perniagaan perbankan Islam dan takaful di Malaysia selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan fasal untuk memperuntukkan rangka kerja perundangan-perundangan yang khusus bagi pendaftaran pengawalseliaan dan pengawasan bank-bank Islam antarabangsa di Malaysia. Secara terperinci fasal-fasal yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan ungkapan tertentu ke dalam seksyen 2 Akta 312 iaitu takrif syarikat asing, institusi asing dan perniagaan takaful antarabangsa dan untuk meminda takrif pengendali supaya termasuk juga pengendali takaful antarabangsa.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 8(8) untuk menghendaki pendaftaran pengendali takaful disiarkan dalam warta.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)(d) untuk memperuntukkan bahawa satu pengendali takaful antarabangsa yang gagal mematuhi kehendak dalam seksyen baru 40C boleh menyebabkan pendaftarannya dibatalkan oleh ketua pengarah di bawah seksyen 11(1).

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru 11A untuk mengadakan peruntukan mengenai rangka kerja undang-undang bagi pendaftaran pengendali takaful antarabangsa seperti berikut:

- (i) seksyen baru 40A memperuntukkan mengenai larangan am ke atas mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan takaful antarabangsa melainkan jika kehendak yang disebut di dalamnya dipatuhi dan pelanggarannya merupakan satu kesalahan;
- (ii) seksyen baru 40B membenarkan syarikat atau institusi asing membuat permohonan secara bertulis kepada ketua pengarah bagi pendaftaran menjalankan perniagaan sebagai pengendali takaful antarabangsa tertakluk kepada kehendak pelesenan tertentu yang dinyatakan dalam seksyen itu;

- (iii) seksyen baru 40C mengadakan peruntukan mengenai kehendak wang modal minimum bagi sesuatu syarikat dan kehendak wang kerja bersih minimum bagi institusi asing yang hendaklah diselenggarakan oleh mana-mana orang yang telah berdaftar atau ingin didaftarkan di bawah seksyen 40B;
- (iv) seksyen baru 40D memperuntukkan bahawa pengendali takaful dan pengendali takaful antarabangsa hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta 312 berkenaan dengan perjalanan perniagaan sebagai pengendali takaful antarabangsa; dan
- (v) mana-mana peruntukan akta yang terpakai bagi pengendali takaful hendaklah terpakai bagi pengendali takaful antarabangsa dan menteri atas syor ketua pengarah diberi kuasa untuk membuat pengubahsuaian yang perlu dalam pemakaian peruntukan Akta 312 bagi pengendali takaful antarabangsa.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 45(4) untuk menjadikan peruntukan itu juga terpakai bagi pengendali takaful antarabangsa.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 59A ke dalam Akta 312 untuk memberi menteri kuasa atas syor ketua pengarah untuk mengecualikan pengendali takaful antarabangsa atau orang daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 69 ke dalam Akta 312 untuk memberi menteri atau ketua pengarah kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling atau nota yang perlu bagi menguatkuasakan akta ini.

Rang Undang-Undang Takaful (Pindaan) 2007 ini akan membolehkan pelaksanaan dasar-dasar yang lebih fleksibel khususnya bagi pendaftaran, pengawalseliaan dan pengawasan ke atas institusi yang menjalankan perniagaan takaful dalam mata wang antarabangsa di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Dato' Noraesah.

7.25 mlm.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedari bahawa malam ini sudah tiba tetapi kawan-kawan mengatakan bahawa sesuatu harus diperkatakan untuk menunjukkan bahawa Dewan Negara begitu prihatin untuk membahaskan akta.

Tuan Yang di-Pertua, akta pindaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah sesuatu yang *consequential* akibat daripada akta yang sudah pun dibentangkan kita persetujui. Ia

juga merupakan suatu perkembangan yang semula jadi akibat daripada perkembangan sektor takaful yang kian meningkat. Kita dapat lihat jumlah operator-operator takaful sudah pun meningkat daripada hanya dua pada tahun 2001 kepada lapan pada masa kini. Saya yakin dan merasakan bahawa kita mempunyai kebolehan untuk *internationalize* kan aktiviti kita dengan adanya pindaan yang akan membolehkan mereka mengurus ataupun menjalankan aktiviti dan perniagaan dalam mata wang asing.

Ini juga harus kita terima sebagai satu kejayaan Bank Negara Malaysia yang memperkenalkan Akta Takaful setahun selepas Akta Perbankan Islam iaitu pada tahun 1984. Inisiatif-inisiatif yang diambil yang sudah pun menunjukkan kebolehan kita iaitu dengan adanya ASEAN Takaful Group pada tahun 1995 dan kemudiannya pada tahun 1997 ialah satu loncatan yang hebat apabila kita mengadakan Malaysian Takaful - *the formation of Islamic re-insurance*.

Ketiga-tiga perkembangan ini adalah inisiatif yang diambil oleh kita yang sudah pun pada perkataan yang saya hendak gunakan ialah merebakkan, meluaskan lagi penggunaan takaful kepada negara-negara jiran kita, Brunei, Singapura dan Indonesia umpamanya. Ini menunjukkan bahawa Malaysia dapat digunakan sebagai contoh yang cemerlang untuk membangunkan sistem takaful bukan sahaja di negara kita tetapi di rantau ini.

Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa perkembangan takaful kebanyakannya adalah dalam *family business - business* kekeluargaan iaitu insurans yang diambil untuk keluarga - *life insurance*, dengan izin. Bagi pihak *general insurance* itu tidak meningkat sebegitu baik. Umpamanya jumlah ejen untuk *business* keluarga meningkat daripada 5,391 kepada 11,000 lebih dan *generalnya* tidak meningkat sebegitu baik.

Jadi, saya merasakan bahawa mungkin Bank Negara dan Kementerian Kewangan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi bukan mendesak, tetapi memberi taklimat yang lebih kepada syarikat-syarikat umpamanya lebih menggunakan takaful. Saya merasakan sebenarnya pulangan daripada takaful adalah sama baiknya kalau tidak daripada pulangan insurans biasa. Jadi saya merasakan mungkin pendidikan ataupun penghayatan belum lagi sampai kepada tahap yang seharusnya dalam penggunaan ataupun perniagaan takaful itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat juga aset di bawah takaful - dana, sudah pun menjangkau kepada RM6 bilion pada tahun 2006. Ini satu perkembangan yang amat cemerlang. Jadi saya rasakan bahawa kadangkala kita kurang bercakap tentang takaful, tetapi banyak tentang perbankan Islam. Sebenarnya jumlah perniagaan takaful adalah amat besar, tetapi yang kita lihat hanyalah dengan izin, *the tip of the iceberg*. Maknanya perniagaan ataupun penglibatan takaful untuk menjualkan lagi, memperbanyakkan lagi, menghebahkan lagi produknya kepada rakyat di Malaysia ini adalah amat besar sekali.

■ 1930

Maka saya rasakan bahawa kita harus mengambil tindakan yang lebih khusus dan lebih bermakna untuk menentukan bahawa penggunaan takaful itu lebih diperluaskan lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak memanjangkan masa, saya pohon menyokong akta ini. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab dan menggulung perbahasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Norraesah yang menjadi *spokes lady* kepada Dewan ini. Ya, memang benar Tuan Yang di-Pertua bahawa perniagaan takaful ini memang meningkat laju. Sekarang seperti yang disebut oleh Dato' Dr. Norraesah sebenarnya, dia punya *market share* bukan RM6 bilion, tetapi RM7.2 bilion. *Up-to-date* lah sehingga hari ini.

Peningkatan bagi suku pertama tahun ini sahaja sudah meningkat 17.7% ataupun maknanya kalau dari segi kuantumnya RM481 *million* caruman yang diterima pada suku tahun pertama, ini sahaja. Maknanya satu peningkatan yang amat laju dan memang sekarang ini operator yang ada sebenarnya operator pengendali syarikat takaful ini yang tempatan atau *local*, ialah Syarikat Takaful Malaysia Berhad, 'Grand' Takaful Malaysia Sdn. Bhd., Maybank Takaful, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan Commerce Takaful.

Yang asing ialah Prudential BSN Takaful, HSBC Amanah Takaful, Hong Leong Tokyo Marine Takaful dan MAA Takaful. Ini yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat asing. Memang pihak kerajaan mengadakan *road show* Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya dalam negeri tetapi juga di luar negara seperti di China, di Jepun, di Dubai dan di Jakarta untuk memperkenalkan takaful Malaysia dan perbankan Islam. Memang hari ini kita menggalakkan re-takaful dan setakat ini sudah ada dua syarikat re-takaful iaitu MNRB dan juga Munich Re. Ada dua re-takaful dan memang ada lagilah lesen kalau ada sesiapa yang berminat untuk hendak pohon, ada lagilah.

Jadi saya ingat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pada keseluruhannya, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah turut menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan dalam Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERTUKARAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.35 ptg.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949 [*Akta 204*] dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Bil Pertukaran 1949 [*Akta 204*] adalah perlu untuk memperkenalkan sistem pemangkasan cek. Akta 204 merupakan undang-undang tunggal di Malaysia mengenai instrumen boleh niaga. Tidak mempunyai peruntukan bagi membolehkan cek-cek dan instrumen-instrumen boleh niaga yang lain dikemukakan untuk penjelasan secara sistem pemangkasan. Akta 204 membenarkan sistem penjelasan cek berasaskan imej.

Melalui sistem ini, bank pemungut perlu menghantar cek secara fizikal ke pusat penjelasan cek bagi tujuan penjelasan. Di pusat penjelasan cek, imej dan maklumat cek berkenaan diambil dan dihantar kepada bank-bank pembayar untuk tujuan pengesanan, pengesahan dan pembayaran. Di bawah sistem pemangkasan cek yang bakal diperkenalkan, imej dan maklumat cek akan dihantar secara elektronik dari bank pemungut ke pusat penjelasan cek dan seterusnya kepada bank pembayar untuk tujuan pembayaran.

Cek asal akan disimpan oleh bank pemungut dan tidak perlu dihantar kepada bank pembayar. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk membolehkan dokumen pengulangan imej diterima sebagai dokumen yang sah serta memberi Menteri Kewangan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 204 berkenaan dengan sistem pemangkasan cek.

Dokumen pemulangan imej ini dikeluarkan oleh bank pemungut kepada pendeposit cek yang bertujuan untuk memberi notis kepada pendeposit bahawa cek atau instrumen boleh niaga lain yang didepositkan tidak dapat dijelaskan atas sebab-sebab tertentu. Ia merupakan dokumen bagi menggantikan cek asal yang tidak dikembalikan kepada pendeposit sekiranya cek yang didepositkan oleh mereka ditolak bagi membolehkannya mengemukakan semula untuk pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi empat fasal dan secara terperinci, fasal-fasal yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan 74A untuk membuka laluan bagi pelaksanaan sistem pemangkasan cek. Seksyen baru 74A membenarkan bank pemungut untuk mengemukakan cek bagi pembayaran kepada bank pembayar dengan menghantar melalui kaedah elektronik, imej dan maklumat pembayaran elektronik cek itu sebagai pengemukakan ganti cek itu sendiri, tetapi mengekalkan hak bank pembayar untuk meminta supaya cek itu sendiri dikemukakan.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 74B dan 74C ke dalam Akta 204 yang berhubungan dengan sistem pemangkasan cek.

- (i) Bagi seksyen baru 74B, menghendaki bank pemungut mengeluarkan dokumen pemulangan imej kepada pemegang cek jika cek itu tidak laku oleh kegagalan pembayaran, melainkan jika bank pemungut memulangkan cek itu atau pemegang cek meminta pemulangan cek itu. Dokumen pemulangan imej boleh dikemukakan bagi pembayaran oleh pemegang cek kepada bank pemungut yang mengeluarkan dokumen itu. Dokumen pemulangan imej itu adalah disifatkan sebagai suatu cek bagi maksud pengemukakan; dan
- (ii) Seksyen baru 74C memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemangkasan cek; dan
- (iii) Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 86 bagi memperuntukkan bahawa seksyen 74A dan 74B terpakai bagi instrumen yang disebut di dalam perenggan 85(2)(b) Akta 204 dan seksyen 74A, terpakai bagi instrumen yang disebut di dalam perenggan 85(2)(c) Akta 204.

▪ 1940

Instrumen yang dikeluarkan di bawah perenggan 85(2)(b) dan 85(2)(c). Walaupun bukan bil pertukaran boleh dikemukakan dengan menghantar melalui kaedah elektronik imej dan maklumat-maklumat elektronik instrumen itu.

Sekiranya instrumen di bawah perenggan 85(2)(b) tidak berlaku oleh kegagalan-kegagalan pembayaran, dokumen pemulangan imej akan dikeluarkan kepada pemegang instrumen itu. Walau bagaimanapun dokumen pemulangan imej di bawah seksyen 74B tidak terpakai bagi instrumen yang disebut dalam perenggan 85(2)(c). Contoh instrumen di perenggan 85(2)(b) ialah waran pencen dan waran faedah. Contoh instrumen di bawah perenggan 85(2)(c) ialah cek jurubank dan penerimaan jurubank.

Rang Undang-undang Bil Pertukaran Pindaan 2007 ini akan memperuntukkan satu kuasa yang jelas di sisi undang-undang untuk memperkenalkan sistem pemangkasan cek. Pelaksanaan

sistem pemangkasan cek membolehkan tempoh penjelasan cek diseragamkan untuk seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Di samping itu ia juga akan mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh institusi perbankan bagi menjelaskan cek, terutamanya bagi cek luar kawasan. Tambahan lagi, teknologi pemangkasan cek bagi memproses cek-cek telah digunakan di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, di Kanada, di India, Sri Langka, Hong Kong, di Bhutan dan juga di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

7.42 mlm.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pembayaran pada tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia masih kekal sebagai pengguna wang tunai dan cek yang tinggi dengan mata wang dengan edaran mencakupi 6.1% dari keluaran dalam negara kasar. Manakala cek mencakupi 95.1% daripada nilai bayaran bukan tunai pada tahun 2005.

Isu, menurut statistik Bank Negara Malaysia, tahap penggunaan cek di negara ini adalah amat tinggi iaitu 7.6% urus niaga cek bagi setiap penduduk. Ini dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Norway hanya 0.3 untuk setiap penduduk. Adakah ini satu keadaan yang normal bagi sesebuah negara seperti Malaysia atau perlu kah kita membuat sesuatu untuk mengurangkan tahap penggunaan cek yang tinggi di negara ini.

Kajian yang dijalankan di beberapa negara juga mendapati bahawa perpindahan dari sistem pembayaran yang menggunakan kertas seperti cek dan wang kertas kepada sistem pembayaran elektronik akan dapat menjimatkan kos sebanyak 1% dari keluaran dalam negara kasar dari segi kos percetakan, kos penstoran, kos pengangkutan dan kos keselamatan. Adakah kajian telah diambil terhadap amaun penjimatan yang akan diperolehi apabila sistem ini dilaksanakan sepenuhnya di negara ini.

Akhir sekali pada masa sekarang bank memerlukan tiga hari untuk satu cek *clearing* dengan izin sebelum ia boleh digunakan. Sama ada tempoh ini akan dikurangkan dalam jangka masa yang dekat ini. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih... Belum dijemput lagi... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Memang pun saya hendak menjemput Yang Berhormat hendak menjawab dan gulung. Tidak ada yang hendak bahas.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat semua orang dah tidak minat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yip.

Memang tujuan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada majlis di Pulau Pinang kah?... [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada *dinner* Tuan Yang di-Pertua. Lewat tidak apa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita hendak gunakan sistem elektronik adalah tujuan menjimatkan masa sebenarnya. Kalau dahulu cek yang diterima oleh bank itu kena bawa *physically* cek itu dalam *security bag* dan sebagainya dan dibawa ke Bank Negara kemudian di bawa pula ke bank pembayar. Jadi kalau cek itu di Sabah di bawa ke Kuala Lumpur kemudian ke Pulau Pinang, akan makan masa seminggu hingga ke sepuluh hari. Kecuali *local bank*, kalau *local* Kuala Lumpur, ke Kuala Lumpur mungkin ambil masa satu hari. Sekarang digunakan sistem ini maka cek itu tidak perlu dibawa secara fizikal cuma dihantarkan imej secara elektronik dan itu diterima pakai. Jadi ada *cost saving* dari segi hendak bawa cek itu sudah kos, jadi ia menjimatkan kos.

Dalam hal lain, bila cek itu dipulangkan balik jadi pihak tuan punya cek yang asal itu sama ada diterima rekod elektronik ataupun diminta balik cek asal itu hak mereka, boleh minta balik dan itu kelonggaran yang diberi dalam rang undang-undang yang kita bahaskan hari ini. Bermakna dari segi tentang penjimatan kita belum tahu lagi berapa banyak yang jimat, tapi setakat ini saya yakin dengan menggunakan sistem elektronik ini banyak penjimatan masa dan banyak penjimatan kos. Maknanya orang yang hendak menerima duit itu akan jimat dari *interest bank* dan sebagainya.

Ini satu kaedah yang baru bagi kita tapi telah dilaksanakan di banyak negara lain termasuk jiran kita termasuk di Bhutan yang merupakan satu negara yang agak terkebelakang dari negara kita tapi sudah menggunakan sistem ini. Jadi memang amat patutlah dan amat patut segerakan dan kita sokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

Setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ada beberapa perkara yang tidak terjawab mungkin Yang Berhormat akan selesaikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui. Majlis Mesyuarat bersidang semula. Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana gigih memandu tiga rang undang-undang sehingga peringkat lewat begini rupa. Sekali gus bagi pihak Timbalan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan terima kasih kami berdua kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di atas satu persidangan Dewan yang bukan sahaja memberi kepuasan malah memberangsangkan... [*Tepuk*]

Saya juga merakamkan penghargaan kepada Setiausaha Dewan Negara, penolong-penolong setiausaha, *staff*, dan seluruh kakitangan yang melalui sumbangan bakti mereka telah membolehkan Dewan bersidang dengan sempurna. Harapannya kita telah sama-sama tunaikan tuntutan negara untuk kita sempurnakan tugas kita masing-masing. Salam hormat... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.51 malam